

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

**HARI KEEMPAT**

**SELASA, 2 JULAI 2019**

**BIL. 5 TAHUN 14**

**HADIR**

**YB Speaker,**

Tuan Suhaizan bin Kaiat

**YB Timbalan Speaker,**

Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia**

Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad  
(Kota Iskandar)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat**

Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti**

Tuan Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan**

Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar  
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna**

Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah  
(Bekok)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan  
dan Koperasi**

Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali  
(Paloh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan  
Pembangunan Luar Bandar**

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi, PIS II., BSI., AMN  
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar  
dan Alam Sekitar**

Tuan Tan Chen Choon  
(Jementah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur**

Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri  
(Tenang)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, SPMJ., DSNS., AMN., PIS.  
(Kempas)

YB Tuan Tan Hong Pin  
(Skudai)

YB Tuan Haji Mazlan bin Bujang  
(Puteri Wangsa)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong  
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How  
(Perling)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni  
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad  
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor  
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full  
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit  
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong  
(Senai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.  
(Permas)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman  
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim  
(Senggarang)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam  
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain  
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari  
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.  
(Endau)

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad, GPDK., PIS., PSI., AMN., KMN.  
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.  
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.  
(Kukup)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buloh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.  
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.  
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep  
(Bukit Pasir)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
NEGERI JOHOR)**

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

**YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan  
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor**

Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.  
(Bukit Kepong)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi**

Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,  
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM  
(Gambir)

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN.  
(Simpang Jeram)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan  
(Serom)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok  
(Maharani)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS

**Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.**

**YB Speaker :** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera. (Bacaan selawat). Alhamdulillah kita sudah sampai ke peringkat hari ini bagi menyambung Persidangan kita di Dewan yang mulia ini. Saya sehingga petang semalam meneliti semua perbahasan yang telah diutarakan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sebahagiannya menyentuh dengan usul semalam yang dibawa oleh ADUN Benut, Yang Berhormat Benut. Saya tidak ada masalah daripada segi bersetuju dengan tidak bersetuju dengan keputusan yang telah dibuat tetapi ingatan saya adalah jangan mengheret seolah-olah kita di Dewan ini tidak menghormati Institusi Diraja. Kita semua, sama ada saya ataupun pihak kerajaan juga Pembangkang semua Ahli Dewan ini menghormati Institusi Raja dan kita bernaung di bawahnya.

**Jurutulis : SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Yang Berhormat Pulai Sebatang, jemput.

**YB Tuan Muhammad Taquiddin bin Cheman (Pulai Sebatang) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 1.

Menurut Laporan Pasaran Hartanah 2018 terbitan Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta (JPPH), Negeri Johor memiliki jumlah hartanah kediaman tidak terjual tertinggi di Malaysia iaitu 6,066 unit bernilai RM4.068 bilion. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi isu ini?

**YB Speaker :** Yang Berhormat Pekan Nanas, jemput.

**YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 2.

Senaraikan bilangan harta tanah tidak terjual dengan nilai, lokasi dan jenisnya di negeri Johor. Apakah tindakan kerajaan yang diambil untuk mengatasi masalah lambakan rumah tidak terjual di negeri Johor yang semakin meruncing?

**YB Speaker :** Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon untuk menjawab soalan Pulai Sebatang dan Pekan Nanas secara bersekali. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk makluman Dewan yang mulia, harta tanah tidak terjual di negeri Johor atau dengan izin, overhang property sehingga sukuan pertama 2019 yang terdiri daripada hartanah kediaman, komersial, khususnya kedai dan SOHO, dengan izin, *home office*, *service apartment* dan hartanah industri sama ada siap dibina, dalam pembinaan ataupun belum dibina iaitu peringkat perancangan iaitu sebanyak 51,459 unit dengan nilai RM36.7 bilion. Hartanah komersial dan SOHO dan *service apartment* mencatat bilangan dan harta tidak terjual tertinggi di negeri Johor iaitu 30,127 yang bernilai RM20.7 bilion. Diikuti harta kediaman 17,462 unit bernilai RM10.9 bilion.

Johor Bahru adalah daerah yang merekodkan jumlah dan nilai harta tidak terjual tertinggi iaitu 76.46% bagi harta kediaman, manakala 99.7% bagi komersial, iaitu SOHO dan *service apartment* dan 65.1% bagi kedai dan 81.4% bagi hartanah industri.

Bagi hartanah kediaman jenis teres 2 dan juga 3 tingkat sama ada siap dibina atau dalam pembinaan atau dalam peringkat perancangan mencatatkan bilangan hartanah kediaman tidak terjual tertinggi iaitu 6,518 unit bernilai RM3.7 bilion diikuti dengan kondominium dan apartmen 5,643 unit bernilai RM2.6 bilion. Rumah teres 2 dan juga 3 tingkat berharga RM1 juta ke atas adalah kediaman tertinggi tidak terjual yang mewakili 5.3%, manakala bagi kondominium dan juga apartmen berharga RM600,000.00 ke atas adalah mewakili 60.8%. Perangkaan yang dinyatakan oleh Pulau Sebatang sebentar tadi adalah hanya merujuk kepada jumlah tanah kediaman siap dibina tidak terjual iaitu berjumlah 6,066 unit dengan nilai RM4.068 bilion iaitu mewakili 18.8% daripada keseluruhan 32,313 unit atau 23.2% daripada nilai keseluruhan RM19.86 bilion iaitu yang tertinggi di dalam negara kita. Dan, rekod ini telah dicatat tertinggi sejak 2017 dan juga 2018. Analisa dalam data rumah kediaman siap bina tidak terjual, Jabatan penilaian dan Perkhidmatan Harta menunjukkan 59.78% unit rumah atau 84.85% nilai keseluruhan yang tidak terjual adalah daripada hartanah kediaman yang berharga RM500,000.00 ke atas dan 32.25% hartanah kediaman berharga RM500,000.00 ke atas itu adalah terdiri daripada hartanah berstrata. Iaitu sama ada kondominium ataupun apartmen.

Bagi mengatasi isu hartanah kediaman tidak terjual sebagaimana dilaporkan di dalam Laporan Pasaran Hartanah 2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, kerajaan negeri telah dan akan mengambil langkah-langkah seperti berikut :

Pertama, mengadakan kempen pemilikan rumah, dengan izin, *Home Ownership Campaign*, atau ringkas HOC dengan kerjasama daripada REHDA, iaitu Persatuan Pemaju-Pemaju Perumahan. Di Johor kita telah adakan pada 26 April 2019 yang lalu di KSL Mall pada kebiasaan dalam kempen ini, diskaun harga antara 5-15% akan diberikan kepada pembeli-pembeli rumah.

Kedua, kerajaan memberikan insentif pengecualian duti setem untuk pembelian rumah pertama tidak kira sama ada dibeli daripada pemaju perumahan dan insya-Allah lanjutan 6 bulan daripada Jun ke Disember termasuk juga pembelian daripada secondary market dengan izin ataupun pasaran sekunder. Pada peringkat awal inisiatif pengecualian duti setem ini berakhir pada Jun 2019 tetapi telah dilanjutkan oleh kerajaan persekutuan sehingga 31 Disember 2019.

Ketiga, lot-lot Bumiputera bagi projek-projek perumahan yang masih berbaki atau belum habis ditawarkan akan dibuka jualan secara langsung dalam kempen-kempen jualan hartanah yang akan dikendalikan oleh SUKJ Bahagian Perumahan bagi kemudahan penawaran secara terus kepada pemohon yang memenuhi syarat kelayakan sebagaimana yang ditetapkan.

Keempat, pihak pemaju perumahan perlu membina rumah berdasarkan kepada permintaan di pasaran khususnya bagi memastikan pembangunan yang dijalankan nanti mempunyai permintaan bila ia siap dibina. Bahkan di dalam fasa perumahan yang berkuat kuasa pada 1 April 2019 yang lalu, semasa pihak pemaju memohon kelulusan KM ataupun Kebenaran Merancang di peringkat PBT ataupun Pihak Berkuasa Tempatan melalui OSC, dengan izin One Stop Centre perlu mengemukakan bersekali laporan pasaran dengan izin, *market study* atau laporan kajian kemungkinan, dengan izin feasibility study. Bagi memastikan cadangan pembangunan yang dibuat mempunyai permintaan di pasaran.

Jika mengikut perangkaan harta-harta tidak terjual pada awal tadi yang saya sebutkan sepatutnya pemaju perumahan memberikan tumpuan sekarang ini untuk membina hartanah kediaman di bawah harga RM500,000.00 daripada jenis bertanah ataupun dengan izin, *landed properties*.

Kelima, dalam dasar perumahan yang baru juga selepas kelulusan SBKS Serah Balik Kurnia Semula pihak pemaju perlu menyenaraikan bentuk-bentuk insentif termasuk diskaun

harga, *cash reward* dengan izin, dan lain-lain yang akan diberikan kepada lot bumiputera dan juga bukan bumiputera bagi mengelakkan di mana pada akhirnya harga lot bumiputera lebih mahal daripada harga bukan bumiputera.

Keenam, baru-baru ini kita telah menubuhkan *task force* hartanah tidak terjual, dengan izin *overhang properties* dan antara perkara yang telah dipertimbangkan untuk dilaksanakan oleh kerajaan negeri ialah :

1. Memudahkan kelulusan pelepasan lot bumiputera dengan izin bumi *release* dan yang berharga RM500,000.00 ke atas. Antara yang dicadangkan adalah tempoh permohonan dipendekkan daripada 12 bulan kepada 6 bulan dan kuota pelepasan daripada 3 peringkat pelepasan iaitu 30%, 40% kepada 2 peringkat pelepasan iaitu 60% dan permohonan kedua 40% seperti yang kita laksanakan dalam pelepasan lot bumiputera bagi hartanah industri baru-baru ini.
2. Mengkaji semula lantai ataupun *floor* dengan izin, pemilikan warga asing yang sekarang ini pada RM1 juta untuk diturunkan ke tahap yang lebih munasabah untuk sesuatu tempoh tertentu bagi membantu mengurangkan jumlah hartanah tidak terjual oleh pemaju perumahan. Termasuk yang akan dikaji adalah peratusan kuota warga asing bagi setiap kuota kediaman yang boleh dimiliki oleh warga asing.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan menganggap pihak pemaju perumahan sebagai rakan pintar ataupun *smart partnership* dalam menyediakan perumahan kepada rakyat Johor khususnya Rumah Mampu Biaya Johor dalam keadaan ekonomi biasa kita meminta pihak pemaju perumahan untuk mengorbankan sebahagian daripada keuntungan mereka tetapi dalam keadaan ekonomi sekarang, kita kerajaan perlu membantu pemaju perumahan dalam mengurangkan jumlah hartanah tidak terjual dalam masa yang sama kita dapat mencairkan 4.068 bilion untuk hartanah kediaman tidak terjual ataupun 38.7 bilion untuk kesemua jenis hartanah kediaman, komersial dan juga industri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, cuba kita bayangkan jika kerajaan dapat membantu pemaju perumahan mencairkan jumlah yang disebutkan tadi 4.068 bilion hingga 36.7 bilion akibat daripada hartanah yang siap ataupun dalam peringkat pembinaan dan juga dalam peringkat perancangan yang tidak terjual, maka wang ini akan berlegar dalam sistem ekonomi kita dan akan mewujudkan kesan berantai dan akhirnya boleh mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Johor.

**YB Speaker** : Jemput, Pulai Sebatang.

**YB Tuan Muhammad Taquiddin bin Cheman (Pulai Sebatang)** : Terima kasih Tuan Speaker, cuma saya ada sedikit pertanyaan kepada YB EXCO. Sesetengah pihak ada mengatakan bahawa antara penyumbang utama kepada jumlah hartanah kediaman yang tidak terjual ini adalah sebab dengan proses kelulusan lot bumiputera yang sangat ketat, jadi saya mohon tentang isu ini, pencerahan daripada YB bagaimana prosesnya dan adakah ia benar-benar ketat ataupun biasa sahaja? Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia** : Terima kasih kepada Pulai sebatang di atas soalan tambahan. Sebenarnya proses permohonan lot bumiputera ataupun *standard operation prosedur*, dengan izin telah dilakukan proses penambahbaikan selari dengan dasar perumahan rakyat Johor yang kita kuatkuasakan pada 1 April 2019 yang lalu. Dalam garis panduan, dalam Bahagian Empat dalam garis panduan pembaikan dasar hartanah bumiputera 2.0 menjelaskan senarai semakan dengan izin, *check list* yang perlu dipenuhi oleh pemaju perumahan sebelum kelulusan pelepasan lot bumiputera boleh diberikan kepada mereka. Antaranya adalah:

1. Projek perumahan telah memiliki permit jualan dan juga lesen pemaju perumahan atau ringkasnya dengan izin, APDL, *Advertising Permit* dan juga *Developer Licence* daripada Jabatan Perumahan Negara barulah boleh didaftarkan dengan SUKJ Perumahan, kemudian barulah *Supplement Agreement* disediakan dan dimati setem sebelum tempoh 12 bulan yang merupakan syarat utama boleh dikira untuk permohonan pelepasan lot bumiputera.
2. Garis Panduan atau *checklist* adalah sekurang-kurangnya 2 kali iklan di dalam akhbar arus perdana dengan selang masa 60 hari seperti Berita Harian, Utusan Malaysia dan juga Harian Metro. *Detail* iklan yang disertakan dulu juga perlu mengambil kira panduan yang telah disediakan.
3. Perlu disediakan Laporan Jualan Projek bagi kita melihat sejauh mana keikhlasan ataupun komitmen pihak pemaju perumahan. Kita tidak mahu melihat bahawa pelepasan lot bumiputera diberikan sedangkan lot-lot bukan bumiputera masih belum dijual.
4. Adalah tentang kuota pelepasan iaitu sedia ada permohonan pertama kita lepaskan 30%, permohonan kedua 30% dan pelepasan permohonan ketiga adalah 40%.

Tujuan peringkat pelepasan sedemikian rupa adalah untuk mengambil kira kemampuan kewangan sesebuah pemaju perumahan, kerana bagi setiap unit bumiputera yang kita lepaskan, caj pelepasan bumiputera sebanyak 7.5% akan dikenakan kepada pemaju perumahan dan jumlah caj ini perlu dibayar dalam masa 3 bulan ataupun 90 hari.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu tentang proses pelepasan lot bumiputera ini adalah kerana sebahagian daripada pihak pemaju perumahan gagal memenuhi *checklist* yang saya telah sebutkan tadi. Sebagai contoh selagi pihak pemaju perumahan tidak memohon APDL dari Jabatan Perumahan, maka projek perumahan tidak boleh didaftarkan dengan SUKJ Perumahan dan juga tidak boleh SUKJ Perumahan untuk menawarkan kepada awam. Sekian Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Speaker** : Pekan Nenas.

**YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, melalui jawapan yang didapati oleh YB EXCO kita dapati sebenar sebahagian besar daripada rumah tidak terjual adalah berpunca daripada *condominium / service apartment* dengan harga yang tinggi. Dan tadi sebagai langkah kerajaan ada memohon pihak pemaju perlu membentangkan laporan permintaan pasaran tentang projek perumahan yang akan dijalankan.

Soalan saya adalah, apakah cara penilaian kerajaan terhadap laporan pasaran yang dibentangkan oleh pihak pemaju? Dan, pada pandangan saya sebenar kerajaan sendiri memerlukan cara penilaian sendiri untuk memastikan kawasan yang sudah ada banyak rumah tidak terjual tidak seharusnya menjalankan projek-projek yang melibatkan pembinaan perumahan yang berkos tinggi dan rumah-rumah seperti kondominium dan *service apartment*. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Dijemput YB EXCO.

**YB Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia** : Terima kasih kepada Pekan Nenas di atas soalan tambahan. Sebagaimana saya sebut tadi bahawa dalam dasar yang baru kuat kuasa 1 April 2019, kita menetapkan bahawa permohonan pemaju semasa memohon KM di peringkat PBT perlu juga mengemukakan laporan pasaran ataupun *market study* dan juga laporan kajian kemungkinan dengan izin *feasibility study*.

Dan saya telah menyarankan kepada pihak PBT untuk menambah anggota kepada OSC atau *One Stop Centre* dengan izin, iaitu pegawai penilaian khusus daripada NAPIC yang mereka ini mempunyai keupayaan dan kemampuan dan profesional di dalam membaca laporan sama ada pasaran ataupun laporan kajian kemungkinan dengan izin, *feasibility*

*study*. Dengan adanya wakil dari Jabatan Penilaian khusus daripada NAPIC ini akan dapat membantu untuk membaca laporan dan juga kebenaran tentang status *market forces* ataupun dengan izin kuasa pasaran iaitu permintaan dan juga penawaran bagi setiap cadangan pembangunan yang hendak dilaksanakan oleh pemaju perumahan.

Dan yang keduanya, juga kita menyatakan bahawa kerajaan sendiri mempunyai data-data yang saya sebutkan tadi daripada pihak NAPIC ataupun laporan itu akan dibaca bersekali dengan data daripada NAPIC yang sedia ada di kumpul oleh mereka daripada masa ke semasa. Dalam masa yang sama sekarang ini bahawa kerajaan melalui PBT telah juga menyekat ataupun tidak lagi membenarkan pembinaan *service apartment* dan *service apartment* ini adalah merupakan hartanah komersial di bawah kegunaan perniagaan di mana kadar pintu cukai dan seumpamanya adalah berdasarkan pada status perniagaan.

Maka kita tidak membenarkan lagi pembinaan *service apartment* kecuali kawasan-kawasan tertentu yang telah ditetapkan dalam pelan struktur ataupun pelan tempatan yang kita ada. Maksudnya kalau ada permohonan *service apartment* tidak menepati kawasan yang dibenarkan untuk membuat *service apartment* maka permohonan cadangan tersebut tidak akan diluluskan oleh pihak PBT di peringkat awal permohonan, KM iaitu Kebenaran Merancang daripada peringkat OSC di PBT berkenaan. Sekian Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya Yang Berhormat Machap, jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 3.

Nyatakan jenis dan jumlah pelaburan asing yang telah berjaya dibawa masuk ke Johor sepanjang satu tahun yang lepas.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Kukup, jemput.

**YB Datuk Haji Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 4.

Berapakah jumlah pelaburan FDI (Foreign Direct Investments) dan pelabur dari negara mana yang telah melabur dalam masa setahun kebelakangan ini di negeri Johor?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker izinkan saya menjawab secara sekali bagi soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Kukup dan juga Yang Berhormat Machap. Ingin juga saya maklumkan di sini Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya soalan nombor 18 dalam senarai oleh Yang Berhormat Larkin juga agak relevan, maka saya harap sekiranya ada sebarang soalan tambahan boleh beri keutamaan juga kepada Yang Berhormat Larkin.

Yang Berhormat Tuan Speaker, suka untuk saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, mengenai data-data penting berkaitan dengan pelaburan langsung asing atau FDI di Johor. Menurut laporan yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Malaysia atau MIDA jumlah FDI yang telah diterima oleh Johor bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM24 bilion. Dan kalau kita buat perbandingan jumlah pelaburan asing atau FDI yang didapati oleh Johor pada tahun 2017 adalah jumlah RM5.1 bilion sahaja. Ini bermakna bagi tahun 2018 kita telah menunjukkan peningkatan mendadak sebanyak lebih 4 kali ganda kalau berbanding dengan tahun 2017.

Ini secara terusnya bermakna Johor telah berjaya merekod dan meranking negeri nombor satu dalam Malaysia yang mendapat paling banyak pelaburan untuk tahun 2018. (Dewan

bertepuk). Ini merupakan satu kebanggaan bagi kerajaan negeri Johor dan saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua agensi kerajaan dan juga terutamanya kepada mantan Menteri Besar kita ADUN Kempas yang telah membantu untuk kita mencapai keputusan yang cemerlang ini.

Saya juga ingin kongsi juga maklumat negeri lain iaitu Selangor yang menduduki tempat kedua yang telah mendapat FDI sebanyak RM10.8 bilion dengan jumlah FDI RM7.57 bilion. Ini bermakna Tuan Speaker sekiranya kita tambahkan campurkan angka dari Selangor nombor 2 dan Pahang nombor 3 kita masih nombor 1 lagi di Malaysia. Saya rasa semua data ini menunjukkan bahawa pelabur asing mempunyai keyakinan yang cukup tinggi terhadap negeri Johor berbanding dengan negeri-negeri lain.

Yang Berhormat Tuan Speaker, manakala untuk suku tahun pertama 2019 bagi tempoh Januari hingga Mac 2019, berdasarkan kepada angka dan data daripada MIDA, negeri Johor telah memperolehi pelaburan sebanyak RM2.42 bilion. Kalau kita buat bandingan *year to year* berbanding dengan tempoh masa yang sama pada tahun 2018 untuk bulan Januari hingga Mac 2018, Johor hanya memperolehi pelaburan sebanyak RM868 juta sahaja.

Ingin saya tegaskan di sini Tuan Speaker, walaupun dalam keadaan ekonomi global yang kelihatan lembap dan tidak menentu dan seperti yang kita semalam ada bentangan dalam keadaan di mana *trade war* sekarang di Amerika Syarikat dan China ada *on off on off* kita masih lagi mampu dan ada daya saingan dengan negeri-negeri lain di Malaysia dan juga negara-negara lain di rantau ASEAN dan Asia. Justeru itu, saya rasa kerajaan kita perlu lagi berusaha lebih gigih, lebih proaktif supaya dapat mengekalkan momentum ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam tempoh masa setahun kebelakangan ini tahun 2018, ingin juga saya kongsi negara *top five* yang telah membuat pelaburan FDI di negeri Johor. Lima negara *top five* adalah seperti berikut :

1. Negara Indonesia dengan jumlah pelaburan RM8.46 bilion.
2. Negara Belanda jumlah pelaburan RM7.57 bilion.
3. Cina RM2.84 bilion dan
4. Amerika Syarikat RM2.36 bilion.

Bagi pecahan sektor-sektor yang terlibat di dalam pelaburan asing pulak bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

1. Industri petroleum termasuk petrochemical, jumlah pelaburan adalah RM11.834 bilion.
2. Industri elektrik dan elektronik atau E&E sebanyak RM8.315 bilion.
3. Industri kimia dan produk kimia RM2.36 bilion.
4. Industri kelengkapan pengangkutan logistik RM314 juta dan akhir sekali
5. Industri besi jumlah pelaburan RM184 juta.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ekonomi negara kita dijangka kekal positif pada tahun 2019 memandangkan asas-asas mikro ekonomi negara kita terutama di Johor masih kukuh meskipun tentunya kita kena akui akan terdapat banyak cabaran domestik dan juga di luar. Keyakinan ini telah dikongsi oleh blumberg dalam analisis baru-baru ini mengenai pasaran baru muncul di mana Malaysia menduduki tempat pertama disebabkan oleh prospek pertumbuhannya dan juga keadaan akaun semasa, *sovereign credit rating* dan penilaian saham dan bon.

Kerajaan telah membentangkan belanjawan tahun 2019 untuk merancang hala tuju Malaysia yang merangkumi campuran rangsangan, insentif dan perlindungan untuk memudahkan kita memulakan perniagaan dan meningkatkan daya saing negara. Di samping itu, tahun 2018 menandakan peringkat penting dalam perjalanan automasi negara dengan pelancaran *plan industri forward* dasar kebangsaan mengenai industri 4.0. Strategi dan pelan tindakan yang luas di bawah rangka kerja ini akan menyumbang kepada

transformasi industri yang progresif melonjakkan nama Malaysia dan Johor sebagai pemain utama di pentas dunia.

Kita sebagai kerajaan Johor percaya dan yakin bahawa dengan dasar sedia ada ini dan juga dengan kerjasama semua pihak, kita dapat terus mencetuskan keyakinan pelabur dan pemilik perniagaan dan dapat menarik lebih banyak lagi pelaburan berkualiti ke Johor pada tahun ini. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Kukup.

**YB Datuk Haji Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup)** : Terima kasih YB EXCO atas jawapan. Pada *figure* yang telah dibentangkan kali ini sebanyak lebih kurang RM24 bilion untuk 2018 dan juga dibandingkan dengan 2017 sebanyak RM2.4 bilion. Kalau tak silap saya YB, 2017 saya tak berapa dengar.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti** : RM5 bilion.

**YB Datuk Haji Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup)** : RM5 bilion. Berbanding 4 kali ganda yang telah diberitahu oleh YB EXCO kita. Setahu saya 2017 dulu pun angka yang lebih daripada RM5 bilion. Dan saya lihat syarikat-syarikat lain yang menyumbang kepada FDI ini agak jumlah yang besar, jadi pada *figure* yang untuk 2017 itu kalau boleh YB bentangkan lagi daripada mana *figure* ini YB dapatkan dan seperkara lagi 1 yang saya ingin kongsi dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Tuan Speaker, pada pelabur-pelabur asing kita lihat yang lepas adalah satu perkara yang amat sensitif untuk mereka melabur dalam sesuatu negara atau negeri yang telah lagi di negeri Johor ini kalau kita lihat tidak ada yang lebih daripada negeri lagi melainkan kita ada beberapa perkara yang kita boleh anggap itu boleh menarik pelabur-pelabur asing.

Cumanya pada saya yang terlibat juga dalam FDI ini kita melihat ada 2 perkara di sini YB. Satu perkara ialah di negeri Johor yang saya risau kerajaan negeri amat peka dan amat sensitif dan juga memberi kerjasama yang tidak berbelah bagi untuk memastikan pelabur-pelabur asing ini terus masuk ke negeri Johor. Tetapi biasanya ada percanggahan antara negeri dan pihak pusat.

**YB Speaker** : Soalannya Yang Berhormat.

**YB Datuk Haji Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup)** : Jadi, soalnya di sini ialah bagaimana kita untuk memastikan polisi yang dikeluarkan atau polisi yang telah pun ditentukan oleh bukan hanya di peringkat negeri ataupun di peringkat pusat kita dapat memastikan polisi itu berterusan bukan polisi yang boleh di tarik balik ataupun diubah sesuka hati atau sewenang-wenangnya di sini. Jadi, saya ingat YB EXCO pun berusaha keras untuk mencari pelabur asing dan satu perkara yang tidak dapat kita nafikan apabila sesuatu projek itu telah diluluskan dan sesuatu polisi yang telah ditentukan oleh pihak pusat dan pihak negeri tetapi ianya boleh diubah di peringkat pusat dan dalam keadaan ini kita tahu kelulusan bukan hanya di peringkat pusat atau di negeri tetapi pihak pusat pun memerlukan memberi sesuatu keputusan. Jadi, apakah rancangan negeri untuk memastikan polisi ini terus boleh diguna pakai bukan boleh diubah-ubah dan bukan boleh dipilih-pilih pada pemaju mana ataupun pelabur mana yang nak ditujukan. Jadi, ini perkara yang amat sensitif pada saya untuk pelabur-pelabur, itu kita hendakkan pada 2019. Rasanya angka akan menurun kembali kerana pelabur-pelabur ini mungkin 2018 telah komited dan 2019 ini yang mana ianya, pihak kita ingin memastikan kita kena guna pakai polisi yang telah pun diluluskan itu untuk memudahkan pelabur-pelabur.

**YB Speaker** : Ok, terima kasih Kukup. Dia punya ulasan itu panjang, soalan dia pendek.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti :** Tak ada soalan, tak apalah. Tuan Speaker, ingin saya jelaskan pertama, berkenaan dengan angka itu, saya boleh sahkan ini adalah angka yang telah diberikan oleh MITI dan MIDA. Untuk tahun 2017 memang jumlah FDI yang masuk ke Johor adalah 5.1, kalau nak lebih halus 5.102 bilion ya Kukup. Dan berkenaan dengan polisi yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kukup, saya setuju dari satu segi di mana sekiranya polisi itu dia baik, dia bagus dan dia boleh membantu ekonomi Johor dan memberi keyakinan kepada pelabur, bagi kerajaan Johor kita akan teruskan. Kalau kita ada apa-apa cabaran pun dengan pihak pusat, saya beri *guarantee*, satu keyakinan kepada Kukup dan semua Ahli-Ahli di dalam Dewan ini di Johor, kita akan *fight*. Kita pun tidak setuju dengan apa-apa polisi yang hanya diskriminasikan sesebuah syarikat sahaja. Sebab untuk mendapat keyakinan pelabur, kita perlukan, beri satu *signal* kepada pelabur-pelabur bahawa di Johor kita adalah adil kepada semua, polisi adalah *fair* kepada semua. Maka, dalam apa-apa masalah yang mungkin Kukup ada yang mungkin saya tidak tahu, sila hubungi saya dan saya hanya beri jaminan kita akan terus berhubung dengan pihak pusat untuk kita *fight* untuk polisi yang lebih seragam dan juga baik untuk Johor. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Machap, jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tadi telah jelaskan bahawa kebanyakan pelabur yang melabur di negeri Johor datangnya daripada negara China dan juga daripada Amerika Syarikat. Jadi, adakah usaha-usaha untuk menarik lebih ramai pelabur dari negara-negara lain dijalankan, supaya kita tidaklah terlalu bergantung kepada dua negara utama ini yang melabur di Malaysia terutama di Johor yang kemungkinannya boleh campur aduk, terlibat dalam menentukan dasar negara ataupun sebagainya? Sebab kita pun sedia maklum bahawa berlakunya perang dagang antara Amerika dengan China ini yang kemungkinannya akan menjejaskan juga pertumbuhan ataupun pelaburan asing di negara kita. Jadi, saya minta penjelasan sama ada, ada atau tidak usaha yang dilakukan untuk menarik pelabur-pelabur dari negara lain, selain daripada Amerika dan China ini? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti :** Terima kasih Yang Berhormat Machap. Ya, memang kita di negeri Johor kita pun faham kita tidak boleh bergantung, terlalu bergantung kepada dua negara terutamanya Amerika Syarikat dan China sahaja. Maka, kerajaan Johor, kita juga cuba, kita cari pelaburan daripada negara-negara lain. Sukacita saya maklumkan contohnya, pada awal tahun ini, pada bulan Februari, kerajaan Johor, kita telah membuat *trade mission* ke UAE di Dubai dan kita dapat *seal a deal* RM40 juta, satu pelaburan akan masuk ke Johor tahun ini juga di Dubai. Selain daripada itu, saya baru balik sahaja daripada Jepun dan Korea dan juga ada rancangan untuk pergi tempat-tempat yang lain. So, maka saya, jangan risaulah Machap, kita memang akan cuba cari tempat-tempat lain juga untuk memastikan kita dapat mencapai *target* kita tahun ini. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Mengkibol, jemput.

**YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) :** Terima kasih Tuan Speaker. Memandangkan lokasi geografi Johor yang berdekatan dengan Singapore dan terdapat lebih daripada 300 *Malaysian* yang bekerja di Singapore. Soalan saya, adakah terdapat apa-apa *special task force* jawatankuasa untuk merangka dasar-dasar atau strategik khusus untuk menarik pelabur Singapore ataupun agensi yang sedia ada di Singapore supaya pelabur di Johor? Ini soalan saya, terima kasih.

**YB Speaker :** FDI Singapore.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti :** Sebenarnya Yang Berhormat Mengkibol, kita sentiasa ada hubungan baik dengan Singapore. Kalau dari segi perdagangan kita sentiasa ada hubungan baik, kita panggil Singapore Business Federation dan Singapore Manufacture Federation. Kebetulan juga esok mereka akan menghantar satu delegasi ke Johor dan saya akan menyambut mereka di satu hotel di Johor. Selama ini kita memang mengutamakan juga FDI daripada Singapura dan kita juga ada bincang dengan pihak IRDA untuk tahun ini kita buat satu lawatan ke Singapura untuk kita memperkenalkan lagi IRDA sebab baru-baru ini sahaja IRDA telah tambah kawasan sampai 4,700 *square* kilometer dan memang kita pun dapat banyak pertanyaan daripada Singapore berkenaan dengan hala tuju Johor. Maka, kita akan teruskan usaha kita untuk mendapat lebih pelaburan dari Singapore juga. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Soalan seterusnya Yang Berhormat Penggaram, jemput.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 5.

Sila beri statistik penceraian di negeri Johor bagi pasangan Islam dan bukan Islam dan usaha-usaha yang dijalankan kerajaan negeri Johor di dalam membantu mereka?

**YB Speaker :** Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Penggaram atas soalan. Merujuk statistik penceraian yang diperolehi dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia iaitu JAKIM bagi tahun 2017, negeri Johor mencatatkan kes penceraian sebanyak 4,588 iaitu di tangga kedua selepas negeri Selangor yang mencatatkan kes tertinggi iaitu sebanyak 8,898 kes. Berdasarkan statistik tiga tahun terkini iaitu dari tahun 2015 ke tahun 2017, negeri Johor merupakan negeri kedua tertinggi direkodkan dalam kes penceraian syariah. Bagi tahun 2016, negeri Johor mempunyai, mencatatkan kes sebanyak 4,673 kes dan bagi tahun 2015, negeri Johor mencatatkan kes sebanyak 4,332. Berdasarkan semakan rekod Jabatan Pendaftaran Negara, mendapati bilangan pasangan bukan Islam yang telah mendaftarkan penceraian perkahwinan mereka di Johor bagi tempoh dari tahun 2014 hingga 24 Jun 2019 adalah seperti pecahan berikut:

Bagi tahun 2014, sebanyak 1,750 kes. Tahun 2015, 1,765 kes. Bagi tahun 2016, 1,973 kes. Bagi tahun 2017 iaitu 1,749 kes. Bagi tahun 2018 pula, mencatatkan kes sebanyak 2,016 kes dan setakat ini bagi tahun 2019 iaitu 438 kes. Berdasarkan statistik tersebut, kerajaan negeri Johor telah merangka pelbagai program bagi mengatasi permasalahan tersebut. Terdapat pelbagai program sedia ada yang masih dikekalkan antaranya adalah Program Sakinah Warga Industri. Program Sakinah Warga Industri menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada warga industri supaya tidak ketinggalan dalam mendapatkan pengetahuan berkenaan kekeluargaan. Program ini bukan hanya kepada kakitangan awam tetapi juga kepada kakitangan swasta iaitu sama ada di kilang-kilang, syarikat-syarikat swasta dan sebagainya. Objektif Sakinah Warga Industri adalah menyampaikan Modul Keluarga Sakinah kepada masyarakat. Memberikan input dan ilmu pengetahuan untuk dijadikan amalan seharian. Menerapkan konsep kerja sebagai ibadah dan menjadikan modul ini sebagai satu gaya hidup dan amalan masyarakat khususnya di negeri Johor.

Selain daripada itu, Program Warga Industri menekankan isu penceraian meliputi bagaimana menangani pengurusan *stress*, masalah kewangan dan hukum hakam dalam keluarga. Program ini berterusan dijalankan di seluruh daerah dalam negeri Johor. Program Sakinah yang dilaksanakan pada tahun ini diadakan secara *road show* di setiap daerah meliputi kawasan bandar mahupun luar bandar supaya masyarakat dan warga industri khususnya, tidak ketinggalan menerima manfaat daripada program ini.

Selain itu, kerajaan negeri Johor juga sentiasa menitik beratkan ilmu kekeluargaan kepada pasangan yang belum dan ingin berkahwin iaitu menerusi kursus pra perkahwinan kepada pasangan Muslim. Selain Jabatan Agama Islam Negeri Johor, YPKDT iaitu Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim juga telah diberi tanggungjawab dalam melaksanakan kursus pra perkahwinan modul satu. Kursus pra perkahwinan Islam adalah dimestikan dan di wajib bagi pasangan Islam yang ingin berkahwin iaitu mana-mana pemohon yang hendak mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kebenaran berkahwin hendaklah menghadiri dan memiliki sijil kursus pra perkahwinan Islam yang dikeluarkan oleh penganjur kursus yang berdaftar dan diberi kebenaran oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim juga mempunyai modul Keluarga Sakinah yang meliputi 9 modul iaitu dari Modul 2 Hingga Modul 10. Iaitu Modul 2 - Persediaan Keibubapaan, Modul 3 - Pra Keibubapaan, Modul 4 - Asuhan Bimbingan dan Pendidikan Baie, Modul 5-Asuhan Bimbingan dan Pendidikan Kanak-Kanak, Modul 6 - Alam Remaja, Modul 7 - Alam Dewasa, Modul 8 - Alam Matang, Modul 9 - Usia Emas Dan Modul 10 - Khusnul Khotimah.

Kini, kerajaan negeri Johor melalui YPKDT sedang membina modul keluarga sejahtera bagi pasangan bukan Islam. Modul sedang dibangunkan oleh YPKDT dengan kerjasama dari pihak UTM. Dengan terhasilnya Modul Keluarga Sejahtera, ini adalah dicadangkan kepada kerajaan agar setiap pasangan bukan Islam juga wajib menghadiri dan mendapatkan sijil kursus pra perkahwinan dengan menggunakan Modul Keluarga Sejahtera Johor. Ini merupakan langkah menunjukkan kerajaan komited dengan masalah sosial yang berlaku antaranya adalah penceraian.

Seterusnya, kerajaan negeri Johor melalui YPKDT juga kini sedang dalam usaha menubuhkan perkhidmatan bantuan guaman kepada wanita yang bermasalah. Objektif penubuhan perkhidmatan ini adalah membantu golongan wanita negeri Johor yang menghadapi masalah rumah tangga dan memerlukan nasihat bantuan guaman secara profesional dan menjalin kerjasama bijak dengan pelbagai agensi, badan bukan kerajaan dan badan-badan guaman dalam membantu masyarakat yang menghadapi permasalahan rumah tangga. Perkhidmatan ini dijangka akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2019 dan YPKDT juga akan menyediakan talian *helpline* bagi memudahkan masyarakat mendapatkan perkhidmatan ini.

Perkhidmatan bantuan guaman ini telah mendapat kerjasama penuh dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Bantuan Guaman dan Jawatankuasa Peguam Negeri Johor iaitu Johor Bar Council. Pelbagai khidmat akan disediakan antaranya kaunseling dan khidmat nasihat dan lain-lain, perkhidmatan kekeluargaan untuk keluarga Islam dan bukan Islam. Manakala, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu wanita dan ibu tunggal negeri Johor. Antaranya, termasuk Program Klinik Guaman, Program Usahawan You Boleh, Program Klinik Distress, Program Sosial Market Saya, Program Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi, Program Amazing Raca. Setakat ini program tersebut telah memanfaatkan seramai 2,180 orang wanita. Untuk makluman, bagi tahun 2018, seramai 3,227 wanita telah mendapat manfaat dari program-program tersebut. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Ya, Yang Berhormat Penggaram.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Terima kasih kepada YB EXCO. Di sini memandangkan statistik perceraian di negeri Johor telah meningkat dan amat tinggi, boleh nyatakan apakah punca berlaku ke perceraian di negeri Johor dan juga di kalangan bukan Islam sudah semakin meningkat? Adakah kursus pra perkahwinan bukan Islam akan diwajibkan sebelum berkahwin?

**YB Speaker :** Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Terima kasih Yang Berhormat Penggaram. Punca-punca atas berlakunya penceraian di negeri Johor, menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, secara keseluruhan kebanyakan kes penceraian yang difailkan oleh pasangan adalah atas tiada persefahaman atau faktor yang remeh. Berdasarkan kajian penduduk dan keluarga Malaysia ke-5 pada 2014 yang pernah disebut oleh YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, antara punca utama dikemukakan adalah kerana tiada persefahaman yang mewakili 56.2%. Manakala curang iaitu 11.8% dan campur tangan mentua atau ipar 10%. Bagi wanita pula sebanyak 38% menyatakan punca utama tadi yang bagi lelaki. Sekarang bagi wanita pula, sebanyak 38% menyatakan punca utama penceraian ialah kerana tidak ada persefahaman, diikuti dengan curang dan suami tidak bertanggungjawab iaitu 15.2%.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tuan Speaker dan Dewan yang mulia, YPKDT melalui Unit Kaunseling dan Motivasi menyediakan perkhidmatan kaunseling dan runding cara secara percuma kepada mereka yang memerlukan. Antara perkhidmatan kaunseling yang disediakan adalah seperti remaja dan kanak-kanak, keluarga, perkahwinan, permasalahan semasa. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Kahang jemput.

**YB Tuan Vidyanantha a/l Ramanadhan (Kahang) :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan tambahan saya ialah tadi Yang Berhormat EXCO ada menyatakan bahawa akan membuat satu modul untuk menggalakkan pasangan yang bukan beragama Islam untuk mengikuti kursus. Bagi pasangan yang bukan beragama Islam, perkahwinannya dianggap sah ialah apabila perkahwinan itu didaftarkan, ok, yang termaktub dalam *civil law act*. Perkahwinan tradisional bukanlah perkahwinan yang sah sebenarnya. Jadi, mana-mana pasangan selepas dia membuat pendaftaran di Pendaftaran Perkahwinan itu dari segi undang-undang sudah menjadi perkahwinan sah. Jadi, sekarang tidak ada dalam mana-mana *civil law act* yang mengatakan bahawa mana-mana pasangan yang ingin berkahwin harus ataupun diwajibkan mengikut kursus pra perkahwinan bagi pasangan bukan beragama Islam. Jadi, bagaimana Yang Berhormat nak jadikan ini sebagai sesuatu yang wajib atau *optional* di negeri Johor ini, bila kita buat kursus pra perkahwinan? Kerana, *as far as law is concern*, dengan izin, tidak ada mana-mana seksyen atau mana-mana termaktub dalam undang-undang mengatakan pasangan bukan beragama Islam mesti mengikuti kursus pra perkahwinan sebelum membuat, menandatangani, mendaftarkan perkahwinan tersebut. *So, how you want to do it*, dengan izin. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Terima kasih Yang Berhormat Kahang. Seperti yang saya sebut tadi, kursus-kursus pra perkahwinan iaitu satu program sedang dijalankan dengan kerjasama UTM. Kursus-kursus tersebut masih dalam pembangunan. Untuk makluman Yang Berhormat Kahang, dari segi Kementerian Wanita dan Masyarakat, kita sedang mengkaji sama ada apa sistem atau mekanisme yang akan dilaksanakan bukan sahaja di negeri Johor tetapi akan dilaksanakan di seluruh Malaysia. Terima kasih.

**YB Speaker :** Soalan seterusnya, jemput Yang Berhormat Perling.

**YB Tuan Cheo Yee How (Perling) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 6.

Harga barang di Johor semakin meningkat dan faktor utamanya adalah disebabkan rakyat dari negara jiran yang cenderung membeli belah di Johor Bahru. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan agar rakyat Johor tidak menjadi mangsa akibat masalah ini?

**YB Speaker :** Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Perling. Kerajaan sememangnya peka dan prihatin terhadap isu-isu melibatkan peningkatan harga barang kursusya di negeri Johor pada masa kini.

Di samping itu, kita juga galakkan pembeli-pembeli dari negara jiran datang ke JB untuk beli-belah. Tetapi apa yang perlu ialah agensi-agensi berkenaan pastikan kena ada cukup bekalan. Kalau ada cukup bekalan, harga tak akan naik. Setakat ini kita tidak ada apa-apa aduan bahawa kekurangan bekalan. Walaupun begitu, kementerian juga ada beberapa inisiatif dan program untuk memastikan rakyat negeri Johor tidak menjadi mangsa akibat masalah ini dan taraf hidup rakyat dijaga.

Di antaranya, program-program ialah seperti berikut, pertama, penguatkuasaan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dengan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang cuba menaikkan harga barangan dan disyaki mencatut. Itu yang inisiatif satu.

Yang kedua ialah kementerian ada juga memperkenalkan satu aplikasi telefon, *apps* bernama *Price Catcher*. Saya juga harap, beri makluman kepada Dewan yang mulia ini bahawa *apps* ini, *Price Catcher* ada senaraikan harga barang-barang di seluruh pasar raya di Malaysia. Jadi kita daftar dengan *apps* ini dan kita boleh nampak semua harga barangan yang perlu, disenaraikan di situ. Macam di Johor Bahru, semua pasar raya di Johor Bahru harga macam ayam, semua harga ada di situ. Jadi, kami harap pembeli gunakan *apps* ini dan jadi pembeli bijak. Itu langkah yang kedua.

Yang ketiga ialah melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan yang bermula dari tahun 2000, merupakan satu daripada inisiatif kerajaan dalam membantu meringankan beban masyarakat bagi mengatasi isu kenaikan harga ketika 6 perayaan utama, kementerian jalankan skim kawalan harga.

Yang keempat ialah kementerian dalam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna juga memperkenalkan Program *Food Bank Malaysia*. Program *Food Bank Malaysia* ialah satu tindakan untuk membantu golongan kurang kemampuan untuk mendapatkan bekalan makanan serta memberikan kesedaran kepada pengguna berkenaan dengan inisiatif lebih makanan bagi menggalakkan ataupun mengurangkan pembaziran makanan. Ini satu lagi inisiatif dan ini ialah di jalan dengan kerjasama pasar raya-pasar raya dan *hypermarket*. Dan, kami pun ada juga menjalankan program ini dan memberikan makanan kepada murid-murid, *student* di UTM juga kita ada beri makanan dan juga kampung-kampung dan kawasan dalaman.

Nombor lima ialah penglibatan Majlis Harga Barang Negara di Johor yang mana membabitkan seramai 99 orang Pegawai Pemantau Harga yang menjalankan kutipan harga setiap hari di semua Parlimen di dalam negeri Johor, merangkumi kesemua premis perniagaan seperti pasar awam, pasar raya, kedai makan dan lain-lain yang mana objektif penubuhan Majlis ini ialah mengutip dan merekodkan data harga barangan keperluan pengguna di pasaran secara konsisten dan sistematik. Jadi, maklumat-maklumat ini akan masuk dalam *Price Catcher*. Ini boleh memberi maklumat kepada pembeli.

Yang keenam ialah i-KeeP, satu lagi inisiatif. Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KeeP) menggantikan Program lama iaitu KRIM, Kedai Rakyat 1 Malaysia dalam menyediakan barang keperluan dengan harga murah dan berpatutan kepada rakyat. I-KeeP akan menggunakan slogan 'Harga Ekonomi Belian Terbaik'. I-Keep telah dilancarkan pada 29 November 2018 oleh Menteri KPDNHEP. Dibawah inisiatif i-KeeP, 6 rakan strategik telah dilantik iaitu Segi Fresh Cash and Carry Sdn. Bhd, KK Super Mart, Pasaraya Big SuperMart, Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (D'Mart), Tunas Manja Group (TMG Mart) dan Koperasi Orang Melayu Kerajaan Perak Berhad (SKOMK). Ini adalah semua rakan dan i-

Keep akan menjual barangan keperluan yang popular dan pilihan harian rakyat kerana harga yang ditawarkan adalah berpatutan dan akan lebih menguntungkan pengguna.

Di Negeri Johor, semua cawangan Kedai Runcit D'Mart telah di naik taraf sebagai i-Keep yang menjadi jumlah keseluruhan i-Keep yang beroperasi di Negeri Johor adalah sebanyak 39 buah. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput, Perling.

**YB Tuan Cheo Yee How (Perling)** : Terima kasih penjelasan daripada YB EXCO. Jadi, sebab terutama dekat kawasan kita memang akan bimbang orang dari seberang, Singapura tu beli dan menyebabkan harga naik. Tapi satu lagi yang rata-rata orang ramai pun berkata, GST dimansuhkan dan digantikan dengan SST. Tetapi harga nampaknya pun tak menurun malah ada juga yang meningkat. Jadi, apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna** : Terima kasih Yang Berhormat Perling. Bila zaman GST kerajaan kutip hasil RM44 bilion, tetapi bila diganti oleh SST, kutipan ialah RM22 bilion, 50% kurang. Jadi yang baki ialah satu penjimatan kepada pembeli. Oleh sebab itu, ada *saving* kepada rakyat. Selain daripada itu, kerajaan selalu peka mengenai masalah ini. Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup yang dipengerusi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan tanggungjawab berkenaan diletakkan di bawah KPDNHEP sebagai urus setia, untuk meningkatkan keberkesanan usaha kerajaan dalam memastikan harga barangan tidak meningkat terlalu tinggi, di samping penguatkuasaan undang-undang berhubung kenaikan harga barangan.

Saya juga ingin beritahu Dewan yang mulia ini, ada juga beberapa perkara yang mempengaruhi harga iaitu permintaan dan penawaran, persaingan, cuaca, peningkatan kos-kos import dan kos upah, bekalan negara pengeluar asal, nilai pertukaran mata wang, harga barang mentah, aktiviti pencatut juga dan juga manipulasi harga. Jadi banyak lagi, selain daripada cukai yang mempengaruhi harga barang. Jadi, jawatankuasa ini akan mengkajikan rantai perniagaan iaitu daripada peringkat pengeluar, pengimport, pemborong, peruncit dan akhirnya pembeli. Jadi, bolehkah kita kurangkan rantai ini dan apakah cara-cara, kesan, semua dikaji dan harap lepas kajian, kita boleh nampak satu rantai yang lebih berkesan yang boleh mengurangkan harga. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya. Yang Berhormat Tenggaroh, jemput.

**YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh)** : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 7.

Kementerian Kesihatan meluluskan peruntukan untuk membina pusat dialisis di Klinik Kesihatan Tenggaroh 2 pada tahun 2017. Apakah status pembinaan pusat dialisis di Klinik Kesihatan Tenggaroh 2?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, Terima kasih Yang Berhormat Tenggaroh. Semalam saya rasa YB Tenggaroh ada dalam ucapan bahas masalah ini.

Perwujudan perkhidmatan hemodialisis di Klinik Kesihatan seluruh Malaysia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tahun 2017 hingga tahun 2020 melibatkan pembinaan satu Pusat Hemodialisis di negeri Johor iaitu Klinik Kesihatan di Tenggaroh 2, Mersing.

Agensi Pelaksana Projek ialah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah melantik perunding bagi pelaksanaan projek ini.

Lawatan tapak dan mesyuarat bagi membincangkan skop kerja bersama perunding telah diadakan pada 30 Mei 2019. Berdasarkan jadual perancangan kerja oleh perunding, iklan tender dijangka pada bulan Disember 2019 dan kontraktor dijangka memulakan kerja di tapak pada bulan Mac 2020, dengan tempoh pelaksanaan projek selama 18 bulan. Terima kasih.

**YB Speaker** : Terima kasih. Yang Berhormat Tenggaroh, jemput.

**YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh)** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan, lega orang Tenggaroh. Saya nak tahu Pusat Hemodialisis ini penting, kalau kita tengok di Malaysia, di Johor kawasan FELDA, kawasan kampung ini, pesakit-pesakit dia berjalan jauh nak pergi ke Pusat Hemodialisis. Selain dari Tenggaroh, FELDA-FELDA lain atau kawasan kampung ada dapat tak Pusat Hemodialisis yang baru?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan** : Seperti saya maklumkan tadi untuk Kementerian Kesihatan projek tahun 2017 hingga tahun 2020 ialah Tenggaroh 2. Tapi untuk makluman semua, saya sebenarnya sekarang ini tengah bergerak ke seluruh negeri Johor untuk memastikan apakah perkhidmatan-perkhidmatan dan juga keperluan-keperluan yang perlu kita adakan di negeri Johor dan insya-Allah selepas kita lakukan lawatan ke seluruh Pejabat Kesihatan, klinik kesihatan, klinik desa dan hospital, kita akan duduk balik dengan Pengarah Kesihatan Negeri Johor dan Timbalan-Timbalan Pengarah yang terlibat untuk kita lakukan penambahbaikan dan keperluan yang kita perlu bagi kepada rakyat negeri Johor, insya-Allah. Terima kasih.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya Semarang.

**YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 8.

Berapakah kos sebenar penganjuran Le Tour De Iskandar dan berapa ramaikah pelumba yang mengambil bahagian?

**YB Speaker** : Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi** : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Semarang atas soalan yang dilontarkan berkaitan dengan penganjuran *Le Tour De Iskandar* dan perkara-perkara yang berkaitan dengan *Le Tour De Iskandar*.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi kos perbelanjaan untuk penganjuran kejohanan berbasikal *Tour De Iskandar Johor* pada tahun 2019 adalah melibatkan sebanyak RM1,858,077.15 dan sebahagian dari kos tersebut adalah daripada peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri Johor iaitu sebanyak RM800,000.00.

Manakala untuk penyertaan pula, adalah melibatkan sebanyak 23 pasukan dengan kekuatan seramai 224 orang atlet telah menyertai kejohanan termasuk pasukan ini daripada dalam dan luar negara. Jika boleh saya sebutkan senarai pasukan yang menyertai Kejohanan Berbasikal *Le Tour De Iskandar Johor* ini, mereka ialah *Malaysia National Thema* daripada Malaysia, daripada Terengganu, daripada *Team Sapura Cycling* Malaysia juga, *JDT Cycling Team* dari Malaysia juga Johor, daripada Selangor juga *Selangor State Cycling Team*, daripada PDRM, *G Cycling Team* Malaysia, kemudian kita ada juga pasukan-pasukan daripada *Singapore*, daripada Brunei, Filipina, Indonesia, Australia, Thailand, Sri Lanka, China, Hong Kong, Korea dan juga Jepun. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput, Semarang.

**YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih atas jawapan. Saya ingin keperincian daripada peruntukan RM1.85 juta yang telah dianjurkan untuk program ini, RM800,000.00 daripada kerajaan, bagaimanakah dengan lebih perbelanjaan tersebut, siapakah yang membiayainya secara terperinci dan adakah lagi masih ada tanggungan yang harus dilunaskan oleh kerajaan dan pihak penganjur? Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi** : Terima kasih Yang Berhormat Semarang, Yang Berhormat Tuan Speaker, jujurnya sehingga lebih kurang hampir 80 hari saya memikul amanah sebagai Pengerusi untuk Jawatankuasa Belia dan Sukan, saya telah pun mendapatkan maklumat daripada penganjuran *Tour De Iskandar Johor* ini. Dan untuk makluman, untuk rekod Dewan juga, sebenarnya penganjuran *Tour De Iskandar* ini kita kecilkan skopnya dari 5 *stage* yang sebenarnya kita anjurkan kerana kekangan kewangan yang kita ada, maka kita kecilkan kepada 3 *stage* untuk penganjuran ataupun *route* laluan *Tour De Iskandar* ini.

Yang pertama ialah laluan itu jika saya boleh sebutkan yang berlangsung pada laluan pertama pada 17 April adalah dari Pekan Nenas, maafkan saya, daripada Nusajaya ke Batu Pahat, kemudian laluan kedua pada 18 April dari Muar ke Yong Peng dan laluan ketiga pada 19 April iaitu daripada Kluang sehinggalah ke Johor Bahru dan pendetailan berkaitan dengan dana-dana yang disalurkan insya-Allah, saya akan sertakan dalam bentuk bertulis dengan lebih *detail* lagi. Terima kasih.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya, jemput Bukit Naning

**YB Tuan Md. Ysahrudin bin Haji Kusni (Bukit Naning)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 9.

Nyatakan langkah-langkah bagi mengekalkan daerah Muar sebagai bandar terbersih di ASEAN.

**YB Speaker** : Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Bukit Naning yang mengemukakan soalan ini.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bandar Muar telah diiktirafkan sebagai bandar yang terbersih di ASEAN. Antara bandar yang terbersih di ASEAN dan adalah penerima anugerah *ASEAN Clean Tourist City Standard Award 2017* di *ASEAN Tourism Forum* di Chiang Mai, Thailand pada tahun 2018. Pengiktirafan ini adalah disebabkan Bandar Muar menepati *standard-standard* dan ciri-ciri bandar-bandar bersih yang ditetapkan oleh ASEAN. Ingin saya ucapkan tahniah kepada pihak-pihak berkenaan atas usaha-usaha menjadikan bandar Muar sebagai bandar terbersih di ASEAN. Saya berharap pengiktirafan ini akan mendorong seluruh warga rakyat Johor di bandar lain supaya menjaga kebersihan bandar masing-masing dan seterusnya meningkatkan nama dan imej negeri Johor di ASEAN.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya tahap kebersihan bandar ini dinilai melalui berbagai kriteria meliputi keindahan landskap, sistem pengurusan sampah yang sempurna, jalan yang bersih, bangunan-bangunan yang dijaga indah, sungai yang bebas daripada kotoran selain kualiti udara yang segar dan nyaman.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi mengekalkan pengiktirafan ini pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak MPM terutama dari aspek kebersihan seperti berikut:-

1. Pelaksanaan gerak kerja secara bersepadu melalui pemantauan oleh anggota-anggota pemantauan MPM di setiap zon yang telah ditetapkan.
2. Melaksanakan pemantauan dan tindakan pembetulan secara konsisten di antara PBT, SWM Corp dan konsesi. Bagi pihak SWM, kakitangan akan dibahagikan kepada 2 syif iaitu syif pagi dan petang bagi memastikan daerah Muar sebagai bandar yang bersih.
3. Program-program *Corporate Social Responsibility* (CSR). Penguatkuasaan dan juga kempen kebersihan secara berkala dengan kerjasama antara jabatan juga dijalankan sebagai contoh *Programme Communication for Behaviour, Impact Combi*, anjuran bersama Jabatan Kesihatan, aktiviti *fogging* seperti aktiviti gotong-royong di taman-taman atau kawasan perumahan dan *Task Force* kawasan perindustrian juga diadakan untuk memastikan kebersihan bandar Muar. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput Bukit Naning, soalan tambahan.

**YB Tuan Md. Ysahrudin bin Haji Kusni (Bukit Naning)** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Tuan Speaker, soalan tambahan Bukit Naning adalah, bolehkah nyatakan tempat-tempat yang dikategorikan sebagai Muar Bandar Terbersih ASEAN dan adakah tempat-tempat baru ataupun tambahan yang akan diangkat sebagai kawasan bandar bersih di Muar? Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar** : Yang Berhormat Speaker, Bandar Muar memang telah diiktirafkan seperti yang saya katakan tadi sebagai Bandar Yang Terbersih dianugerahkan dan usaha ini akan diteruskan untuk memastikan daerah Muar secara keseluruhannya akan berusaha untuk menjadikan daerah Muar ini lebih baiklah supaya tempat-tempat yang lain juga akan termasuk juga dalam kita menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan supaya bandar Muar diiktirafkan, pengiktirafannya dikekalkan. Terima kasih.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya Yang Berhormat Tanjung Surat, jemput.

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman (Tanjung Surat)** : Terima kasih Tuan Speaker kerana membetulkan ya dalam kertas yang kita ada ni Pengerang ditulis nama hujung nama saya, seharusnya tidak berlaku perkara sebegini. Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 10.

Bilakah projek pembinaan Masjid Taman Bayu Damai yang telah diluluskan peruntukannya akan mula dibina?

**YB Speaker** : Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Kepada soalan dari Tanjung Surat. Untuk makluman, bahawa sejumlah peruntukan sebanyak RM5 juta yang telah pun diluluskan, yang mana pada kos siling iaitu PDA ataupun anggaran kos awalnya sebanyak RM7 juta dan peruntukan daripada ICU, RM5 juta pengesahan baki peruntukan RM2.0 juta masih belum lagi diterima. Kelulusan daripada Jabatan Agama Islam Johor untuk lukisan konsep telah pun diluluskan pada 27 Mei 2019. Proses reka bentuk terperinci diambil selama 3 bulan. Arkitek jangka selesai lukisan terperinci pada Ogos 2019. Jangka iklan tender September 2019. Jangka pembinaan akhir

November 2019. Iklan tender adalah tertakluk kepada kelulusan PDA, sebagaimana tambahan peruntukan RM2.0 juta. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker :** Ya, Tanjung Surat.

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman (Tanjung Surat) :** Tuan Speaker, projek ini sepatutnya RM5 juta daripada kerajaan pusat, RM2 juta lagi tu daripada kerajaan negeri. Sebab apa saya kata begitu, ini adalah kerajaan negeri ada menerima duit pampasan kerana 6 kampung dipindahkan ada 3 buah masjid, kiranya tiga-tiga ni melebihi RM2 juta pampasannya telah diterima oleh kerajaan negeri, jadi saya tak nampak kenapa masih RM2 juta tu masih menunggu kelulusan? Jadi, apa respons Yang Berhormat EXCO? Terima kasih Tuan Speaker.

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar :** Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Dewan yang mulia ini dan juga Ahli Yang Berhormat Tanjung Surat. Apabila saya memegang Portfolio Agama ini hala tuju yang pertama saya tegaskan, saya pandang berat ialah pembinaan masjid dan surau. Maka dengan sebab itu, saya berjanji dalam Dewan ini bahawa pembinaan masjid di kampung ini amat penting selepas proses pemindahan dan insya-Allah kepada Ahli Dewan, sahabat saya Tanjung Surat, saya akan beri keutamaan untuk memastikan bahawa tambahan peruntukan kurang RM2 juta akan dapat dilaksanakan pada tahun ini juga, insya-Allah. Terima kasih.

**YB Speaker :** Soalan seterusnya, Yang Berhormat Bukit Naning.

**YB Tuan Md Ysahruddin bin Kusni (Bukit Naning) :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 11.

Berapakah peruntukan penyelenggaraan jalan raya negeri bagi kawasan Bukit Naning di kawasan bertanah gambut yang memerlukan sistem penyelenggaraan berjadual akibat kekerapan trafik di kawasan tersebut?

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :** Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker...

**YB Speaker :** Bukit Naning minta *off*.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :** Yang Berhormat Bukit Naning telah mengemukakan soalan, berapakah peruntukan penyelenggaraan jalan raya negeri bagi kawasan Bukit Naning di kawasan bertanah gambut yang memerlukan sistem penyelenggaraan berjadual akibat kekerapan trafik di kawasan tersebut?

Yang Berhormat Speaker, JKR telah menerima peruntukan sebanyak RM1 juta pada tahun 2018, bagi kerja *re-construction*, dengan izin. JKR juga telah membuat permohonan tambahan sebanyak RM4.6 juta bagi program tahun ini 2019, agar dapat melaksanakan penyelenggaraan sepenuhnya dan ketika ini masih menunggu kelulusan peruntukan. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput Bukit Naning.

**YB Tuan Tuan Md Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning)** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan saya bolehkah nyatakan berapakah peruntukan JKR perolehi bagi tahun 2019 untuk selenggara jalan ini? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Terima kasih YB Speaker, maklumat terbaru yang saya terima ialah pihak JKR menerima RM1.4 juta daripada RM4.6 juta yang dimohon bagi tahun ini. Terima kasih.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Sri Medan.

**YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Yang Berhormat Speaker terima kasih. Soalan saya nombor 12.

Berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk persatuan sukan memohon dana dan berapa kejohanan sukan peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang telah di susun untuk di anjurkan di negeri Johor pada tahun 2019?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO. YB EXCO jemput, YB EXCO Belia jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi** : Maaf Tuan Speaker, boleh saya minta satu kali ulangan soalan?

**YB Speaker** : Sekejap.

**YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 12. Perlu saya baca? Tak payah ya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi** : Ya, mungkin boleh baca. Maafkan saya ya.

**YB Speaker** : Pertama kali kena baca ni.

**YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk persatuan sukan memohon dana dan berapa kejohanan sukan peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang telah di susun untuk dianjurkan di negeri Johor pada tahun 2019? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi** : Baik, maafkan saya Tuan Speaker dan maafkan saya Sri Medan. Majlis Sukan Negeri Johor telah memperuntukkan satu jumlah yang tertentu dan juga agak besar untuk membantu memperkasakan Persatuan Sukan Negeri Johor bagi tahun 2019 dan peruntukan sebanyak RM1,070,000.00 telah pun diperuntukkan untuk memperkasakan persatuan-persatuan sukan di negeri Johor dan peruntukan tersebut telah dibahagikan mengikut elemen-elemen seperti berikut:

1.	Bantuan pentadbiran	-	RM130,000.00
2.	Bantuan pengelolaan pertandingan	-	RM340,00.00
3.	Bantuan penyertaan kejohanan	-	RM550,000.00
4.	Majlis Mesyuarat Perundingan	-	RM50,000.00

Berbeza dengan peruntukan yang diberikan pada tahun 2018 sebanyak RM580,000.00 sahaja iaitu lebih dari 50% penambahan peruntukan diberikan kepada Persatuan Sukan Negeri Johor. Ini adalah bertujuan untuk membantu persatuan membuat segala persiapan dari segi penganjuran kejohanan dan juga penyertaan atlet sebelum menghadapi Temasya Sukan Malaysia 2020 ataupun SUKMA 2020. Walau bagaimanapun, semua peruntukan yang telah saya nyatakan tadi, mestilah dipohon melalui kepala surat Persatuan Sukan Negeri Johor yang berdaftar dan juga yang sah dan permohonan akan dikaji dan semua

persatuan layak untuk menerima sebarang subsidi bantuan sebanyak 50% sekurang-kurangnya daripada keseluruhan jumlah yang telah pun dipohon.

Persatuan-persatuan juga wajib untuk menghantar pelaporan perbelanjaan dua minggu selepas kejohanan atau aktiviti yang telah dijalankan kepada Majlis Sukan Negeri Johor. Sekiranya mereka gagal, maka permohonan yang seterusnya akan dilihat semula dan mungkin akan ditahan. Manakala, bagi penganjuran kejohanan pula, Majlis Sukan Negeri Johor telah pun mula menjalankan sirkuit remaja Johor sejak tahun 2018 lagi sehinggalah ke hari ini. Sirkuit tersebut adalah sebagai platform untuk melahirkan atlet-atlet pelapis bawah 16 tahun bagi mewakili negeri Johor di Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) dan kebangsaan pada masa-masa yang akan datang.

Jika boleh saya nyatakan berikut adalah tarikh-tarikh yang telah ditetapkan bagi sirkuit pada tahun 2019. Sirkuit siri pertama untuk sukan kenu, memanah, pencak silat adalah pada pertengahan bulan Mac 2019 di Tangkak dan ianya telah pun berjaya dijalankan. Dalam sirkuit siri pertama yang sama iaitu sukan untuk berbasikal, petanque, olahraga dan juga wusyu iaitu pada 12 dan 13 April di Batu Pahat juga telah kita berjaya laksanakan. Untuk sirkuit siri yang kedua, bagi sukan berbasikal sekali lagi olahraga dan juga petanque dijangkakan pada 5 dan juga 6 Julai 2019 yang akan kita jalankan di daerah Kota Tinggi dan bagi sirkuit siri kedua juga bagi sukan kenu, pencak silat, memanah dan juga wusyu dijangkakan pada awal Ogos 2019 yang akan kita adakan di Mersing. Untuk sirkuit siri yang ketiga yang melibatkan sukan berbasikal, kenu, memanah, pencak silat, petanque, olahraga dan juga wusyu dijangkakan akan dijalankan pada 11 dan juga 12 Oktober 2019 di daerah Johor Bahru.

Bagi penganjuran kejohanan di peringkat antarabangsa, Majlis Sukan Negeri Johor dengan kerjasama beberapa Persatuan Sukan Negeri Johor, telah pun mengatur dan menjalankan beberapa kejohanan kebangsaan dan antarabangsa bermula seawal tahun 2019 ini. Berikut adalah kejohanan-kejohanan kebangsaan dan antarabangsa yang telah pun dijalankan dan akan dijalankan. Yang pertama ialah Kejohanan Remaja Tertutup Negeri Johor siri yang pertama pada 8 Mac 2019, melibatkan sukan tenpin dan juga boling. Kejohanan sepak takraw antara daerah iaitu pada 20 hingga 24 Mac 2019. Kejohanan Remaja Tertutup Negeri Johor Siri 2, iaitu pada 12 April 2019 melibatkan sukan tenpin dan juga boling, maafkan saya. Yang keempat ialah Kejohanan Remaja Johor Peringkat Negeri, tekwando 12 dan 13 April 2019. Kemudian kejohanan bola jaring pada 12 sehingga 14 April 2019 dan banyak lagi.

Yang Berhormat Speaker, selain itu di peringkat kementerian ataupun di peringkat *federal*, Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri turut berusaha untuk memperkasakan persatuan-persatuan sukan dengan mereka menjalinkan kerjasama sama ada dalam penganjuran bersama pelbagai program-program sukan ataupun perkhidmatan kepakaran, perkhidmatan pengadilan dan lain-lain lagi. Jabatan sukan ini juga telah merancang, menyelaras dan melaksanakan pelbagai program sukan untuk semua yang melibatkan lebih ramai di peringkat komuniti agar aktiviti sukan dijadikan sebagai salah satu gaya hidup sihat. Antara program yang disediakan adalah program sukan kecergasan, sukan-sukan yang berkaitan dengan permotoran, sukan-sukan rekreasi, sukan-sukan ekstrem ataupun *extreme games* dan sukan-sukan rakyat yang boleh melibatkan lebih ramai penyertaan.

Sebagai makluman, jabatan ini telah melaksanakan tiga pertandingan di peringkat negeri, dua pertandingan di peringkat zon dan selebihnya ialah program-program berbentuk kecergasan, kursus dan juga klinik-klinik sukan di peringkat negeri. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput Sri Medan, soalan tambahan.

**YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Sukan yang telah memberi jawapan. Cuma saya nak tanya sedikit tentang

peruntukan yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat EXCO sebentar tadi iaitu sebanyak RM1.070 juta yang telah diperuntukkan untuk tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018, RM580,000.00. Yang saya nampak di sini daripada RM1.070 juta, pentadbiran RM130,000.00, pengelolaan kejohanan RM340,000.00, penyertaan RM550,000.00 dan RM50,000.00 tadi apa Yang Berhormat? Minta maaf.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi :** Itu ialah untuk Majlis Mesyuarat Perundingan.

**YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Majlis Mesyuarat Perundingan. Terima kasih Yang Berhormat. Di sini apa yang kita lihat dengan peruntukan RM1 juta, RM1 juta lebih ini mungkin sama ada, ada atau tidak Yang Berhormat mungkin terlepas pandang daripada soal pembangunan sukan, saya nak contohkan di sini iaitu bagi peruntukan untuk Persatuan Olahraga Negeri Johor, kerana apa saya, jawapan bertulis daripada Yang Berhormat EXCO, semalam soalan lisan yang tak sempat dijawab, ada menyebut Program Titanium 2020 atau TI20. Jadi, apa program ini sebenarnya yang kita lihat telah dilancarkan pada tahun 2017, akhir tahun. Yang mana program ini antaranya ialah kita ingin melahirkan pelumba-pelumba *sprinter* untuk kita melatih mereka daripada peringkat umur 16 tahun atau 15 tahun untuk kita lahirkan pelumba-pelumba handalan kerana kita nampak daripada segi soalan saya, daripada segi pembangunan sukan ini, mungkin peruntukan tidak diberi tumpuan sepenuhnya oleh kerajaan negeri Johor. Soal pentadbiran, pengelolaan dia nampak tapi adakah pihak kerajaan menyediakan peruntukan khusus untuk Program Titanium untuk melahirkan pelumba-pelumba handalan di negeri Johor kerana kita lihat di negeri Melaka, walaupun mereka gagal dalam bidang sukan yang lain tetapi mereka berjaya melahirkan pelumba lari yang handal contohnya Hafiz Jantan dan ianya menunjukkan kemajuan sukan di negeri Melaka. Jadi, kalau Yang Berhormat boleh terangkan pada Ahli Dewan, apakah yang dimaksudkan dengan Program Titanium 2020 yang melibatkan Persatuan Olahraga Johor yang boleh kita melahirkan pelumba-pelumba handalan?

**YB Speaker :** Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi :** Baik, terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang diberikan. Saya jawab secara ringkas. Untuk Program Titanium 2020 ini, masih dijalankan dan atlet yang berada di bawah Program Titanium 2020 ini kita masih memberikan tumpuan, latihan khusus dan berpusat di bawah pemantauan jurulatih-jurulatih pakar yang disediakan oleh pihak MSN Negeri Johor. Atlet ini akan menjalani latihan sepenuh masa dan prestasi mereka akan sentiasa dipantau dan kita juga menjalankan ujian umum dan spesifik mengikut sukan masing-masing setiap tiga bulan oleh pegawai sains dan sukan dan saya cukup yakin Sri Medan pun sedia maklum dengan perkara ini kerana dia telah dijalankan di peringkat awal lagi. Cuma saya ingin nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, Program Titanium 2020 masih kita jalankan dan juga masih kita teruskan untuk memastikan kita dapat menghasilkan atlet-atlet yang berkualiti. Dari segi *detail* kewangan yang diberikan dan sebagainya, saya tidak dapat kemukakan secara *detail* pada hari ini, cuma insya-Allah *detail* nya saya akan kemukakan nanti dalam jawapan bertulis dan cuma saya nak nyatakan dan tegaskan di sini, Program Titanium 2020 ini masih kita teruskan sehingga ke hari ini. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jam telah menunjukkan hampir pukul 11.00 pagi, jadi saya tamatkan soalan-soalan pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

**JURUTULIS : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN Johor**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan itu disambung sekarang. Jemput Yang Berhormat Machap, silakan.

**YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) :** Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, pertamanya Machap ingin merakamkan ucapan berbilang terima kasih kerana diberi peluang berucap dalam perbahasan menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dalam Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 pada hari Khamis, 27 Jun 2019 yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Machap melihat perbahasan persidangan Dewan kali ini seolah-olahnya ada sedikit kelainan sebab semasa kami berada di sebelah sana jadi kerajaan, Wakil Rakyat bagi pihak kerajaan biasanya akan menyokong, memberi cadangan dan juga memohon pembangunan yang ingin dibawa di kawasan itu pada pihak kerajaan. Tetapi kali ini, macam melihat Wakil Rakyat yang menjadi kerajaan bukan sahaja menyokong, memberi cadangan tetapi juga mengkritik dan menegur kerajaan yang mana mereka sendiri adalah dalam kerajaan itu.

**YB Speaker :** Kerajaan terbuka Yang Berhormat.

**YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) :** Jadi Machap melihat ini satu kelainan sebab seolah-olahnya ada suara Pembangkang di sana, yang seolah-olahnya sepatutnya kita yang bawa, tapi suara Pembangkang ada di sini dan juga suara Pembangkang ada dalam kalangan kerajaan sendiri. Sebab, Machap melihat isu GST dan SST misalnya, di mana YB kerajaan sendiri mengakui bahawa SST itu juga menyebabkan kepada peningkatan harga barang. Dan sedikit percanggahan, misalnya Menteri Besar Johor menjelaskan Johor berada di kedudukan kewangan yang cukup baik tetapi ada dalam kalangan YB kerajaan menyatakan bahawa Menteri Besar terpaksa kerap *travel* ke Putrajaya untuk cari dana. Ini macam seolah percanggahan antara Wakil Rakyat kerajaan dengan Menteri Besar sendiri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam usaha kita untuk menambahkan tong perbendaharaan kewangan negeri Johor, Tuanku Sultan bertitah untuk kerajaan bekerja keras bagi menarik pelabur. Machap menyokong kenyataan ADUN Senggarang yang menyatakan bahawa kemajuan sesebuah negeri itu boleh diukur seberapa banyak pelaburan yang dibawa masuk ataupun berapa ramai pelabur yang masuk melabur di negeri itu. Dalam jawapan EXCO yang lalu ada menjelaskan bahawa pelabur yang banyak melabur di negeri Johor adalah dari negara China dan Amerika Syarikat. Negara China sendiri melabur dengan anggaran 718 juta, maknanya pelabur dari China cukup banyak jumlah pelaburannya di negeri Johor. Cuma saya terbaca seorang taikun konglomerat negara China iaitu Jack Ma dari Syarikat Ali Baba. Beliau menyatakan seolah-olahnya beliau tidak mahu lagi melabur di Malaysia sebab, kemungkinannya dasar yang tidak konsisten di mana dengan perubahan kerajaan telah menyebabkan perjanjian projek yang terdahulu ditandatangani, telah ditandatangani, disemak, ditangguh dan dibatalkan. Ini menyebabkan keyakinan pelabur agak goyah untuk melabur di Malaysia mahupun di negeri Johor.

Sebab itu Machap berpendapat, untuk menarik keyakinan pelabur, dasar yang konsisten, Tuanku juga telah menegaskan dasar yang konsisten perlu dijalankan supaya dasar ini tidak menakutkan pelabur. Dan juga, kalau kita lihat seolah-olahnya pelabur hari ini mengambil pendirian tunggu dan lihat. Sebab kalau suatu masa dulu, perjanjian telah ditandatangani oleh mantan Perdana Menteri yang terdahulu, bila diambil alih oleh Perdana Menteri yang terkini dibatalkan, ditangguh ataupun ditunda, ini menyebabkan kelancaran projek itu terganggu. Sekarang ini dikatakan kemungkinan dalam tempoh 2 hingga 3 tahun juga akan diserahkan baton kepimpinan itu kepada Perdana Menteri baru, jadi mereka khuatir kalau dalam tempoh 2-3 tahun ini perjanjian dibuat, bila kepimpinan baru mengambil alih perjanjian yang telah mereka buat akan dibatalkan. Ini menakutkan para pelabur. Sebab itu saya tegaskan bahawa dasar yang konsisten perlu ada dalam memastikan usaha menarik pelabur untuk melabur meyakinkan mereka. Laporan ekonomi *outlook*, OECD 2019

menyatakan pertumbuhan KDNK Malaysia adalah agak lemah. Tidak berkembang hanya pada kadar purata 4.6% berbanding Filipina, 6.6% dan Indonesia, 5.3%. Keadaan ini jangkanya mungkin juga akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negeri Johor.

Machap yakin dan percaya bahawa kerajaan Barisan Nasional sebelum ini telah pun meninggalkan asas ekonomi yang kukuh sehingga kerajaan PH Johor hari ini terus mencatat lebih surplus RM5.26 bilion juta dengan jumlah simpanan rizab kerajaan adalah berjumlah RM2.46 bilion. Maknanya tugas dan amanah yang perlu dipikul oleh kerajaan PH hari ini ialah untuk mencari sumber kewangan yang mantap bagi memajukan negeri ini di samping membawa kesejahteraan kepada rakyat sebagaimana manifesto yang dilancarkan masa PRU yang lalu. Dalam manifesto PH Johor yang lalu menegaskan bahawa jawatan Menteri Besar Johor dihadkan kepada dua penggal, saya sokong. Pemberian air percuma 10 meter padu, saya sokong. Tender terbuka, saya sokong. Pengecualian bayaran lesen peniaga, saya sokong. Sistem takaful warga emas bagi golongan B40, bayaran tunggakan sewa projek perumahan rakyat, menghapuskan kuota menegak kerajaan, ini pun saya sokong; insentif kursus perkahwinan percuma, saya sokong 200%, apatah lagi kalau dapat ditambah kepada ingin berkahwin kali kedua. Insentif Harapan Siswa, saya sokong. Kad kesihatan Johor, saya sokong.

**YB Speaker :** Semua sokong, mana yang tak sokong?

**YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) :** Menaikkan cukai tanah, ini yang saya tak sokong. Tak ada dalam manifesto yang menyatakan kalau PH menang dalam pilihan raya yang akan datang, yang ke-14 itu, mereka akan naikkan cukai tanah. Ini yang saya tidak sokong. Tak ada dalam manifesto. Sebab yang biasa kita dengar ialah suara-suara yang menyatakan kalau PH menang, kita akan beri pendidikan percuma. Kalau PH menang, kita akan hapuskan AES, kita akan hapuskan PTPTN, kita akan hapuskan GST laksana SST yang boleh menurunkan harga barang, kita akan beri BRIM, kalau BN boleh beri BRIM RM2,000.00, PH juga mampu untuk beri RM2,000.00. Dan, yang kita sering dengar kenyataan seorang pemimpin, kalau PH menang hari ini bukan 12 jam, bukan 24 jam, esok kita turunkan harga minyak. (Dewan bertepuk). Dan, paling menarik...

**YB Speaker :** Minyak dah banyak kali turun Yang Berhormat.

**YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) :** Hidup PH (ketawa). Dan, yang paling menarik, seorang menteri dari PH menyatakan igauan buruk, mimpi buruk akan berlalu bila mana tol akan dihapuskan dari Simpang Renggam ke Johor Bahru, begitu jugalah di tempat-tempat yang lain. Igauan buruk akan berlalu. Ini yang cakap ini Ahli Parlimen Simpang Renggam ni, ada orang Simpang Renggam kat sini? Ha, saya lah orang Simpang Renggam. (Ketawa). Maknanya cukai yang dinaikkan ini tidak diwar-warkan. Masa manifesto tu dilancarkan. Kalau PH Johor kata, kalau PH Johor menang pilihanraya ke-14 kita akan naikkan cukai tanah. Saya rasa rakyat tidak akan mengundi PH ketika itu. Maknanya rakyat telah beri kepercayaan, pengharapan penuh bahawa PH Johor mampu memberikan kesejahteraan kepada rakyat, membela nasib rakyat bukan menganiaya, membebaskan rakyat dengan menaikkan cukai tanah misalnya.

**YB Speaker :** Yang Berhormat, banyak-banyak tu semua sokong, satu je bantah kira ok lah Yang Berhormat.

**YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) :** Ini pembangkang yang baik, baru satu tahun, maknanya yang menilai 4 tahun lagi ialah rakyat. Kemudian, sebab apa, sebab kenaikan ini dikatakan boleh menjana, mengumpul 40.8 juta dengan alasan duit yang dipungut ini boleh membantu memberikan perkhidmatan dan menambah program dan kemudahan kepada rakyat. Sekarang ini rakyat berada dalam keadaan susah, rakyat terbeban. Kalau dulu peneroka FELDA nak raya dapat RM500.00 ke atas tetapi yang lepas dapat RM300.00 itu pun di saat-saat akhir, merayu minta simpati. Dan juga kalau kita lihat itu pun ditempelak, adakah peneroka FELDA ini, kakitangan kerajaan untuk diberikan

bonus? Begitu hibanya peneroka FELDA pada masa itu. Dan kalau dulu BRIM, BN menjanjikan RM2,000.00 sekarang ini RM100.00 hingga RM120.00 sahaja. Harga barang meningkat, dalam persiapan hari raya saya lihat begitu terjeasnya oleh kerana harga komoditi sawit jatuh, harga getah jatuh masih tidak stabil. Cuma terima kasihnya pada Pakatan Harapan yang lepas semasa raya, harga ayam dan daging tak naik. Stabil pada masa itu. Terima kasihlah atas usaha ini. Kemudian, Machap juga menyarankan agar segala janji-janji yang telah dibuat cuba untuk kita tunaikan. Tak dapat lakukan sepenuhnya, lakukan sedaya upaya yang mungkin. Sebab Tun Daim Zainuddin kata, jangan salahkan kerajaan yang terdahulu. Tetapi apakah peranan PH hari ini untuk memenuhi janji-janji yang telah dibuat kepada rakyat sebagaimana dalam manifestonya. Itu yang telah ditekankan. Yang berlalu biarlah berlalu. Yang pentingnya kita harus melihat. Tuan-tuan dan Puan-puan yang ada dalam Dewan ini yang hebat-hebat tentunya adalah sebahagian sumbangan daripada jasa Barisan Nasional. (Dewan bertepuk).

Dan juga tuan-tuan dan puan-puan, dan juga Tuan Speaker, kalau dulu Barisan Nasional dikatakan sebuah kerajaan yang rasuah, maka pelabur tak mahu masuk melabur ke Malaysia. Buktikan, buktikan bahawa kerajaan PH hari ini yang bersih dari rasuah mampu tarik seberapa banyak pelabur-pelabur dengan alasan mereka tidak ada rasuah, buktikan bahawa mereka lebih hebat daripada kerajaan Barisan Nasional, kerajaan tanpa rasuah. Sebab itu, bila banyak pelaburan yang dibawa masuk ke Johor sebagaimana yang telah disebut oleh EXCO tadi, dikatakan dalam tahun 2018, 24 bilion pelaburan yang dibawa masuk ke Johor takkanlah pelaburan yang keuntungan pelaburan itu tidak boleh menjana pembangunan kemajuan negeri Johor dan mensejahterakan rakyat. Maknanya janganlah dibebankan rakyat dengan cukai ini. Kalau nak dilaksanakan juga cukai ini, ambil kiralah golongan berpendapatan B40 walaupun kadar yang dikenakan pada mereka pada cukai tanah ini rendah, tetapi mereka juga turut terjejas dengan kenaikan cukai tanah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkaitan dengan cukai tanah ini juga, dalam tahun 2017 mantan Menteri Besar ada menyatakan pengurniaan geran tanah kepada Kampung Melayu Bukit Nyamuk, tanah PCM Kg. Seri Maju Jaya, Lorong Haji Hamzah, Kg. Seri Lalang dan juga Kg Paya Haji Basri. Dan difahamkan sudah sampai ke peringkat akhir untuk pengeluaran geran tanah itu. Terima kasih jugalah kepada pihak yang berusaha untuk mengeluarkan geran tanah itu. Difahamkan ada yang lulus bermilik dan ada yang lulus *tapping right*, dengan izin. Lulus bermilik dikatakan dikenakan bayaran premium Notis 5A, antara RM800.00 hingga RM1,200.00 mengikut jenis tanaman, kalau sawit RM200.00 seekar, kalau getah RM150.00 seekar dan dusun RM100.00 seekar. Sementara lulus *tapping right*, dengan izin, dengan jumlah pokok yang ditanam dikalikan dengan 10. Maknanya kalau 1 ekar ditanam dengan 60 pokok kelapa sawit kali dengan RM10.00 makna sudah RM600.00 kemudian dikalikan dengan beberapa tahun pokok itu ditanam, kalau 10 tahun kalikan 10 tahun, bayaran amanah RM1,000.00 setiap ekar yang diceroboh. Machap melihat syarat ini dan kadar kelulusan *tapping right* ini sewajarnya disemak semula sebab difikirkan begitu membebankan kepada orang yang memohon tanah ini, lulus secara *tapping right*. Mohonlah kepada pihak Menteri Besar dan juga EXCO untuk mempertimbangkan sama ada syarat ini dilonggarkan ataupun difikirkanlah kaedah yang lebih baik supaya tidak membebankan permohonan tanah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, masalah air *leachate* yang berlaku di Machap berpunca daripada tapak buang sampah di Ladang CEP1, Renggam. Saya mohonlah penjelasan kepada EXCO yang berkaitan supaya menjelaskan dengan lebih terperinci, sebab saya sudah tidak ada maklumat tentang perkembangan kualiti air sungai Ulu Benut, sebab telah dikeluarkan daripada *group WhatsApp* dan sebelum ini kita berada dalam *group* itu, tetapi bila dah jadi pembangkang dikeluarkan daripada *group* dan tidak dapat maklumat langsung tentang perkembangan di tapak buang sampah dan juga kualiti air.

Cuma yang dimaklumkan ialah telah dibuat penutupan pembuangan sampah di Ladang CEP1 Renggam, dipindahkan ke Selong. Kalau dulu, BN memerintah kita cuba menutup tapi buka semula atas alasan syarikat yang menghantar pembuangan sampah itu kalau buang di

Selong maknanya tambangnya lebih, minyaknya lebih. Jadi mereka tidak dapat tampung kos, kalau buang di CEP1 Renggam, lebih dekat dan jimat daripada segi minyak di situ.

Tapi saya difahamkan sekarang ini ditutup di CEP1 Renggam dan buang di Selong, walaupun kos untuk pengangkutan itu lebih dan juga difahamkan pihak KPKT telah meluluskan peruntukan untuk menampung kos itu. Tahniahlah kepada pihak PH yang setakat ini berjaya menutup tapak buang sampah di CEP1 Renggam. Cuma dalam bulan 4, telah berlaku 6 hari air tidak ada selepas penutupan itu, kerana masih lagi dikatakan ada air leacet yang mengalir dari tapak buang sampah walaupun tapak buang sampah itu telah ditutup, tidak ada lagi proses pembuangan sampah di situ, tapi sampah yang ada masih lagi boleh mengeluarkan air leachate amonia yang boleh menyebabkan berlakunya pencemaran air. Cuma, Machap minta langkah-langkah penutupan jangka panjang apa yang perlu dibuat oleh SWM, oleh SAJ, oleh BAKAJ, MDSR dan jabatan-jabatan yang berkaitan supaya penutupan yang kekal berlaku dan tidak ada lagi berlaku pencemaran air di Machap.

**YB Speaker** : Satu minit lagi Yang Berhormat. Satu minit lagi.

**YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap)** : Juga ada cadangan supaya dibina tangki air yang lebih besar. Sebab setakat ini cuma ada 2 tangki air di Pekan Simpang Renggam dan satu lagi di Taman Tiara Perdana.

Yang Berhormat Tuan Speaker, aduan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Machap dan juga Sekolah Kebangsaan Sri Machap dimana Sekolah Kebangsaan Sri Machap baru dibuka. Aduannya ialah bahawa bau gangguan najis tahi ayam. Pukul 9 ke atas bau itu, aroma itu menyerbu ke Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Machap. Jadi, mengikut kajian kita ada 21 ladang ternakan ayam, 1 ladang ayam baka, 2 ladang penelur, 18 ladang ayam pedaging yang melakukan operasi menternak ayam di Machap. Jadi Machap pun tak tahulah kenapa Machap jadi pilihan ladang ternakan ayam sehingga menyebabkan masalah bau dan juga lalat yang berleluasa di Machap.

Seterusnya, berkaitan dengan keperluan prasarana perumahan generasi ke-2 FELDA Ayer Hitam. Ada 205 lot tanah yang dikurniakan, 50 telah dibina melalui SPNB, 20 buah rumah telah dibina melalui pinjaman bank, 135 belum dibina. Dan, masalah di sini ialah bila mereka bina tanpa adanya permuafakatan maknanya mereka bina di atas tanah mereka, mereka masukan air sendiri, kemudian mereka masuk ke rumah mereka tanpa adanya sistem jalan yang tersusun begitu juga dengan perparitan. Sekarang ini bila berlaku hujan lebat, tidak ada sistem perparitan menyebabkan rumah yang dibina di kawasan rumah generasi kedua ini, banjir.

**YB Speaker** : Banyak lagi Yang Berhormat?

**YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap)** : Sikit lagi.

**YB Speaker** : Masa dah habis ni, tapi saya beri masa sikit lagi.

**YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap)** : Seterusnya Machap ingin menyentuh tentang sedikitlah, sedikit masalah yang berlaku di hadapan kilang Johor Pipe di mana di sempadan Simpang Renggam dan Ayer Hitam di mana kalau berlaku hujan lebat berlaku takungan air di sepanjang jalan itu yang menyukarkan kenderaan bermotor. Bila motor lalu, kenderaan lori ataupun motokar lalu menyebabkan air terpercik kepada penunggang motosikal yang kadangkala percikan air itu menyebabkan motosikal boleh terbabas. Dan difahamkan juga itu adalah air longkang dan sebahagiannya adalah air yang terhasil daripada tapak ladang ternakan. Jadi, itu saja saya rasa untuk saya bawa dalam perbahasan pada kali ini. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Terima kasih kepada Machap. Jadi kita tangguhkan sebentar persidangan ini sehingga jam, kita berehat sebentar sehingga jam 11.40 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 11.40 pagi.**

**YB Speaker :** Kita sambung perbahasan atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Saya persilakan Endau.

**YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Pertama-tama Endau merakamkan sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan jajahan takluk negeri Johor di atas perkenan Baginda mencemar duli bagi merasmikan Persidangan Mesyuarat pada 27 Jun yang lalu. Sesungguhnya Endau amat menjunjung segala titah Baginda Sultan Johor dan semoga segala limpah kurnia dan rahmat terus melindungi Baginda Sultan Johor sekeluarga.

Endau juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Sahrudin Jamal yang telah dipilih serta dilantik sebagai Menteri Besar Johor yang ke-17. Dan begitu juga ucapan tahniah kepada barisan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dipilih untuk bergerak sebagai sebuah pasukan yang jitu bagi merancang, mentadbir serta membangun negeri Johor. Berkesempatan ini juga Endau ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Kempas atas segala sumbang bakti Yang Berhormat ketika memegang jawatan sebagai Menteri Besar Johor yang ke-16 terutamanya atas segala keprihatinan Yang Berhormat kepada kawasan Endau dan segala peruntukan yang disalurkan buat Endau.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ada beberapa perkara yang Endau ingin utarakan pada kali ini bagi menyampaikan hasrat Endau. Pertama, kawasan pelancongan yang boleh dibangunkan. Sesungguhnya benarlah firman Allah dalam surah Ar-Rahman, ayat ke-13 yang membawa maksud, Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan. Nikmat yang dinyatakan ini bukanlah semata-mata kekayaan kewangan ataupun harta benda tetapi nikmat yang Endau ingin tegaskan di sini, di Dewan yang mulia ini adalah penciptaan keindahan di Mersing.

Seperti sedia maklum Mersing mempunyai pelbagai keindahan dari segi pantainya, pulaunya, taman negaranya serta gunung ganang yang melindungi kehidupan flora dan fauna. Endau ingin menarik perhatian Dewan, bahawa sebenarnya di Endau mempunyai sebuah gunung yang dinamakan sebagai Gunung Arong. Ianya terletak bersebelahan dengan pantai rekreasi Air Papan yang mana ramai lagi tidak tahu akan kewujudan dan aktiviti yang boleh dijalankan.

Endau berkesempatan untuk bersama-sama Pegawai Perhutanan Daerah Mersing, Ketua Polis Daerah Mersing, Setiausaha Majlis Daerah Mersing serta Ahli PERKEP Mersing mendaki atau dikenali sebagai *hiking*, dengan izin, bermula di kaki gunung sehingga ke puncak gunung yang mengambil masa hampir 2 jam. Pemandangan daripada puncak gunung jelas kelihatan pulau-pulau yang memagari Mersing dan ini membuktikan bahawa satu lagi tempat pelancongan boleh dipromosikan serta diketengahkan oleh pihak kerajaan negeri.

Maka, Endau berharap Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dapat memberi perhatian akan satu lagi tempat menarik dalam daerah Mersing, memandangkan Mersing merupakan daerah pelancongan dan perikanan negeri Johor. Endau juga memohon agar sejumlah peruntukan dapat diberikan bagi membina serta membaik pulih beberapa kemudahan kepada para pengunjung bagi keselesaan mereka di kawasan rekreasi ini. Endau juga dengan sukacitanya menjemput dan mempelawa Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk mendaki Gunung Arong dan menikmati keindahan di puncak gunung tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara kedua adalah keperluan mengubahsuai dan membesarkan kemudahan Masjid Jamek Bandar Endau. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Mersing mempunyai 2 masjid jamek daerah yang mana satu terletak di atas bukit cantik dalam bandar Mersing dan satu lagi terletak di dalam bandar Endau. Kedua-dua masjid ini di selenggara oleh Pejabat Agama Daerah Mersing. Keperluan untuk mengubahsuai dan membesarkan masjid ini adalah wajar berikutan masjid ini merupakan masjid tumpuan di Endau untuk solat-solat khusus seperti solat Aidilfitri serta solat Jumaat dan ianya tidak mampu menampung jumlah jemaah pada satu-satu masa yang serentak sebegitu. Ditambah pula masjid tersebut masih mempunyai keluasan tanah dan kawasan yang mencukupi bagi proses tersebut. Endau juga ingin menyatakan di sini bahawa sepanjang wujudnya masjid ini, masjid ini tidak mempunyai sebuah pun van jenazah bagi kegunaan masyarakat setempat. Apabila berlaku satu-satu kematian, inilah kesukaran utama yang dihadapi oleh waris si mati iaitu van jenazah untuk membawa jenazah ke tanah perkuburan. Maka akhirnya kenderaan seperti Hilux digunakan oleh si waris untuk membawa jenazah ke tanah perkuburan. Itulah kegusaran hati kariah dalam sekitar bandar Endau. Adalah menjadi harapan Endau yang setinggi gunung agar Pengerusi Jawatankuasa Agama dapat melihat atas keperluan ini bagi mengubahsuai membesarkan serta menyediakan kemudahan van jenazah di Masjid Jamek bandar Endau ini.

Ketiga ialah berkaitan keselamatan jalan raya. Yang Berhormat Tuan Speaker, Endau ingin menyatakan kebimbangan Endau berkaitan permasalahan ini. Untuk pengetahuan sidang Dewan, semasa musim perayaan Aidilfitri tahun ini, 6 kematian dicatatkan melibatkan jalan-jalan di dalam daerah Mersing terutamanya jalan Mersing ke Endau dan jalan Mersing ke Tenggaroh. Ini merupakan insiden yang amat membimbangkan kerana mangsa yang terlibat bukan dari penduduk Mersing, akan tetapi penduduk luar Mersing yang menggunakan jalan tersebut untuk pulang berhari raya. Bukan itu sahaja, kemalangan boleh berlaku di jalan tersebut ketika hari hujan dan Endau beranggapan satu kajian perlu dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya berkaitan tanah tersebut serta struktur jalan sehingga menyebabkan berlakunya kemalangan. Hal ini juga telah dalam makluman pihak Pejabat Daerah dan JKR Mersing dan Endau berharap dengan kerjasama kerajaan negeri melalui jabatan-jabatan berkaitan maka kita akan dapat mengurangkan kadar kemalangan di jalan tersebut dan semoga ianya tidak meragut lebih banyak nyawa lagi.

Satu lagi yang Endau ingin tarik perhatian Ahli Dewan adalah berkaitan keselamatan, berkaitan keselamatan adalah masalah haiwan-haiwan peliharaan seperti lembu dan kambing yang berkeliaran di tepi dan tengah jalan raya. Ia umum mengetahui bahawa kawasan Endau merupakan kawasan luar bandar yang mana penduduknya mengusahakan kerja-kerja pertanian dan penternakan. Yang membimbangkan Endau adalah haiwan ternakan penduduk sering berkeliaran tidak kira waktu dan ada kalanya ada haiwan mereka yang tidur di tengah jalan sehingga membahayakan pengguna-pengguna jalan raya. Ada juga kes di mana haiwan-haiwan ini berkeliaran sehingga memasuki kawasan perkarangan masjid atau surau dan meninggalkan najis. Hal ini menyebabkan kawasan masjid dan surau menjadi kotor dan kurang memberi keselesaan kepada kariah masjid. Justeru, Endau berharap agar Jabatan Veterinar dibantu oleh Pihak Berkuasa Tempatan dapat memantau hal ini dan memberi didikan serta teguran kepada para penternak berkaitan permasalahan ini. Pagi ini pula Endau menerima aduan terdapat berbelas ekor anjing berkeliaran di dalam kawasan bandar Endau dan Alhamdulillah, tindakan segera telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan langkah-langkah yang lebih proaktif.

Yang Berhormat Tuan Speaker, yang keempat adalah berkaitan dengan bahana warga asing. Isu warga asing ini bukanlah satu isu yang asing lagi pada kita semua. Ianya bukan sahaja diperkatakan dalam sidang Dewan Undangan Negeri sahaja bahkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara juga turut membahaskan isu kebanjiran warga asing di dalam negara kita ini. Apa yang Endau bangkitkan di sini adalah berkaitan perkhidmatan menggunakan warga asing di premis restoran atau kedai makan. Kebelakangan ini, Endau mendapati dan mendapat maklumat daripada penduduk setempat akan kegusaran hati

mereka yang melihat semakin ramai warga asing bekerja di kedai-kedai makan dalam kawasan Endau. Mungkin hari ini, jumlah mereka tidaklah begitu ramai seperti kawasan-kawasan yang mempunyai sektor pembinaan, akan tetapi jika dibiarkan mungkin mereka akan berasa selamat dan akhirnya mengajak rakan-rakan mereka yang lain untuk tinggal dalam kawasan Endau. Mereka yang tidak bertanggungjawab juga menggunakan khidmat warga asing ini untuk bekerja di pusat hiburan mereka dan hal ini Endau ingin menegaskan bahawa Endau kurang selesa dengan keberadaan pusat-pusat hiburan di pekan Endau. Endau ingin menarik perhatian pihak Polis Diraja Malaysia dan pihak Imigresen untuk sama-sama menjalankan operasi bagi menangkap warga asing yang tidak mempunyai permit perjalanan yang sah atau salah guna permit agar masalah ini dapat diatasi dengan segera.

Endau juga memohon agar pemantauan di perairan kawasan Mersing dapat dijalankan oleh pihak berwajib berikutan Endau mendapat aduan daripada nelayan tempatan bahawa berlaku pencerobohan perairan melibatkan bot-bot dari negara lain dan yang pasti nelayan tersebut juga mengancam keselamatan nelayan setempat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Endau juga ingin bangkitkan di sini berkaitan sistem pengangkutan bas Mersing-Endau dan juga bas Mersing-Jemaluang. Walaupun isu ini pernah dibangkitkan oleh Endau, Endau masih belum melihat dengan jelas akan penyelesaian kepada isu ini. Sedia maklum, kawasan Endau tidak mempunyai sistem pengangkutan yang mencukupi malahan perkhidmatan *Grab* pun Endau tidak miliki. Maka, perkhidmatan bas ulang alik Mersing-Endau dan Mersing-Jemaluang amatlah diharapkan oleh penduduk setempat untuk kegunaan mereka bergerak ke sesuatu tempat. Bukan itu sahaja, pelajar-pelajar Sekolah Menengah Engku Husin dan juga pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Anjung Batu juga menggunakan perkhidmatan bas untuk membawa mereka pergi dan balik sekolah.

Untuk makluman sidang Dewan, perkhidmatan bas awam Mersing-Endau dan juga Mersing-Tenggaroh yang pernah diusahakan oleh Mersing Omnibus telah hampir tiga tahun menamatkan pengoperasiannya. Endau dengan kerjasama Majlis Daerah Mersing sedang berusaha untuk menyediakan perkhidmatan bas yang mana saya difahamkan sebuah syarikat telah berminat untuk menyediakan perkhidmatan ini. Namun, sehingga kini perkhidmatan tersebut masih belum dapat dilaksanakan berikutan beberapa kekangan. Endau berharap agar pihak Pengangkutan Awam Johor dapat membantu mempercepatkan proses ini agar penduduk di Endau mendapat manfaat kebajikan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Endau ingin menyentuh mengenai perumahan Londang Batu, Endau. Pertanyaan-pertanyaan daripada rakyat Endau, bilakah akan dibuat penyerahan kepada mereka yang layak menerimanya? Endau amat berharap penyerahan dapat dijalankan seberapa segera kerana ianya telah berlarutan agak lama. Endau juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai projek-projek yang telah diluluskan dan disebut sewaktu Persidangan Dewan Undangan Negeri Penggal Pertama tahun lalu yang mana antaranya adalah:

1. Pembinaan *bypass*, dengan izin.
2. Mengenai pembinaan jambatan baru.
3. Mendalamkan muara Sungai Mersing.
4. Pembinaan lapangan terbang Mersing.

Endau mengesyorkan agar pembinaan *bypass* diutamakan demi keselamatan rakyat Mersing. Dan untuk makluman sidang Dewan sekalian, di Mersing hanya ada satu sahaja jambatan yang menghubungkan antara DUN Tenggaroh dan juga DUN Endau. Dan andainya berlaku keruntuhan, nauzubillahi minzalik, maka akan terputuslah hubungan antara kawasan DUN Tenggaroh dan DUN Endau. Di samping itu juga, dengan adanya *bypass* tersebut, akan mengurangkan tahap kesesakan khususnya sewaktu puncak dan sewaktu musim perayaan di pusat bandar Mersing. Ianya juga dapat meningkatkan taraf perhubungan demi menggalakkan sektor pelancongan sesuai dengan Mersing sebagai

destinasi pelancongan di negeri Johor. Ianya juga akan mempercepatkan lagi masa perjalanan lebih singkat dan lancar berbanding laluan sedia ada.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mengakhiri ucapan Endau, Endau mengambil maklum berkaitan kelulusan pembinaan semula Masjid Sawah Dato' yang telah masuk tahun ketiga terbelangkalai kerja pembinaannya. Pada 26 Jun yang lalu, Endau dimaklumkan oleh Jurutera JKR Daerah Mersing dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Mersing bahawa projek tersebut akan di *retender* semula dan insya-Allah kerja-kerja pembinaan akan bermula pada November ini. Endau mendoakan agar projek ini dapat berjalan dengan baik dan lancar tanpa ada lagi sebarang permasalahan dan Endau juga mengharapkan agar agensi atau jabatan berkaitan dapat memantau pelaksanaan projek ini.

Akhir kalam, sekali lagi Endau ingin merakam ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker atas ruang dan peluang yang diberikan kepada Endau untuk berbahas. Endau juga mendoakan agar Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dan barisan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri diberi kekuatan, kesihatan untuk terus berkhidmat demi bangsa dan negeri Johor. Semoga apa yang Endau bangkitkan hari ini dapat diselesaikan oleh pihak yang berkaitan kerana sudah menjadi hasrat Endau untuk terus menjadi penghubung utama antara rakyat dengan kerajaan dan jabatan berkaitan. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih Endau. Seterusnya, saya persilakan Bentayan.

**YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) :** Selamat pagi dan salam sejahtera. Bentayan ingin mengambil bahagian untuk membahas usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Bentayan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah Baginda kepada Dewan yang mulia.

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan Bentayan mengutarakan beberapa isu-isu berbangkit diikuti dengan beberapa cadangan-cadangan jalan penyelesaian mahupun proses pembaikan dengan kaedah-kaedah yang efisien yang boleh diguna agar ianya dapat membawa impak yang positif kepada kerajaan Harapan pagi hari ini.

Pertama, adalah berkenaan penilaian prestasi tahap kualiti perkhidmatan melalui sistem pengurusan dan pentadbiran di sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang ada di seluruh negeri Johor. Pihak Berkuasa Tempatan atau dikenali sebagai PBT merupakan kerajaan ketiga dalam pentadbiran negara. PBT merupakan pelaksana dasar di peringkat akar umbi yang secara langsung menyampaikan perkhidmatan kepada penduduk tempatan. Secara umumnya, PBT merupakan sebuah badan yang ditubuhkan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir sesuatu kawasan berasaskan kepentingan tempatan. Selain daripada itu, PBT juga bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan peningkatan kehidupan rakyat dan juga kesejahteraan rakyat.

PBT merupakan agensi barisan hadapan yang berurusan terus dengan rakyat. Perkhidmatan PBT memberi gambaran dan persepsi kepada rakyat mengenai perkhidmatan kerajaan secara keseluruhannya. Kualiti perkhidmatan merupakan dimensi utama prestasi bagi perkhidmatan awam. Ini kerana, perkhidmatan awam tidak bermatlamatkan keuntungan tetapi berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada rakyat dan memastikan mereka berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Selain itu, ekspektasi rakyat yang tinggi pada masa kini terhadap dan kualiti perkhidmatan yang diterima daripada kerajaan telah menuntut kerajaan agar meneliti perkhidmatan sedia ada terutama dari aspek kaedah penyampaian kepada rakyat. Sekiranya ekspektasi lebih besar daripada prestasi, maka kualiti yang dianggap kurang memuaskan, oleh itu ketidakpuasan pelanggan atau rakyat akan berlaku.

PBT yang merupakan antara agensi yang paling dekat dengan rakyat secara tidak langsungnya dijadikan kayu pengukur terhadap kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan keseluruhan jentera kerajaan. Sekali gus, telah menyebabkan satu keperluan yang tinggi bagi Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan perkhidmatan lebih berkualiti serta menjadikan ianya semakin mencabar selari dengan perubahan persekitaran yang begitu pantas. Maka, dalam proses peningkatan kualiti perkhidmatan PBT, langkah-langkah PBT perlu diambil adalah seperti berikut :

1. Mengenal pasti siapa pelanggannya. Tentu, jawapannya rakyat adalah pelanggan kepada PBT. Tapi, dia masih boleh dapat dikategorikan dengan terperinci. Misalnya, pembayar bayaran cukai, pemohon-pemohon pelbagai lesen, pemaju-pemaju yang memohon KM dan sebagainya.
2. Apakah keperluan dan ekspektasi setiap pelanggan terhadap perkhidmatan mereka sebab setiap pelanggan mempunyai keperluan sendiri yang berlainan.
3. Mereka bentuk sistem perkhidmatan berdasar kepada keperluan dan ekspektasi pelanggan.
4. Penghantaran perkhidmatan, *service delivery*, iaitu pekerja sedia membantu pelanggan dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan melalui kerjasama silang sektor, Teknologi maklumat dan kerja berpasukan.
5. Pemuliharaan perkhidmatan, *service recovery*, iaitu pekerja hendaklah mempunyai bidang kepentingan pelanggan terlebih dahulu, membina saluran komunikasi pelbagai hala dan *procedure operasi standard mind-set* pelanggan sentiasa diutamakan. Di samping itu, kualiti perkhidmatan juga adalah merupa satu konsep yang abstrak dan ilusif dengan cirinya tidak ketara, heterogeneous dan tidak boleh dipisahkan antara proses dan *output*. Beberapa modul telah dikenal pasti dan telah dibangunkan bagi menilai kualiti perkhidmatan.

Model yang paling biasa yang dapat mewakili konsep kualiti perkhidmatan ada melalui model kualiti perkhidmatan direka bentuk oleh Parasuraman, Zeithaml dan Berry pada tahun 1985. Lima dimensi perlu diukur kualiti perkhidmatan iaitu :

1. Kebolehpercayaan (*reliability*). Boleh ditakrifkan sebagai keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan yang dijanjikan dengan lebih pantas dan tepat.
2. Jaminan (*assurance*). Boleh ditakrifkan sebagai pengetahuan dan ihsan pekerja dan keupayaan mereka untuk memberi inspirasi kepada kepercayaan dan keyakinan.
3. Dimensi ketara atau *tangible* bermaksud kemunculan kemudahan fizikal, peralatan, kakitangan dan bahan komunikasi.
4. Empati ditakrifkan sebagai perhatian individu. Firma itu menyediakan pelanggannya.
5. Responsif boleh didefinisikan sebagai kesediaan untuk membantu pelanggan dan memberi perkhidmatan segera.

Yang Berhormat Tuan Speaker, justeru itu Bentayan ingin mengambil perhatian serta ingin mengusulkan satu cadangan agar kerajaan negeri harus menilai prestasi tahunan PBT dengan mengguna kaedah KPI atau penunjuk prestasi utama sebagai satu instrumen yang diguna untuk mengukur tahap kualiti perkhidmatan bagi sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Johor. Ianya merangkumi aspek kualiti pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penyertaan komuniti dan pandangan penduduk sebagai satu kriteria penilaian kualiti bagi sesuatu sistem penarafan. Cadangan ini juga bertujuan

untuk meningkatkan mutu penyampaian dan perkhidmatan sesebuah PBT di samping mengangkat martabat rakyat di negeri ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, yang keduanya, Bentayan ingin menyentuh beberapa perkara yang berkaitan isu pajakan tanah di seluruh negeri Johor. Akhir-akhir ini pentadbiran tanah kembali menjadi perhatian apabila isu-isu yang menyentuh tempoh pajakan tanah telah diketengahkan oleh pelbagai pihak, jelas menunjukkan bahawa kerajaan Pakatan Harapan sememangnya sentiasa peka mengenai rungutan yang diterima dan sentiasa berusaha untuk mengatasinya. Ini adalah selaras dengan kehendak dan keperluan semasa berkaitan urusan pentadbiran tanah bagi menyokong ke arah mewujudkan sebuah negara Malaysia memenuhi harapan baru.

Seperti yang telah sedia maklum, berdasarkan perundangan sedia ada iaitu Kanun Tanah Negara 1965 menggariskan bahawa tempoh pemberian milikan adalah tidak melebihi 99 tahun. Ketetapan kerajaan negeri ini di bawah Peraturan Tanah Johor 1966 (Pindaan) Tahun 2004 menetapkan tempoh pajakan 99 tahun bagi tanah pertanian dan memberi pilihan, *option* bagi tanah rumah kediaman iaitu pemilik tanah tapak rumah kediaman diberi pilihan untuk memilih tempoh pegangan selama 60 tahun atau 99 tahun. Kadar premium yang telah ditetapkan pula adalah sebanyak 30% daripada nilai harga pasaran bagi pegangan 99 tahun. Manakala 15% daripada nilai harga pasaran bagi tempoh pegangan 60 tahun. Ini memenuhi manifesto Pakatan Harapan iaitu memberikan status pegangan selama 99 tahun untuk Kampung Melayu, Kampung Tradisi, Kampung Tersusun dan Kampung Baru Cina. Tetapi penetapan kadar premium yang akan dikenakan ini, wujud pula satu usul ketidakmampuan bagi golongan yang sederhana dan membiayai kadar premium tersebut yang berstatus tanah kediaman. Kadar premium yang dikenali ini diklasifikasikan sebagai satu bebanan tanggungan buat golongan ini.

Justeru itu, Bentayan ingin memohon agar kadar premium bagi tahun yang berstatus tanah kediaman ini dapat dikaji semula serta dipertimbangkan kadar pengurusannya agar dapat meringankan sedikit tanggungan golongan ini untuk membiayai premium tanah tersebut. Ataupun, kerajaan negeri boleh merujuk kepada kerajaan Pakatan Harapan negeri Selangor dan Melaka di mana premium tanah bagi permohonan untuk melanjutkan tempoh pegangan pajakan geran hanya ditetapkan sebanyak RM1,000.00 dengan syarat tanah tersebut tidak boleh dijual kepada pihak ketiga.

Yang Berhormat Tuan Speaker, yang ketiga adalah berkaitan insentif Kad Peduli Sihat Johor. Kerajaan negeri Johor sentiasa komited serta prihatin di dalam mementingkan kebajikan dan nasib rakyat di negeri ini. Dengan segala usaha-usaha murni yang telah dilakukan dan mewujudkan kepelbagaian inisiatif-inisiatif baru kepada rakyat di negeri ini, saya percaya negeri Johor ini akan sentiasa harmoni dan sejahtera di bawah kepimpinan kerajaan Pakatan Harapan. Setakat ini, dianggarkan 14,000 kad Sihat Johor telah diagihkan kepada seluruh rakyat Johor yang rakyat terutama kepada golongan B40 bagi membolehkan mereka mendapatkan rawatan di 248 buah klinik panel berdaftar di seluruh negeri Johor. Ianya juga telah dibahagikan mengikut setiap kawasan Dewan Undangan Negeri di sekitar negeri Johor dengan had maksimum 250 permohonan yang ditawarkan mengikut dua kategori iaitu kategori keluarga dengan setiap kad yang bernilai RM500.00 setahun mahupun kategori individu dengan setiap kad yang bernilai RM200.00 setahun bagi setiap sesi lawatan di 248 buah klinik panel yang berdaftar.

Namun di sini, Bentayan ingin mengambil perhatian daripada seluruh Ahli dalam Dewan pada hari ini untuk memberi fokus serta memikirkan pembaikan inisiatif ini melalui penambahan kuota permohonan serta maklumat awal bagi proses kemas kini Kad Sihat Johor tersebut agar terus dapat dinikmati oleh seluruh rakyat di negeri ini tanpa sebarang permasalahan kelak. Jumlah kuota sebanyak 250 permohonan yang telah diberikan bagi setiap DUN tempoh hari adalah begitu kecil jumlahnya jika ingin dibanding dengan peratusan pengundi yang ada di setiap DUN-DUN di negeri Johor ini. Tambahan pula jumlah pengundi-pengundi antara setiap DUN-DUN agak besar. Misalnya, jumlah pengundi

yang terbesar adalah DUN Skudai di mana seramai 70,928 orang pengundi sedangkan jumlah pengundi yang terkecil adalah DUN Bukit Nanning yang hanya ada seramai 17,854 orang pengundi. Maka, Bentayan ingin mencadangkan supaya kuota permohonan setiap DUN harus berdasarkan peratusan terhadap daripada jumlah pengundinya dan bukan kuantiti tetap tanpa kira jumlah yang ada, jumlah pengundi yang ada di kawasan DUN tersebut. Di samping itu, proses kemas kini bagi Kad Sihat Johor secara tahunan ini perlulah dimaklum awal kepada para penerima berserta langkah-langkah yang perlu dilakukan agar mereka dapat terus menikmati nilai penuh kad Sihat Johor ini tanpa sebarang permasalahan di tahun-tahun yang berikutnya. Ini disebabkan kelewatan kelulusan menyebabkan ramai penerima tidak dapat menikmati nilai penuh kad Sihat Johor pada tahun ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, yang terakhir adalah berkenaan program Skim Takaful Warga Emas negeri Johor. Kerajaan telah menetapkan sasaran seramai 11,200 keluarga yang layak bagi menyertai Program Skim Takaful Warga Emas negeri Johor bagi Fasa 1 dengan menawarkan manfaat berjumlah RM1,000.00 sebagai khairat kematian bagi orang Islam, selain jumlah yang sama diberi kepada waris yang bukan Islam bagi menampung kos pengebumian dan sebagainya. Namun itu, isu yang sama juga telah dilihat iaitu melalui jumlah kuota permohonan yang inisiatif Skim Takaful Warga Emas negeri Johor ini berbeza dengan Kad Sihat Johor. Skim Takaful Warga Emas negeri Johor ini telah menetapkan had umur bagi setiap pemohon iaitu di dalam lingkungan minimum 60 tahun sehingga maksima 69 tahun. Penetapan had umur ini juga sering kali menjadi permasalahan bagi pemohon yang ingin menyertai disebabkan faktor melebihi had umur dan sebaliknya. Ini dapat menimbulkan satu kekecewaan kepada pemohon yang ingin menikmati manfaat tersebut.

Sehubungan itu, Bentayan ingin menarik perhatian pihak kerajaan bagi mengkaji semula inisiatif ini melalui kelonggaran had umur yang ditetapkan di samping menambahkan lagi jumlah kuota permohonan bagi setiap DUN-DUN di negeri Johor. Sama juga mengikut peratusan pengundi di sesebuah DUN juga. Dengan adanya usaha-usaha sedemikian, saya percaya kerajaan Pakatan Harapan akan dapat terus meneraju negeri Johor ke arah yang lebih baik dan maju di samping terus menumpukan pemerhatian dan menjamin kebajikan rakyat di negeri ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, akhir kata, Bentayan amat mengharapkan perhatian serta maklum balas dari pihak kerajaan agar isu-isu berbangkit seperti yang telah dibangkitkan bersama cadangan-cadangan langkah penyelesaian yang telah diutarakan sebentar tadi dapat dipertimbangkan diikuti dengan tindakan yang sewajarnya, dilakukan di dalam memastikan kesejahteraan serta kebajikan seluruh rakyat di dalam negeri ini dijadikan sebagai keutamaan. Sekian, itulah junjung kasih saya pada hari ini. Terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih Bentayan. Seterusnya saya persilakan Layang-Layang. Silakan.

**YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) :** Bismillahirrahmaanirrahim. (Selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Speaker yang bijaksana. Pertama-tamanya patik ingin merafak sembah, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor atas titah Diraja Sempena Majlis Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Ke-14 Tahun 2019.

Layang-Layang juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Sahrudin Jamal sebagai Menteri Besar Johor yang baru. Dalam keadaan ekonomi global dan politik yang negara yang tidak menentu sudah pasti ia merupakan satu cabaran yang amat besar. Dan demi kesejahteraan rakyat Johor kita mendoakan agar Yang Amat Berhormat dapat memikul tanggungjawab ini dengan baik.

Yang Berhormat Speaker, sempena bulan Syawal yang mulia ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat hari raya dan maaf zahir batin kepada semua.

Saya kira inilah Hari Raya yang paling meriah dalam sejarah negeri Johor. Apa tidaknya, selepas hanya setahun kerajaan PH memegang tampuk kepimpinan negeri, kita telah menerima laporan pencapaian prestasi kerajaan PH yang kononnya sangat-sangat baik. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kerajaan PH. Kita bagi tepukan gemuruh kepada mereka. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Speaker, saya pelik sikit...

**YB Speaker :** Kononnya apa, konon tu apa konon?

**YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) :** Sebab yang menepuk belah sini, belah sana tak tepuk. Mungkin mereka ...

**YB Speaker :** Sebab perkataan konon tu...

**YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) :** Mereka tidak yakin dengan prestasi mereka sendiri. Pentadbiran Negeri Johor adalah yang terbaik dan cemerlang dalam sejarah negeri Johor. Kerajaan PH telah melakar sejarah apabila ia memegang rekod terpanjang menukar MB dan barisan EXCOnya. Kerajaannya juga stabil tidak ada krisis kepimpinan di peringkat negeri, tidak ada *team* MB dulu, tidak ada *team* MB sekarang dan tidak ada *team* yang bercita-cita nak jadi MB. Semua pemimpin PH Johor bersih dan suci, ibarat bayi yang baru dilahirkan, tidak ada masalah korupsi, tidak ada masalah nepotisme, menyalah guna kuasa, mereka sentiasa prihatin kepada rakyat sampai terlupa nak jaga syarikat-syarikat berkepentingan pihak keluarga mahupun kawan-kawan.

Kerajaan negeri juga telah memberi banyak penekanan untuk menjaga institusi raja-raja kita. Pemimpin PH sangat beradab sentiasa bersalaman ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan Sultanah Johor di majlis-majlis. Tambahan tidak ada seorang pun pemimpin PH dari Johor yang lantang bersuara mengkritik Tunku Mahkota Johor di Parlimen mahupun di sosial media, daripada menyerang TMJ baik mereka bermain *video game* di pejabat-pejabat Menteri.

Mengenai isu Sungai Kim Kim seperti yang diumumkan pada bulan Mac lalu di Pulau Batam semasa bermain golf, pencemaran air dan udara di Sungai Kim Kim tidak berlaku lagi. Apa yang kita lihat di TV dan berita sekarang agaknya hanya simulasi kot. Kerajaan PH negeri juga telah menggariskan hala tuju yang sangat jelas untuk membangunkan negeri Johor melalui 20 juta titik sentuhan. Malah, semua tahi berak yang telah ditinggalkan oleh kerajaan BN selama 60 tahun telah dicebok bersih oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Maklumlah tangan doktor.

Ramai anak-anak muda Johor yang bekerja di Singapura semuanya dah pulang ke tanah air kerana terdapat 1 juta peluang pekerjaan yang menawarkan gaji-gaji yang lumayan setaraf dengan apa yang ditawarkan oleh kerajaan Singapura. Perpaduan kaum adalah pada tahap yang cukup membanggakan, tidak ada sedikit pun perasaan curiga sesama kaum sehinggakan majlis-majlis berbuka puasa pun dah dibuat di kuil-kuil dan gereja-gereja. Semasa insiden pembunuhan kejam yang berlaku di Christchurch, New Zealand yang telah mengorbankan 51 orang Islam, tidak ada satu pun kenyataan yang tidak sensitif, bodoh dan bebal yang dikeluarkan oleh pemimpin PH Johor.

**YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) :** Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Speaker, saya rasa perkataan bodoh dan bebal tidak sesuai di Dewan ni. Saya minta dia tarik diri, tak perlu nak gunakan perkataan itu kerana semua orang tahu keadaan situasi mereka dibelah sana. Tak payah nak sebut di sini. Terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih.

**YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) :** Maaf Tuan Speaker, saya tarik balik. Yang Berhormat Speaker, di peringkat nasional pun, keadaan negara cukup hebat, keadaan ekonomi negara berada pada tahap yang cukup membanggakan Bank Negara Malaysia telah mengumumkan bahawa pertumbuhan ekonomi akan daripada 5% akan menjadi 10% pada akhir tahun ini. Pelabur asing sangat yakin dengan kepimpinan PH. Yang terbaru mereka akan melabur berbilion ringgit untuk industri kereta terbang Malaysia, nilai ringgit sudah kukuh, harga komoditi semua dah naik, BSKL telah diiktiraf *Blumburg* sebagai bursa yang terbaik di dunia. Hutang Negara yang sebelum ini RM680 bilion hari ni telah jadi positif RM1 trilion.

FELDA, FELDA, Speaker sedar tak sedar sudah menghasilkan produk-produk kecantikan dan kesihatan. Hospital-hospital pun tak boleh cari makan sebab rakyat Johor semuanya bangun pagi makan satu sudu sawit setiap hari. Golongan nelayan, petani, pekebun semuanya telah berjaya meningkatkan hasil dan produktiviti mereka melalui idea-idea bernas Pakatan Harapan. Nenas sudah membuah hasil di pantai-pantai dan laut, pokok getah kalis air boleh ditoreh pada bila-bila masa tak kiralah panas ataupun hujan. Anak-anak muda pun sangat gembira dengan prestasi Kerajaan PH. Tahun ini beraya dengan ayah dan bonda tercinta balik kampung dengan koceknya berkepok-kepok gaji dah naik, dapat bonus 3 bulan, gaji minimum pun RM1,500.00 sebulan. Tidak perlu lagi bayar PTPTN, peluang pekerjaan begitu banyak sampai banduan-banduan pun sudah ditawarkan bekerja di Pejabat-pejabat Menteri. Isteri-isteri tercinta yang tidak bekerja sudah dapat duit EPF suami. Cuma tahun ini trafik jam di Simpang Renggam agak luar biasa kerana Tol Simpang Renggam satu-satunya tol yang percuma di dunia. AES dah tak ada, kalau tengok di *highway-highway* kita dah tak ada *speed trap* pun, harga barang dah turun, kos sara hidup dah turun, harga minyak dah murah, dapat beli 30 helai baju raya tahun ini, setiap hari satu baju. Bukan itu sahaja keadaan politik negara pun sangat stabil, seluruh rakyat Malaysia yakin tidak ada perebutan kuasa, tampuk kepimpinan negara akan diserahkan tahun depan seperti yang dipersetujui pada tahun 1998, 1998 dia dah janji, insya-Allah tahun depan, dia akan bagi.

Tidak ada fitnah sesama mereka dan tidak ada kes pemimpin PH yang mengunyit atau bersemburit video yang *viral* adalah *fake news*, itu nyata Yang Berhormat Speaker. Menteri-menterinya juga *qualified* belaka, selain daripada ijazah palsu, mereka mendapat ijazah daripada universiti yang sangat berprestij, *University of Online* dalam jurusan memasak. Sebab itu penguasaan Bahasa Inggeris mereka sangat baik dan inisiatif ucapan sangat bernas sebagai contoh dan dengan izin Tuan Speaker, sebab apa yang saya nak cakap ini saya tak tahu Bahasa Inggeris ataupun tidak, *when the elephant fight, the grass will die. We must study deep inside this terrorist who is the mother and father.* Mereka menggunakan istilah sebegini untuk mengelirukan musuh dan diri sendiri. Menteri berkenaan berjaya mencemarkan bahasa penjajah sebagaimana berlakunya pencemaran di Sungai Kim Kim. *I am very appreciate her that the way the PH Leader should be behaved when that thing happen, So, I'm salute the PH Minister.*

Dalam bidang pendidikan *educational reform* negara semuanya pun luar biasa. Selain daripada kasut hitam anak-anak kita dah boleh belajar berenang di kolam-kolam renang hotel 5 bintang. Tengok aje dekat Hotel Double Tree Hilton, Johor Bahru. Anak-anak kita ramai berenang kat sana. Tahniah kerajaan PH. Institusi perundangan dan penguatkuasaan negara semuanya tidak ada campur tangan politik, mereka semua adil, tidak ada pilih kasih. *There is the rules of law.* Kes-kes pemimpin Pakatan Harapan semuanya diteruskan, *without fear or favour.* Kes arwah Adib dah selesai, dan mereka yang bersalah sudah dibawa ke muka pengadilan. Tentang ROS, Datuk Hasni dia tak ada ni, kita ingatkan dia, jangan khuatir, jangan risau, ROS tidak akan sekali-kali digunakan untuk mengharamkan UMNO. Kepada sahabat-sahabat saya di sini, saya nak ingatkan pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional kita perlu sentiasa ingat kalau ada pun kelemahan pihak Kerajaan Pakatan Harapan semuanya adalah salah UMNO dan Barisan Nasional. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Speaker, inilah yang cuba dibayangkan...

**YB Speaker** : Salah UMNO pun tepuk juga ke? Salah UMNO pun tepuk juga ke?

**YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang)** : Tepuk-tepuk, jangan tak tepuk. Yang Berhormat Speaker, inilah yang cuba dibayangkan oleh Kerajaan PH yang tidak berpijak di bumi yang nyata. Hakikatnya Kerajaan PH ibarat tikus membaiki labu, mereka dengan bangganya mempamerkan pencapaiannya selepas setahun seolah-olah rakyat gembira, semuanya ok, pencapaian mereka hebat tetapi realitinya berbeza, rakyat sedang berhempas pulas di luar sana, ekonomi sedang malap, kos sara hidup sedang meningkat, anak-anak kita sedang bertarung nyawa di Pasir Gudang, anggota-anggota keselamatan bekerja siang dan malam untuk menyelamatkan mereka and *this is the best you can show*.

Cukup-cukuplah berpolitik, fokus buat kerja, bukan fokus kepada Tahlul Siasi antara UMNO dan PAS. Kami ni bukan kerajaan, yang kerajaan belah sana buatlah kerja bantu rakyat, selesaikan masalah mereka, sementara kita berbahas di dalam Dewan yang berhawa dingin ini, anak-anak kita sedang bertarung nyawa di Pasir Gudang. Wakil Rakyat Pakatan Harapan dari Permas membawa usul tergepar tentang isu ini, Yang Berhormat Speaker sendiri terima usul ini dengan alasan bahawa perkara ini perlu disegerakan. Namun, saya kecewa Yang Berhormat, saya kecewa kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar lebih fokus untuk menyalah kerajaan BN dan lebih menitik beratkan apa yang sudah dibuat.

Apa yang sudah dibuat ternyata gagal, sebab itu pembahas-pembahas kita mencadangkan cadangan yang baik-baik tapi malangnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar langsung tidak mengambil peduli apa yang dicadangkan oleh mereka, tidak mengambil pandangan pembahas dari Benut dan Semarang satu hal. Pandangan dan cadangan daripada Permas dan Perling pun tidak diambil serius. Yang Amat Berhormat kata, *general-general* daripada belah sini tidak tengok berita. Saya nak tanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dia baca tak berita pada 28 Jun, *The Star Online* telah melaporkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah bahawa apa yang berlaku adalah satu perkara yang memalukan dengan izin and *I code, we were assured that all was all right and we heard the politicians and officials issuing us assurances but barely 3 months later the people of Johor are faced with this issue again. This is despicable and total disgrace, it showed complete flaws and weaknesses, if not incompetence. Then we have conflicting statements from a Minister, who first affirmed that the latest incident was related to the earlier case in Sungai Kim Kim but later denied it. This is very confusing and conflicting statement. Let me tell them frankly, the people are sick and tired of politicking, just do your work and don't make other scapegoats or try to distract from issues that really matter such as the economy and well-being of the people.*

Yang Berhormat Speaker, cukup-cukuplah kita berpolitik. Betulkan niat kita. Yang Amat Berhormat Menteri Besar bertanggungjawab ke atas 3.6 juta rakyat Johor. Setiap ayah, setiap ibu, setiap remaja, setiap anak tidak kira agama dan bangsa yang bermastautin di Johor adalah di bawah tanggungjawab Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Turunlah padang, tengok dan lihat sendiri apa yang berlaku di bawah.

Saya kagum dengan Yang Berhormat Pemanis, walaupun daripada kerajaan PH, demi rakyat beliau sanggup merendah diri, berterus terang menyatakan apa yang benar. Manusia berasal dari tanah, makan hasil tanah, berdiri atas tanah, dan akan kembali kepada tanah. Jadi, mengapa kita harus bersifat langit? Yang Berhormat Speaker, rakyat Johor di luar sana dihimpit kesusahan, *people are loosing jobs*, kilang dan syarikat ada yang mula tutup, ada pekerjaan, ada pekerja yang sudah terima notis berhenti bekerja dan ramai yang tidak boleh buat *overtime* lagi, terutamanya dalam sektor kelapa sawit. Ini bukan lagi soal kemahuan dan kehendak. Ia soal keperluan-keperluan asas untuk hidup, ia soal kais pagi, makan pagi.

Sebagai contoh Yang Berhormat Speaker, di kawasan saya sendiri. Saudara Norazmi bin Abdul Rahman, beliau baru terlibat dalam kemalangan beberapa bulan yang lepas. Buta sebelah mata. Selepas itu, kontrak pekerjaannya diberhentikan atas sebab kecederaan tersebut. Sudah jatuh, ditimpa tangga lagi. Mempunyai 6 orang anak. Bukan sahaja tak mampu beraya, nak beli susu untuk anak dia pun, dia tak mampu. Siapa nak bela dia Yang Amat Berhormat? Puan Zamzarina Mustafa, seorang pesakit kanser payudara, kansernya telah merebak ke saraf-sarafnya, suaminya terpaksa berhenti bekerja, tak mampu nak beli ubat kerana kos ubat terlalu tinggi. EPF, EPF kata mereka tak boleh bantu kerana kansernya tahap 2, bukan tahap 4. Nak tunggu nazak ke baru nak bantu? Yang Amat Berhormat, saya minta tolonglah, tengok-tengokkan isu-isu rakyat ni. Di kawasan Menteri Besar sendiri, turun ke FELCRA Bukit Kepong jumpa dengan Encik Abdul Rahan dan Encik Ali Ibrahim, keluarga mereka hidup dalam kegelapan kerana api dan air sudah kena potong. Tolonglah, saya merayu...

**YB Speaker :** Banyak lagi ke Yang Berhormat?

**YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) :** Sikit lagi.

**YB Speaker :** Silakan, simpulkan.

**YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) :** 27,642 warga FELDA di Negeri Johor sedang menderita akibat kejatuhan harga sawit, melibatkan 13 Parlimen dan 21 DUN. Pada bulan Februari hingga April tahun ini, peneroka terpaksa hidup dengan pendapatan RM1,000.00 sebulan. Tolak bil air, elektrik, hutang kereta, hutang kedai D'Mart, tinggal RM100.00 sebulan. Nak hidup macam mana dengan RM100.00 sebulan Yang Berhormat Speaker. Adakah mereka semua ini pemalas? Takkan kerajaan negeri nak lepas tangan, menuding jari kerajaan lama, mereka semua ini orang Johor, sampai bila kita nak bagi alasan-alasan ni? Ini belum cerita nasib FELCRA, pekebun kecil, nelayan dan petani, anak-anak muda yang hilang pekerjaan, perniagaan yang terjejas kerana ekonomi yang malap, masalah air dan pencemaran udara di Simpang Renggam, ini semua perkara yang serius. Ini belum lagi saya sebut dan tuntutan janji-janji manis kerajaan PH. Sebab itu, Allah SWT telah mengingatkan kita dalam Surah Al-Hujurat ayat ke-6, (bacaan surah). "Wahai orang-orang yang beriman, jika datang seorang fasik membawa berita, maka telitilah kebenarannya, kerana kamu tidak mahu menimpa musibah pada sesuatu kaum dan menyesal atas perbuatan-perbuatan kamu itu."

Yang Berhormat Speaker...

**YB Speaker :** Dah lebih...

**YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) :** Akhir sekali...

**YB Speaker :** Dah tiga minit Yang Berhormat.

**YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) :** Saya amat kuaratir jika penyakit janji manis dan *denial syndrome* kerajaan Pakatan Harapan ini diteruskan, maka negara dan negeri Johor akan masuk ke satu era kegelapan. Rakyat telah dijanjikan bulan dan bintang sebab itu mereka menyokong kerajaan Pakatan Harapan. Rakyat mengimpikan Malaysia yang lebih baik tetapi realiti keadaan hari ini jauh lebih teruk daripada dulu. Harapkan pagar, pagar makan padi. (Dewan bertepuk). Kalau hendak pergi memancing, jangan lupa membawa umpan, kalau hendak berbau hancing, jangan lupa sokong Pakatan Harapan. (Dewan bertepuk). Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Speaker :** Terima kasih kepada Layang-Layang, penuh bersemangat. Saya maklumkan beberapa, kita ada pelawat daripada rombongan MPKK Daerah Segamat seramai 14 orang

turut bersama kita pada hari ini, terima kasih kerana hadir. Seterusnya, saya persilakan Panti. Persilakan.

**YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti)** : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, Panti menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar atas titah ucapan dalam merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Ke-14. Pada hari ini, Panti ingin berbahas dan membangkitkan beberapa isu yang pada hemat Panti merupakan perkara-perkara yang penting dan perlu diambil perhatian oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini. Yang pertama, ialah perkara yang saya, yang Panti rasa telah dibawa ataupun dibahaskan sebelum ini oleh beberapan Ahli Dewan Undangan Negeri, bukan sahaja daripada kami Pembangkang, malahan daripada kerajaan sendiri. Dan, perkara ini adalah perkara yang hampir sama berulang sejak Dewan ini ataupun kerajaan Penggal ini dibentuk. Persidangan-Persidangan lalu bahawa setiap isu, kebanyakan isu yang kita bangkitkan tiada maklum balas, tiada reaksi, malahan tiada tindakan.

Yang Berhormat EXCO dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa sama ada soal jawab lisan ataupun dalam menggulung perbahasan perlu memberi perhatian serius dalam setiap apa yang telah kami bangkitkan. Kalau, kalau bukan kami bangkitkan dan dijawab oleh Yang Berhormat EXCO dan Menteri Besar, siapa lagi dan bagaimana cara lagi untuk perkara itu diambil tindakan. Malah, yang seperti kita tahu barisan Pembangkang seperti Senggarang juga membangkitkan perkara yang sama dan perkara ini perlu diambil serius dan diambil perhatian sewajarnya. Saya juga nak ujilah, mungkin ada beberapa EXCO yang baru macam Yang Berhormat daripada DUN Permai, kalau diberi soalan lisan sanggup ataupun berbesar hati untuk memberi jawapan, dijawab secara bertulis. Ini saya rasa tidak banyak berlaku pada sidang-sidang sebelum ini dan saya harap perkara ini minta EXCO, YB EXCO kalau tak mampu atau tidak ada fakta, kita pun tahu, kadang-kadang tidak semua apa yang kita ada maklumatnya bersama kita, dan saya harap jika tidak mampu untuk menjawab, sekurang-kurangnya berilah jaminan bahawa isu yang kita bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dijawab secara bertulis dan akhirnya kita dapat sampaikan kepada masyarakat ataupun rakyat yang menunggu tentang perkara-perkara yang telah kita bangkitkan.

Yang Berhormat, Yang Berhormat Speaker, perkara kedua adalah perkara yang telah dibangkitkan juga ataupun diperkatakan sebelum ini, Yang Berhormat Benut semasa perbahasan dan saya sendiri telah berkata perkara yang sama pada perbahasan Titah Diraja yang pertama ataupun pada tahun lepas tentang hala tuju kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini. Semua lapisan masyarakat kalau kita lihat dari bawah, daripada golongan remaja hingga golongan *senior*, kalau kita tengok, menyatakan kekusaran, kalau kita turun ke bawah, menyatakan kekusaran tentang banyak perkara yang berlaku, bahawa ekonomi khususnya dan perkara-perkara lain, seperti dibangkitkan oleh rakan saya daripada Layang-Layang tadi, tiada hala tuju, tiada perkara, tiada, tiada, negeri ini tidak dilihat bergerak dan tidak ada perkara yang boleh kita sandarkan untuk negeri ini terus bergerak. Dan saya hendak tanya, kalau tak percaya pun, ataupun tidak yakin tentang apa yang saya perkatkan pada hari ini, saya mintalah kerajaan Pakatan Harapan untuk buatlah satu kajian, mintalah daripada pihak-pihak yang *independent*, dengan izin, seperti, pihak-pihak dari Institusi Pengajian Tinggi Awam, UTM, UTHM yang kita ada di negeri Johor ini untuk buat satu kajian tentang permasalahan rakyat pada hari ini.

Dan bersandarkan atas kajian dan dapatan tersebutlah, saya minta kerajaan Pakatan Harapan yang diterajui oleh Menteri Besar yang baru ini, untuk buat satu pelan tindakan yang baik, untuk pastikan bahawa akhirnya nanti kesejahteraan ataupun kebaikan yang akan kita dapat itu, dapat kita rasai bersama. Yang mungkin saya nak dapat satu penjelasan di Dewan yang mulia ini tentang satu perkara berkaitan dengan jawatan-jawatan politik yang berkaitan di, apa, agensi-agensi berkaitan kerajaan bagi negeri Johor. Sebab, yang saya dapat maklumat, mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebelum ini pun telah dilantik

sebagai Penasihat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, mungkin dan dibayar gaji ataupun elaun oleh sebuah agensi kerajaan negeri iaitu YPJ Holdings. Jika benar, kenapa dengan kekuatan dua minda yang pernah menjadi Menteri Besar ataupun yang sedang menjadi Menteri Besar ini, kenapa tidak ada hala tuju yang baik untuk akhirnya membawa negeri ke peringkat yang lebih baik?

Isu seterusnya yang saya ingin bangkitkan ialah berkaitan dengan isu sekolah agama. Saya mintalah Yang Berhormat EXCO khususnya dan kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini untuk turunlah dan tengoklah serta bantulah sekolah-sekolah agama negeri ini. Saya mendapat maklum balas daripada rakyat khususnya bahawa banyak bangunan infrastruktur di sekolah-sekolah agama ini sudah kita kategorikan sebagai lebih masa, perlu dibaiki, perlu diganti dan sebagainya. Dan saya dapat maklumat juga bahawa peruntukan yang diberi hanyalah lebih kurang RM5,000.00 setahun dan bagi sekolah kategori gred C, hanya RM3,000.00 setahun, dan saya rasa ia amatlah tidak mencukupi. Dan kebanyakan bahan bantu mengajar juga sangat kurang dan selalunya sekolah-sekolah inilah terpaksa mencari wang sendiri untuk membaiki dan memperolehi perkara-perkara tersebut. Dan, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan berkaitan dengan sekolah agama ini yang kita sedia maklum pada hari ini, pada tahun ini, kita sudah genap 100 tahun sekolah agama negeri dan saya, dan kita pun tahu bahawa sekolah agama negeri ini bermula pada tahun 1918 yang telah diilhamkan oleh Almarhum Sultan Abu Bakar dan pada ketika itu yang saya dapat maklumat ianya adalah diwajibkan untuk anak-anak Johor pergi ataupun bersekolah di sekolah agama. Dan saya mencadangkan kepada kerajaan Pakatan Harapan, Yang Berhormat EXCO, Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk pada kali ini, inilah peluang ataupun ketikanya yang sesuai untuk kita angkat martabat sekolah agama negeri pada tahun ini untuk kita wajibkan anak-anak bangsa Johor ini untuk dihantar ke sekolah-sekolah agama di negeri Johor. Dan kita pun tahu bahawanya banyak kelebihan ataupun perkara-perkara yang baik yang kita boleh dapat jika kita hantar anak-anak kita ke sekolah agama di negeri Johor.

Isu seterusnya Yang Berhormat Speaker, adalah tentang kesesakan ataupun perkara kesesakan lalu lintas di negeri Johor khususnya di lebuhraya Utara-Selatan. Perkara ini telah dicadangkan dalam manifesto Barisan Nasional pada pilihan raya ke-14 lepas, dan saya rasa ramai antara kita bersetuju bahawa sesuatu perlu dilakukan di antara Kulai hingga ke Johor Bahru khususnya adalah dari lebuhraya dua lorong dan mungkin empat lorong dan mungkin kita boleh tingkatkan ataupun naik taraf dengan penambahan lorong untuk bagi memastikan bahawa perkara ini dapat kita selesaikan. Sebab bukan sahaja waktu musim cuti sekolah, bukan sahaja waktu musim perayaan, perkara ataupun isu kesesakan ini berlaku malah ianya berlaku pada ketika hujung minggu khususnya pada hari Ahad ataupun hari Jumaat dan saya rasa kerajaan negeri perlu ambil serius dan perlu kita selesaikan segera.

Seterusnya isu-isu yang hendak saya bangkitkan adalah berkaitan dengan yang ingin saya sentuh sedikit adalah tentang keusahawanan. Saya harap kerajaan Pakatan Harapan ini perlu ada satu agenda ataupun pelan keusahawanan yang lebih jelas. Kalau kita lihat pada zaman kerajaan Barisan Nasional memerintah kita dapat lihat satu hala tuju yang jelas dan mungkin pada kali ini saya lihat banyak rungutan apabila kita turun ke kawasan-kawasan tentang usahawan-usahawan yang kehilangan tempat untuk mengadu ataupun bergantung bagaimana hendak mendapatkan bantuan seperti bantuan mesin, bantuan untuk mendapatkan sijil-sijil halal dan sebagainya kerana mereka kata banyak perkara tersebut telah dipotong ataupun telah ditiadakan oleh kerajaan pada hari ini.

Yang Berhormat Speaker, seterusnya saya ingin berbahas atau bercakap tentang perkara-perkara yang berbangkit di kawasan saya di Panti. Yang pertama tentang isu gajah. Ini bukan macam yang sahabat saya Layang-Layang cakap tadi. Ini bukan isu *elephant fight with elephant, the grass will suffer*. Ini *elephant* datang orang kampung yang *suffer*. (Dewan Bertepuk) . Perkara ini perlu diselesaikan segera saya rasa dan saya yakin rakan saya daripada Sedili pun bersetuju sebab kawasan dia pun mengalami masalah yang sama. Dulu Yang Berhormat EXCO yang sekarang dah jadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar

pernah datang ke Kampung Lukut kononnya untuk menyelesaikan isu gajah ini. Tetapi, dia datang dia berucap, dia balik. Tak ada apa yang diperkatakan tentang isu tersebut malah selepas Yang Berhormat EXCO pada ketika itu pulang, hanya PERHILITAN yang bagi taklimat. PERHILITAN dah banyak kali bagi taklimat masalahnya tapi tiada tindakan, tiada satu pelan jangka masa panjang, pelan jangka masa pendek yang telah diutarakan ataupun dibentangkan. Ia betul, ada tanggungjawab daripada orang-orang kampung, tapi orang-orang kampung mahu satu kepastian, bagaimana keselamatan mereka dapat terjamin dan sebagainya. Dan saya harap perkara ini hendaklah dilihat, bagaimana nak bantu dan bagaimana mungkin kerajaan Pakatan Harapan boleh berfikir ataupun mengkaji bagaimana pampasan-pampasan mungkin boleh diberi kepada orang-orang kampung ini kerana, banyak selain daripada harta benda mereka, tanaman-tanaman dan kawasan pertanian mereka juga musnah oleh gajah-gajah liar ini.

Yang kedua adalah berkaitan dengan isu pencemaran sungai. Yang Berhormat Speaker, isu pencemaran sungai ini khususnya di kawasan saya selalu terjadi. Yang akhir sekali, saya dimaklumkan pada April 2009 yang mana ia telah menyebabkan banyak perkara terkesan dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Senggarang ada membangkitkan isu pencemaran Sungai ini, dan telah mencadangkan beberapa perkara yang antaranya adalah tentang mewujudkan satu tabung dana bagi pemuliharaan dan pemeliharaan sungai. Dan saya mungkin nak tambah sedikit, mungkin dana-dana tersebut juga boleh digunakan untuk memperkenalkan anak-anak ikan yang baru bagi memastikan bahawa ekosistem ikan dan hidupan di sungai dapat kita teruskan dan akhirnya memberi kebaikan kepada orang-orang kampung dan di kawasan saya orang-orang kampung dan juga orang-orang asli yang merupakan kerjaya mereka adalah antaranya sebagai nelayan darat di kawasan tersebut.

Dan isu pencemaran sungai ini kita juga dikejutkan tentang insiden beberapa hari yang lepas, kalau tak silap saya di mana kerajaan Singapura telah *ban* ataupun menyekat beberapa jenama air mineral iaitu *Sukahati, Ro Fina dan Still* dan beberapa lagi yang merupakan keluaran *Malee Mineral Water* yang berpangkalan di Jemaluang, Kluang dan saya harap kerajaan Pakatan Harapan, kerajaan sekarang boleh melihat isu tersebut. Yang pertama, ia memberi kesan persepsi kepada kita rakyat negeri Johor dan yang kedua *of cause* dengan izin, ia memberi kesan keselamatan bukan sahaja rakyat ataupun masyarakat di Singapura, malah masyarakat dan bangsa Johor sendiri, yang saya yakin bahawa produk-produk tersebut juga dipasarkan di dalam negeri kita.

Seterusnya Yang Berhormat Speaker, tentang isu pencemaran di Pasir Gudang. Rakan-rakan saya dan juga Yang Berhormat daripada kerajaan juga ada membahaskan perkara ini cuma saya nak sebut satu perkara kerana ia melibatkan secara terus kawasan saya di Panti. Mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada April 2009 ada mencadangkan untuk kilang dipindahkan dan antara kawasan yang disebut adalah Kota Tinggi dan saya menyatakan bahawa dalam Dewan yang mulia ini saya ingin menyatakan bahawa saya mewakili rakyat di Panti tidak bersetuju dengan pelbagai sebab, antaranya kawasan Panti merupakan ataupun kawasan Kota Tinggi merupakan satu kawasan pelancongan. Jika ia dipindahkan, ia akan memberi kesan persepsi yang akan membawa kepada kehilangan sumber pendapatan kepada rakyat di kawasan Kota Tinggi dan juga mungkin jika hendak dipindahkan juga, perlu ada satu kajian yang lebih jelas dan kajian yang boleh meyakinkan bahawa kilang-kilang tersebut perlu menjaga ataupun perkara-perkara yang berulang ataupun yang berlaku di Pasir Gudang tidak berulang di kawasan-kawasan yang baru tersebut.

Dan, saya ingin menyanggah apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bahawa kilang-kilang berbahaya di Pasir Gudang, ia betul, sudah 10 tahun pada zaman Barisan Nasional tetapi, pada zaman Barisan Nasional apa yang berlaku pada hari ini tidak berlaku pada waktu itu. Apa yang kita boleh lihat bahawa penguatkuasaan, urus tadbir yang baik telah dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional dan kenapa ia hanya berlaku bukan sekali malah tiga kali pada pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini. Oleh itu, saya mintalah kerajaan Pakatan Harapan berhenti daripada menyalahkan kami

di Barisan Nasional dan saya minta supaya diuruskan dengan baik isu tersebut khususnya masyarakat di Pasir Gudang boleh meneruskan kehidupan mereka dengan lebih baik.

Isu seterusnya yang saya bangkitkan adalah berkaitan dengan isu Ahli Majlis. Isu Ahli Majlis yang telah dilantik oleh Pakatan Harapan sejak menjadi kerajaan pada tahun lepas. Yang Berhormat Speaker, banyak tempat bukan sahaja di Kota Tinggi malahan di tempat-tempat lain kebanyakan Ahli Majlis yang dilantik ataupun bukan daripada penduduk ataupun ketua masyarakat setempat di kawasan tersebut dan akhirnya akibat daripada perkara tersebut, banyak pembangunan ataupun permasalahan tidak dapat diselesaikan kerana mereka tidak tahu apa yang berlaku. Dan kebanyakannya perkara-perkara seperti banjir kilat, perkara-perkara seperti longkang tersumbat dan sebagainya tidak dapat diselesaikan. Dan saya haraplah, EXCO baharu Yang Berhormat Jementah yang dilantik untuk menguruskan Ahli Majlis ini mungkin bolehlah kaji semula pelantikan yang sedia ada dan mungkin boleh membetulkan kesilapan Yang Berhormat EXCO yang lepas yang melantik orang luar bukan orang tempatan sebagai Ahli Majlis. Janganlah jadikan jawatan Ahli Majlis ini sebagai habuan politik untuk rakan-rakan mereka di dalam parti. Dan saya juga menyanggah ataupun tidak bersetuju dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Mengkibol, bagaimana cadangan untuk menaikkan elaun Ahli Majlis dari RM800.00 ke RM1,500.00 sedangkan kerja-kerja ataupun tugas yang dipertanggungjawab tidak dilakukan dengan baik dan bagaimana kita hendak naikkan elaun tersebut. Saya mencadangkan pada kali ini mungkin boleh dibuat satu mekanisme atau *indicator* bagaimana untuk mengukur tahap kecekapan ataupun pencapaian Ahli-Ahli Majlis yang telah dilantik ini agar kita boleh lihat satu peningkatan yang baik kepada masa akan datang.

**YB Speaker** : RM900.00 itu bawah paras kemiskinan Yang Berhormat.

**YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti)** : Kita dulu pun sama juga, maksudnya pada waktu kerajaan Barisan Nasional menjadi kerajaan, adalah satu elaun yang sama juga diberi dan saya tegaskan Ahli Majlis ini bukan kerja sepenuh masa, ia hanyalah satu jawatan tanggungjawab yang diberi kepada pemimpin masyarakat bagi mewakili masyarakat di kawasan tersebut. Bagaimana mungkin jika anda duduk di Senai, anda menjadi Ahli Majlis di kawasan Kota Tinggi, di kawasan Taman Kota Jaya dan sebagainya. Bagaimana anda hendak tahu apa yang berlaku di kawasan tersebut setiap hari? Dan saya harap ia perlu diambil perhatian sewajarnya.

**YB Speaker** : Banyak lagi Yang Berhormat?

**YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti)** : Ada sikit lagi.

**YB Speaker** : Okey, masa dah...

**YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti)** : Isu seterusnya adalah berkaitan dengan isu dewan orang ramai dan kita tahu selepas kerajaan Pakatan Harapan menang, memang secara berbondong-bondonglah mereka datang menyerang persatuan-persatuan, pemimpin-pemimpin masyarakat di setengah-setengah tempat, meminta kunci dan sebagainya dan mereka kata kalau tak bagi kunci dewan, balai raya, mereka akan laporkan kepada SPRM. Mereka mendesak Pejabat Daerah untuk keluarkan surat. Saya tidak mempertikaikan apa yang mereka cakap, cuma ada banyak tempat yang telah diberi kunci kepada wakil-wakil masyarakat Pakatan Harapan ini, ada banyak tempat dah diberi kunci tapi akhirnya setelah setahun lebih ini, banyak dewan ataupun balai-balai raya ini dibiarkan kosong. Dibiarkan tidak terurus pembersihan sebagainya. Baru mereka tahu bahawa dewan dan balai raya ini bukan hanya pegang kunci, ia perlu diuruskan sebaiknya. Bil-bil perlu dibayar. Pembersihan perlu dilakukan. Baru mereka tahu perkara-perkara itu perlu diuruskan. Dan, saya harap perkara ini dapat dilihat oleh Yang Berhormat EXCO yang terlibat ataupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk pastikan akhirnya, dewan-dewan yang telah dibina dengan cantik, dengan banyak, dengan baiknya pada zaman kerajaan Barisan Nasional dapat digunakan semula oleh masyarakat. Tak kiralah siapa nak

pegang pun. Janji ia dapat digunakan. Dan satu perkara lagi, satu isu lagi berkaitan dewan ini adalah tentang sewa yang dinaikkan hampir lebih 70 peratus. Kalau dulu mungkin harganya berpatutan, tapi dengan keadaan ekonomi yang, yang keadaan sekarang ini, bukan sahaja, bukan tidak, bukan sahaja di, ditetapkan tapi dinaikkan lagi. Dan ini memberi kesan khususnya kepada masyarakat, khususnya di kampung.

Seterusnya, isu terakhir...

**YB Speaker** : Sudah, cukup Yang Berhormat.

**YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti)** : Isu terakhir adalah berkaitan, saya nak sebut sahaja. Berkaitan dengan isu perumahan. Isu Generasi Kedua dan isu perumahan di Puteri Jaya. Isu Generasi Kedua di FELDA Sungai Sibol dan FELDA Lingui khususnya, saya minta Yang Berhormat EXCO untuk ambil perhatian dan mungkin saya boleh bekerjasama bagaimana kita nak selesaikan masalah ini. Dan saya tahu isu ini sedikit *complicated*, dengan izin. Ia melibatkan persekutuan dan negeri dan mungkin saya minta jasa baik kerajaan Pakatan Harapan untuk bantu mereka di FELDA-FELDA Sungai Sibol dan Lingui dan juga bagaimana status perumahan mampu milik di Petri Jaya yang telah dijanjikan oleh KEJORA sekian lama.

Dan akhirnya, akhir sekali saya mintalah, saya tegaskan sekali lagi minta kerajaan Barisan Nasional menjadi benteng kepada, kepada sesuatu yang penting untuk Bangsa Johor termasuklah Kesultanan, Kesultanan Johor yang merupakan pemerintah negeri dan untuk kerajaan Pakatan Harapan lebih tegas kepada orang-orang luar ataupun pihak yang cuba usik dan perlekeh Institusi Diraja ini. Dan mungkin, bukan sahaja Institusi Diraja malah tentang kesucian dan kedaulatan agama kita, agama Islam yang perlu kita pertahankan sebaiknya. Dan saya harap ianya, Wakil-Wakil Rakyat daripada Pakatan Harapan khususnya dari negeri Johor dan Ahli-Ahli Parlimen, buatlah sesuatu, berbincanglah supaya perkara ini tidak lagi disentuh. Ia menimbulkan pelbagai polemik dan sebagainya. Dan sebelum saya mengundur diri, saya ingin mengucapkan selamat kepada semua bakal jemaah haji kita dari negeri Johor khususnya yang akan berangkat menunaikan haji penerbangan pertama, kalau tak silap saya lagi dua hari dan semoga mereka memperolehi haji yang mabrur dan diterima Allah SWT. Sekian, sekian wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dewan bertepuk.

**YB Speaker** : Terima kasih, Yang Berhormat Panti. Ahli Yang Berhormat sekian, persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.**

**Persidangan disambung semula pada 2.30 petang.**

**YB Timbalan Speaker** : Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. dijemput, Yang Berhormat Permas.

**YB Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh (Permas)** : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Daulat Tuanku Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertua bagi negeri Johor dan jajahan takluk Johor, sembah patik DUN Permas harap diampun. Yang Berhormat Puan Speaker, Permas walaupun dalam kesedihan dan amat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana masih diberikan kesihatan serta peluang untuk berdiri di Dewan yang mulia ini demi untuk suara rakyat. Seperti mana yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia, Tuanku Sultan Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar, Permas sedar tanggungjawab sebagai Wakil Rakyat, tanggungjawab meletakkan keutamaan paling tinggi terhadap suara rakyat dan tindakan Permas sebagai wakil mereka adalah semata-mata demi kepentingan rakyat. Permas mengakui masih baru dalam kancah Dewan ini serta menerima kritikan-kritikan yang membangun sejajar dengan harapan untuk

membantu masyarakat setempat. Dan bukan sahaja itu, Permas setuju apabila Tuanku menyatakan bahawa pembangkang harus memainkan peranan agar kerajaan benar-benar berfungsi untuk faedah rakyat.

Yang Berhormat Puan Speaker, namun Permas berasa kesal pada ketika Pasir Gudang dilanda pencemaran, ketika sekolah-sekolah di Pasir Gudang di tutup akibat peratusan pelajar sekolah sesak untuk bernafas ketika hospital dalam keadaan cemas kerana semakin ramai mangsa terpaksa dimasukkan ke dalam wad. Wajarkah diadakan satu perhimpunan menyerahkan memorandum mengutuk kecekapan kerajaan Pakatan Harapan yang menggunakan NGO atau individu yang tidak pasti mewakili suara siapakah. Suatu tindakan yang amat tidak wajar. 60 tahun mereka memerintah, pernahkah mereka mengalami atau ditimpa musibah seperti ini. Jika ada sudah tentu agensi-agensi kerajaan serta jabatan yang terlibat sudah mempunyai SOP yang lengkap untuk dipandu tetapi tidak. Mereka lupa agensi serta jabatan yang ada sekarang ini adalah hasil daripada dasar pentadbiran mereka yang tidak seimbang, pembangunan dan perumahan rakyat siapakah yang memberikan kelulusan untuk 250 kilang yang menjadikan proses bahan kimia yang berbahaya di Pasir Gudang. Kecekapan lemah bermula daripada mereka. Pandangan Permas, Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana lebih baik membantu masa bersama Permas atau menjadikan pembantu di pusat kawalan sebagai sukarelawan. Bagi Permas pendekatan yang cuba dipupuk di kalangan penyokong pembangkang tidak ada tujuan dan hala tuju.

Yang Berhormat Puan Speaker, sudah tentu perkara yang paling utama yang Permas ingin suarakan di Dewan yang mulia ini adalah tentang pencemaran yang berlaku di Pasir Gudang. Kejadian pertama, pencemaran bermula pada 08 Mac 2019 telah membawa dua orang suspek utama sebagai dalang kepada punca pencemaran itu berlaku. Namun apa yang sedih sehingga kini, kertas siasatan masih belum lengkap untuk menjalankan apa-apa tindakan pendakwaan. Permas tidak akan berdiam diri selagi 120 orang mangsa kejadian tidak terbela termasuk sekumpulan kecil mangsa yang mendapat kesan selepas kejadian sehingga ada di antara kanak-kanak yang tidak lagi mampu berjalan dengan sempurna. Gangguan pernafasan yang semakin teruk, tidak ada bantuan atau sokongan susulan selepas kejadian kepada mangsa serta keluarga mereka. Permas masih lagi menunggu hasil kajian yang telah dijalankan. Apakah sebenarnya punca utama pencemaran ini berlaku? Apakah bahan toksik, bahan bertoksik yang boleh dihasilkan oleh operasi kilang-kilang di Pasir Gudang yang menjadi bahan bertoksik utama menyebabkan pencemaran ini berlaku? Apakah tindakan penyelamat jika perkara seperti ini berlaku lagi? Apakah langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil untuk mengelakkan pencemaran ini daripada berlaku lagi? Permas mengambil iktibar setiap apa yang berlaku pasti ada hikmahnya.

Yang Berhormat Puan Speaker, pada 20 Jun 2019, tarikh yang masih baru lagi. Pencemaran kali kedua berlaku di Pasir Gudang. Alhamdulillah, jabatan yang bertindak untuk memberi respons yang amat cekap, mengendalikan mangsa-mangsa yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah. Permas mengucapkan tahniah kepada Majlis Perbandaran Pasir Gudang, IPD Seri Alam, bomba, penyelamat Pasir Gudang, Jabatan Alam Sekitar, pasukan Hazmat, Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor, Klinik Kesihatan Pasir Gudang, JKM Daerah Johor Bahru, Pegawai Daerah Johor Bahru serta sukarelawan-sukarelawan yang bertungkus lumus siang dan malam membantu mangsa. Permas amat berterima kasih hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. Bermula di Sekolah Agama Taman Mawar dan berjangkit ke sekolah-sekolah lain di Pasir Gudang. Sehingga Kementerian Pendidikan terpaksa membuat arahan agar sekolah di tutup buat sementara waktu.

Yang Berhormat Puan Speaker, apa yang mengecewakan Permas adalah apa yang dimaksudkan Kementerian bertanggungjawab apabila membuat satu kenyataan media bahawa pencemar angkara ini tidak diketahui puncanya serta mengenyepikan gas toksik berbahaya sebagai salah satu punca utama. Keputusan dibuat hanya dengan keputusan darah lapan pelajar daripada beratus-ratus menjadi mangsa agak terlalu rendah peratusan sampel kajian untuk mengumumkan hasil kajian sebuah kementerian.

Yang Berhormat Puan Speaker, amatlah ajaib bila pisang berbuah dua kali. Namun, namun begitu, kenyataan kementerian bertanggungjawab seolah-olah mencemarkan ini ada berlaku lagi. Persoalan, beginikah nasib nyawa anak-anak kita?. Jika kementerian tidak mampu untuk mengendalikan satu-satu kejadian yang dikategorikan sebagai bencana yang sudah dua kali terjadi. Carilah agensi atau syarikat swasta luar yang layak dalam hal-hal pencemaran ini. Janganlah buang masa jika kita tidak tahu apa-apa. Pemimpin perlu memimpin untuk mencari haluan, jalan kepada penyelesaian bukan menyatakan bahawa kementerian tidak tahu.

Yang Berhormat Puan Speaker, Permas memohon memberikan pandangan sudah diketahui kementerian tidak tahu punca, peralatan tidak mencapai tahap untuk membuat kajian secara terkini dan semasa kejadian. Setelah kejadian pertama sepatutnya kita telah menjalankan kerja-kerja pencegahan. Pemantauan sisa bahan toksik merbahaya perlu dibuat secara kerap. Peraturan sementara harus diwartakan seperti kilang-kilang tidak boleh menjalankan semua jenis operasi yang akan menghasilkan gas "X" sebagai contoh. Kementerian seharusnya mengadakan program-program yang melibatkan pengenalan dalam mengendalikan bahan-bahan toksik merbahaya. Ini kerana bukan sahaja kilang-kilang yang ada tetapi kepada masyarakat untuk di Pasir Gudang. Di tubuhkan sebuah jawatankuasa sementara yang mana mempunyai mandat untuk mengawal, menghentikan serta mungkin sehingga melarang apa-apa kerja pengendalian bahan-bahan toksik merbahaya. Agensi seperti DOSH yang semata-mata wujud untuk memberikan pentauliah persijilan serta keselamatan tempat kerja dan lebih khusus kepada pengendalian bahan toksik merbahaya sudah boleh membuat sebuah pusat untuk mereka membantu dalam apa bentuk sekalipun, ini adalah membantu jabatan seperti Bomba dan Alam Sekitar. Kerjasama harus dijalankan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara yang telah Permas sebutkan apabila dirumuskan sebenarnya adalah sebab atas tujuan untuk mewujudkan sebuah badan yang khususnya untuk memantau, mengawal, mengarahkan, menilai serta melarang segala aspek berkaitan bukan sahaja bahan toksik merbahaya, bahkan kepada keseluruhan aspek alam sekitar termasuk udara, sungai, pantai, laut dan sebagainya. Sepertimana yang Permas telah bantangkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, Permas mencadangkan negeri Johor mewujudkan Perbadanan Alam Sekitar Negeri Johor yang mana tujuannya, utamanya adalah untuk melaksanakan dasar dan polisi untuk mencapai kelestarian alam sekitar. Insya-Allah, apabila Perbadanan Alam Sekitar Negeri Johor mencapai matlamat tujuannya, negeri Johor akan dapat menghindar daripada kejadian pencemaran seperti di Pasir Gudang ini lagi. Permas yakin kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama barisan EXCO nya akan menjalankan kajian teliti serta bertindak pantas agar perbadanan ini dapat direalisasikan.

Yang Berhormat Puan Speaker, dengan ini juga Permas mohon semoga Dewan yang mulia ini dapat menyokong cadangan ini agar hasrat Permas dicapai untuk Perbadanan Alam Sekitar Negeri Johor diwujudkan demi agar kejadian pencemaran di Pasir Gudang tidak berulang kali ketiga, insya-Allah.

Yang Berhormat Puan Speaker, satu lagi isu rakyat yang perlu Permas merasakan amat perlu untuk disuarakan pada sidang Dewan yang mulia ini, adalah berkenaan tentang projek perumahan rakyat di Senibong. Sebuah projek penempatan semula untuk kampung setinggan di Senibong, sejumlah 100 unit rumah telah diperuntukkan untuk dibina bagi menyelesaikan kepada isu setinggan di situ.

Yang Berhormat Puan Speaker, sememangnya projek yang bermula pada 15 Januari 2018 merupakan projek yang dijalankan oleh kerajaan sebelum ini. Namun, bagi Permas setiap isu yang melibatkan rakyat harus Permas bawa ke depan agar satu penyelesaian dapat segera dicapai. Namun, selepas peralihan kuasa pada Mei 2018, peruntukan bayaran mengikut progres kepada pemaju tidak, telah disekat sehingga projek pembinaan tergendala, sehingga terpaksa dihentikan. Sebagai sebuah kerajaan walaupun baru,

tanggungjawab terhadap titik penyelesaian untuk membayar kepada sub kontraktor, membayar hutang adalah bukan sahaja tanggungjawab, akan tetapi adalah satu ibadat, doa orang yang teraniaya adalah dimakbulkan oleh Allah SWT.

Yang Berhormat Puan Speaker, rumah merupakan asas kehidupan seorang manusia. 100 unit rumah yang tergendala, proses pembinaannya sebenarnya adalah kekecewaan kepada 100 keluarga terhadap urus tadbir Kerajaan Harapan Johor yang tidak dapat menyelesaikan masalah ini dengan lebih pantas dan cekap. Permas memohon agar sesuatu dilakukan terutamanya dari pihak Perancang Bandar Negeri Johor untuk menyelesaikan segala kos yang tertunggak serta bekerjasama dengan pemaju bagi memulangkan semula, memulakan semula kerja-kerja pembinaan dan memberikan jaminan kepada 100 keluarga ini bahawa Kerajaan Pakatan Harapan amat serius dalam memberikan, menyelesaikan masalah rakyat terutamanya dalam menyelesaikan isu masyarakat.

Yang Berhormat Puan Speaker, 1 Julai iaitu semalam 2019, yakni kita dikejutkan dengan seorang wakil negeri Johor pada sidang Parlimen melakukan satu tindakan yang pada Permas, tidak, tindakan yang tidak wajar. Apakah tiada isu atau masalah rakyat lebih penting daripada beliau mempersoalkan apa yang telah pun tertakluk dalam perlembagaan iaitu keistimewaan Raja-Raja Melayu. Bukannya, bukannya kita ni Wakil Rakyat pun, ada istimewa juga kan? Jadi Yang Berhormat Puan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sidang yang mulia ini, Permas dengan rasa rendah diri sangat mengalu-alukan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat untuk bersama-sama Permas pada Khamis ini, 4 Julai 2019 di Masjid Jamek Pasir Gudang, insya-Allah selepas Isyak' untuk meramaikan lagi solat hajat kubra iaitu hajat besar dan hajat menolak bala, kerana sesungguhnya kita sebagai umat Islam harus kembali kepada asas kehidupan Islam yang sebenar. Sebagai seorang Muslim, kita harus yakin bahawa hanya kepada Allah SWT kita berserah. Dan, kepada Allah SWT jugalah kita memohon pertolongan untuk Pasir Gudang dan semua penduduk diberi kesihatan serta kekuatan. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Permas. Di jemput Yang Berhormat Perling.

**YB Tuan Cheo Yee How (Perling) :** Terima kasih Puan Speaker. Selamat sejahtera pada Dewan yang mulia ini. Perling ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kedua bagi Dewan Negeri Johor yang ke-14. Perling juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini. Dan Perling juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, ketika Perling berjalan-jalan dekat dalam kawasan, kita sering nampak banyak lagi tanah kosong. Jadi, kita pun hendak buat pemeriksaan. Rupanya dekat daerah Johor Bahru ini ada sebanyak 16.5% tanah kosong dan antaranya 5% tanah kosong adalah tanah kosong milik kerajaan. Dan, secara amnya kita pun tahu tanah merupakan sumber asli yang paling penting terutamanya untuk negeri. Baru semalam rakan kita Tangkak menyebut pasal makanan di mana isu ketidakcukupan makanan sedang berlaku memandangkan kita perlu import lebih daripada kita eksport. Jadi, kita pun meneliti data daripada bank dunia, di mana rakyat kita membelanjakan sebanyak 20% daripada pendapatannya untuk membeli makanan asas. Kalau kita bandingkan dengan Singapura adalah 7% dan negara jiran kita Indonesia pula 30% untuk membuat perkara yang sama. Jadi, mengikut satu teori ekonomi *Angels Laws* iaitu yang menyatakan bahawa nisbah yang dibelanjakan ke atas makanan asas makin rendah, jika pendapatan semakin tinggi dengan faktor lain dikekalkan. Tetapi bila teliti data yang lebih, kita pun dapati daripada Jabatan Statistik di mana kadar inflasi makanan sejak Jun 2018 telah mencecah kurang daripada 2%. Malah pada Julai 2018 mencapai kadar yang paling rendah dalam sejarah iaitu cuma 0.7%, ini adalah kadar inflasi harga makanan dan sehingga kini, cuma 1.1%. Kalau kita

bandingkan rekod yang paling tinggi iaitu pada Oktober tahun 2011 iaitu sebanyak 5.67% dan semenjak itu lagi tiada, tidak ada pernah kadar inflasi makanan, harga makanan kita rendah daripada 2%. Ini cuma satu fakta yang kita dapat cari, dan cuma satu fakta di mana dalam hal ini kerajaan Pakatan Harapan telah menjalankan tugasnya secara baik.

Dan, yang saya sebut tadi itu cuma satu petunjuk di mana saya ingin mencadangkan supaya kerajaan perlu galakkan lebih *urban farming* dan untuk memajukan tanah lapang untuk tujuan tersebut. Sini ada tiga kelebihan jika kita membuat demikian iaitu melalui pajakan tanah kerajaan, kita dapat, kerajaan kita dapat pendapatan. Jadi, di sini juga ada peluang untuk rakyat kita untuk menambah pendapatan dan yang ketiga yang paling penting sebenarnya *urban farming* kini terutamanya melalui akuaponik iaitu tanam sayur sambil kita pelihara ikan, dikatakan cuma menggunakan 90% kurang air daripada penanaman tradisional dan menghasilkan 6 kali ganda lebih hasil berbanding dengan penanaman tradisional untuk 1 kaki persegi/sqft. Saya ambil contoh dekat Singapura, Singapura walaupun dia kecil tetapi dia dekat atas flat, bahagian paling atas flat itu dia tanam tomato. Dan, sampai dia ada satu sasaran di mana 30% tomato itu dikeluarkan dalam negeri Singapura itu sendiri.

Jadi, hal ini bukan sahaja kalau kita tanam dekat tanah lapang itu bukan sahaja berpeluang melebihi sumber makanan untuk komuniti tempatan. Ini juga membekalkan makanan yang sihat dan lebih segar dan murah sebab kos pengangkutannya dikatakan minimum. Dan ini juga boleh menjaga kestabilan makanan komuniti dan kestabilan, keselamatan makanan negara. Jadi, Perling amatlah berharaplah cadangan yang disebutkan tadi boleh diterapkan revolusi hijau yang EXCO Pertanian bawa beberapa minggu lepas terutamanya Teknologi akuaponik yang kini semakin hari semakin matang dan kos pengambilannya semakin murah. Cuma satu, saya berpendapat, peluang ini di kendali, kenalah kendali dengan secara koperasi ke atau NGO ataupun lebih penting diberi keutamaan kepada kaum belia dengan pemantauan yang lebih ketat kena dibuat terutamanya penggunaan penanaman atas tanah kerajaan ataupun yang mendapat bantuan daripada kerajaan itu sendiri. Sebab barangkali kalau kita bagi yang sepatutnya kerajaan bagi tetapi tidak buat, yang terkena kerajaan kita juga. Jadi, saya berharap cadangan ini sedikit sebanyak kita boleh membantu.

Yang Berhormat Puan Speaker, selain daripada mewujudkan lebih peluang pekerjaan kepada belia, saya berpendapat membantu belia untuk memulakan perniagaan terutamanya dalam bidang Teknologi terkini amatlah penting. Jadi, sebagai permulaan, saya berharap, kerajaan sekurang-kurangnya mula menggalakkan lebih belia menceburi budaya pembuat ataupun dengan Bahasa Inggerisnya *maker culture*. Apa itu *maker culture* dengan izin? Jadi, kalau ikutkan definisi, *maker* adalah satu budaya *DIY*, *DIY* itu Bahasa Inggeris *do it yourself* yang berasaskan Teknologi yang mencipta peranti baru atau mengubahsuai peranti yang sedia ada dan ia berkait rapat dengan elektronik, robotik, *3D printing* dan penggunaan peralatan kawalan perangkaan komputer, dalam Bahasa Inggeris dengan izin, *computer numeric control tools*. Jadi, budaya ini terlibat dengan *open source hardware*, sebagai contoh, *Raspberry Pi* yang saya pegang ini merupakan salah satu contoh *open source hardware* yang di mana menggalakkan inovatif atau kreatif. Jadi untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, *Raspberry Pi* ini merupakan satu peranti atau *device* dengan izin, yang dikeluarkan oleh *Raspberry Pi Foundation*, satu badan amal NGO yang *base* dia dekat UK yang bertujuan menggalakkan lebih orang menguasai komputer dan pemasangan digital supaya Teknologi dapat membantu dalam kehidupan manusia dan menyelesaikan masalah justeru yang paling penting ialah menyampaikan kreativiti masing-masing melalui Teknologi.

Jadi, untuk harga untuk *Raspberry Pi* ini sebab dia daripada badan amal, dia lebih kurang RM150.00 sahaja, kalau dalam bidang ini boleh dikatakan murahlah. Dan, jangan lihat *device* ini kecil, baru-baru sahaja berapa minggu yang lepas ada orang menggunakan peranti ini ataupun *device* ini untuk *hacked* ke dalam sistem NASA, NASA itu ialah yang angkasa lepas Amerika Syarikat. Jadi, ini mungkin satu contoh yang tidak baik tetapi ini telah menunjukkan kehebatan Teknologi sekarang dan dengan melalui *open source* nya

sendiri. Jadi apa yang saya ingin sampaikan, bukannya untuk, cuma cakap sebagai *Raspberry Pi*, sebenarnya peralatan untuk mencipta *device* baru sekarang ataupun peralatan elektronik yang berasaskan IT, *Internet Of Thing* semakin murah dan semakin mudah didapat, padahal untuk perisian kalau kita katakan *software* ataupun *coding*, dia secara *open source* kita boleh dapat dekat Internet sahaja. Jadi, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, sebenarnya budaya *maker* ini amatlah popular di negara jiran kita terutamanya dekat Indonesia dan Vietnam. Disebabkan golongan *makers* ini merupakan satu golongan yang memberi sifat untuk berkongsi, malah mereka sentiasa berkongsi ciptaan mereka dekat *YouTube*. Jadi, kita sering mendapat lihat *YouTube makers* yang bagi introduksi, kenalkan *device-device* mereka dekat dalam Bahasa Indonesia dan Vietnam lebih banyak daripada Bahasa Malaysia kita sendiri. Jadi, untuk pengetahuan kini kajian untuk mencipta satu barang baru bukan lagi berada di dalam makmal atau bengkel institusi besar. Malah adalah di kediaman individu melalui dunia Internet. Sebab itu, kalau kita tidak membuat sesuatu sekarang, kita akan ketinggalan bukannya dengan negara Eropah ataupun Amerika Syarikat, yang jauh tetapi dengan negara jiran kita sendiri.

Jadi, Yang Berhormat Puan Speaker, kita faham pelaburan langsung asing amatlah penting untuk ekonomi negara kita. Tetapi pada waktu yang sama sebenarnya bakat, dengan izin *talent* terutama dalam bidang IT adalah sama penting untuk ekonomi negeri kita sendiri. Jadi, sudah banyak negara telah mengambil banyak langkah untuk cuba menarik lebih bakat untuk bekerja di bandar raya mereka. Bakat yang saya maksudkan ialah bakat IT. Contohnya, dekat Xicheng, China yang kini bandar raya itu disebut sebagai Amerika Syarikat ada *California Silicone Valley* dekat situ, Xicheng digelar sebagai *Chinafornia* sebab Teknologi yang ada dekat situ. Selain menyediakan persekitaran yang mesra kepada bakat-bakat IT ini, sampai kerajaan dekat situ sanggup membayar, memberi insentif perumahan kepada bakat asing yang bekerja dekat bandar raya situ. Jadi, kita pun faham dalam dunia industri kini mementingkan pengkhususan, dia khusus, dia buat. Jadi, setiap individu bakat tersebut boleh dikatakan merupakan sebuah syarikat. Saya ambil contoh, kita bangga dengan cerita *The Story Of Pi* yang cerita pasal seorang budak yang bernama Pi belayar bersama seekor harimau dan VFX kalau dengan bahasa mudah itu, 3D itu dibuat di Malaysia tetapi dengan pengkhususan contohnya kaki harimau itu dibuat dekat Kota Bharu, badannya buat dekat Kota Kinabalu dan lain-lain tempat dan selepas itu disatukan di Kuala Lumpur. Jadi, yang saya sebutkan *maker* di atas barang kali merupakan tahap *amateur* iaitu permulaan sahaja. Jadi, bakat-bakat yang bakal kita menarik ini adalah tok guru atau *sifu* kepada mereka yang seterusnya dapat membantu memberangsangkan ekonomi kreatif dekat negeri kita. Jadi, kita pun tahu wujudnya kreatif adalah dari apa pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang kita tahu bukannya daripada mana-mana tempat, itulah pengalaman yang kita ada.

Selain kita adakan kursus-kursus mungkin melalui JBiotech ke apa kepada belia, yang paling penting adalah apa cara kita boleh menarik bakat untuk bekerja di negeri Johor dan sekurang-kurangnya tahap *amateur* di negeri Johor tersebut ada peluang untuk bekerja dengan bakat-bakat ataupun pakar-pakar ini dan dapat meningkatkan kemahiran seterusnya membantu dalam membangunkan ekonomi kreatif di negeri kita. Jadi, dekat sini saya cadangkan supaya satu kajian perlu dibuat untuk menarik bakat termasuk membuat kajian bagaimana membantu belia kita yang ingin memulakan diri dalam bidang ekonomi kreatif ini dari segi kewangan terutamanya untuk *start up business* dengan izin, ataupun membantu dalam menyediakan *platform* ataupun *connection* atau lebih tepat lagi dalam dunia sekarang ialah *production chain* untuk bakat-bakat baru ini atau kita boleh mirip macam Singapura membantu dalam pengurusan pentadbiran syarikat mereka terutama dalam bidang pengurusan *administration* bakat, supaya bakat ataupun pakar tersebut boleh tumpu atas kerja kreativitiya sendiri. Tujuan Perling membuat cadangan di atas bukannya kita cuma tumpu untuk melahirkan pemain *e-Game* yang handal sebaliknya kita perlu kalau secara jauh kita perlu melahirkan pencipta *e-Game* yang dapat memberangsangkan ekonomi kreatif kita sendiri. Bukannya e-game player tetapi pencipta *e-Game* yang berlaku sekarang dekat Korea Selatan.

Yang Berhormat Puan Speaker, isu yang seterusnya adalah berkenaan dengan pembuangan sampah secara haram. Hal ini yang akan saya bincang termasuklah sampah longgok yang buang dekat tepi jalan, tanah lapang ataupun pembuangan ke dalam saluran air kita ke longgok ke, dan yang paling serius ialah di tapak pelupusan sisa pepejal haram ini. Untuk sampah longgok dekat tepi jalan ini, setiap kali kita nampak ataupun ada orang kompelin kita pun beritahu kepada pihak berkuasa, dia bersihkan tetapi tidak lama lagi, sampah longgok itu wujud lagi dekat tempat itu. Jadi untuk pembuangan sampah ke dalam saluran air pula dia macam sampah longgok juga. Selepas pembersihan dekat saluran air itu, tak lama lagi sampah lagi ada dekat situ, yang paling serius ialah sebenarnya sampah-sampah longgok ataupun pembuangan sampah dekat longgok atau saluran air itu sebenarnya menyumbang kepada berlakunya banjir kilat terutamanya yang dekat dengan sungai-sungai besar dan pada musim tengkujuh. Jadi, bagi pelupusan haram pula, tapak pelupusan haram, kalau ikut rekod, kawasan Perling pernah ada empat kawasan yang menjadi tapak pelupusan haram. Pembuangan sampah sisa pepejal haram yang ada lori sentiasa keluar masuk untuk pembuangan sisa pepejal antaranya dekat Kampung Sungai Perling, Kampung Rawa yang berdekatan dengan Jalan Rawa, Taman Perling, Kampung Usaha Jaya dan satu lagi yang terbaru ialah Kampung Jalan Indah 23/1, Taman Bukit Indah 2.

Jadi, persoalannya dekat sini, kepada pihak berkuasa terutamanya SWCorp, berapakah saman yang telah dikeluarkan untuk tujuan ini? Saya berpendapat dalam perkara ini penguat kuasa sisa pepejal terlalu banyak kita katakan *red tape*, perlu melalui banyak prosedur dan perlahan dan kurang tegas telah menyebabkan pembuangan sisa pepejal sering berlaku berulang. Dan, saya di sini juga ingin bercadang lebih sesuai kuasa penguat kuasa berkenaan dengan sisa pepejal di negeri Johor yang kini merupakan kuasa pusat daripada pusat dikembalikan pada PBT masing-masing untuk cuba mengatasi ketidakcukupan anggota untuk menjalankan penguat kuasa yang lebih berkesan.

Yang Berhormat Puan Speaker, isu terakhir Perling ingin bawa ialah berkenaan dengan komuniti *gated and guarded* dengan izin. Apa yang ingin Perling sampaikan adalah berkenaan dengan pembubaran persatuan penduduk yang bertanggungjawab untuk menguruskan komuniti *gated and guarded* ini. Jadi, setakat ini mengikut garis panduan *gated and guarded* daripada KPKT, cuma persatuan penduduk bawah pendaftaran ROS boleh mengurus komuniti seperti ini. Lalah, setakat ini kita cuma ada garis panduan berkenaan komuniti *gated and guarded* ini. Sehubungan itu, Perling berharap jika ada persatuan penduduk yang menghadapi masalah janganlah terus bubar, malahan bantu mengekalkannya. Hal ini kerana persatuan tersebut ditentukan dalam garis panduan untuk mengurus komuniti tersebut. Dengan pembubaran terus persatuan sebegini akan menjejaskan operasi harian di komuniti tersebut. Saya juga difahamkan KPKT sedang membuat kajian semula berkenaan dengan garis panduan tersebut. Jadi, buat sementara waktu janganlah kita buat tindakan yang menyebabkan penduduk dalam komuniti *gated and guarded* ini tersepit dan begitu sahajalah yang disampaikan daripada Perling, cuma saya berharap dengan cadangan-cadangan yang diberi daripada Perling boleh sedikit sebanyak membantu dan dengan ini sekian sahaja, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Dijemput Yang Berhormat Pasir Raja.

**YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Bismillahirrahmaanirrahim, alhamdulillahirobbilalamin, wabihinastain. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Terlebih dahulu Pasir Raja ingin mengambil kesempatan untuk menjunjung setinggi-tinggi kasih dan atas titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, khas kepada Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Persidangan Kedua Dewan Johor Yang Ke-14. Pasir Raja juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Dan Batin kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan negeri dan persekutuan yang hadir pada hari ini. Pasir Raja juga merafak sembah mengucapkan tahniah sempena Hari Keputeraan Duli Yang Amat Mulia

Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor sempena hari keputeraan beliau pada 30 Jun yang lalu.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pasir Raja ingin memulakan ucapan perbahasan pada kali ini dengan ucapan terima kasih kerana diberi ruang dan peluang untuk turut serta mengambil bahagian di dalam ucapan perbahasan pada kali ini. Diharapkan agar apa yang dibahaskan Pasir Raja mampu memberi manfaat dan melakukan yang terbaik buat Johor dan juga masyarakat. Yang Berhormat Puan Speaker, Pasir Raja merasa sangat kesal apabila Dewan yang mulia ini tidak menyegerakan membahaskan usul tergepar yang dibawa oleh Ketua Pembangkang. Institusi Beraja tonggak kedaulatan negara. Sistem pemerintahan di negara ini adalah di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan. Raja merupakan ketua negeri dan menduduki tempat tertinggi dalam sistem pemerintahan. Rukun Negara juga menyebut, kesetiaan kepada raja dan negara. Dewan yang mulia ini sedia menerima perbahasan mengangkat isu rakyat tapi malangnya Pasir Raja kesal apabila Dewan yang mulia ini menolak usul raja sedangkan kita semua tahu raja adalah penaung bagi rakyat. Pasir Raja mohon pendirian dan ketegasan daripada kerajaan negeri Johor terhadap perkara ini. Janganlah perkara ini dianggap remeh dan tidak perlu disegerakan. Janganlah kita membiarkan ada pihak yang menghina institusi raja.

Yang Berhormat Puan Speaker, pada 26 Jun 2019, satu memorandum telah dihantar ke Pejabat Menteri Besar bagi menuntut kecekapan kerajaan Pakatan Harapan bagi menangani bencana di Pasir Gudang. Walaupun pihak kerajaan memberikan tanggapan yang pelbagai di atas niat baik dan keprihatinan kami tentang pencemaran bahan kimia yang berlaku di Sungai Kim Kim. Imbas kembali pada 8 Mac yang lalu, seramai 5,848 orang kanak-kanak dan orang dewasa yang dirawat akibat pencemaran sisa beracun Sungai Kim Kim. Menteri Kesihatan menyatakan daripada jumlah itu, seramai 951 mangsa dimasukkan ke wad, manakala 25 mangsa pula dimasukkan ke unit rawatan rapi. Kita dijanjikan bahawa semuanya berjalan dengan baik setelah kerajaan persekutuan menyalurkan RM6.4 juta dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor menyumbang RM1 juta bagi operasi merawat dan mencegah pencemaran bahan kimia tetapi tidak sampai tiga bulan, kejadian yang sama berulang. Maklumat terkini yang diterima, sebanyak 34 pelajar dan dua orang guru dari enam buah sekolah berbeza telah mengalami simptom pening, loya dan muntah. Akibat tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan, apakah tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah tersebut dari terus menerus mengganggu warga Pasir Gudang? Pasir Raja mengharapkan kerajaan dapat segera menangani masalah ini dan bertindak secara telus tanpa melindungi mana-mana pihak yang bertanggungjawab mengakibatkan pencemaran tersebut.

Yang Berhormat Puan Speaker, dimaklumkan seramai 23,168 orang kakitangan kerajaan dan swasta telah diberhentikan kerja pada tahun 2018. Dan dijangka 30,000 lagi yang akan hilang pekerjaan pada tahun ini akibat dari kelembapan ekonomi. Tetapi kita disajikan dengan kenyataan Menteri untuk mengambil pekerja asing dari Afrika untuk diletakkan dalam sektor perladangan. Pasir Raja ingin bertanya, apakah relevannya mengambil warga asing sedangkan rakyat sendiri tiada pekerjaan? Di manakah janji-janji kerajaan untuk mewujudkan 1 juta peluang pekerjaan. Apakah jaminan kerajaan pekerja warga Afrika mampu bekerja di ladang-ladang negara ini dengan baik sedangkan kita sedia tahu warga Afrika cukup dikenali dengan sikap kasar dan berani melakukan apa sahaja termasuklah jenayah.

Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan Pakatan Harapan telah membentangkan pelan pemulihan bagi mengembalikan keyakinan rakyat dan memastikan kebajikan peneroka terus dibela. Kerajaan Pakatan Harapan juga telah meluluskan dan merestui usaha untuk melaksanakan Pelan Pemulihan Jangka Pendek, Sederhana dan Panjang ke arah kelestarian FELDA seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 6 Tahun 2019 iaitu Kertas Putih, "Ke arah Kelestarian Lembaga Tanah Persekutuan yakni FELDA. Terdapat beberapa perkara yang ingin Pasir Raja tekankan di dalam perbahasan kali ini.

Berkenaan dengan isu Kertas Putih. Apakah pendirian kerajaan negeri tentang pembentangan Kertas Putih FELDA yang ternyata memberi kesan kepada warga FELDA?

Yang Berhormat Puan Speaker, di dalam Kertas Putih ada menyatakan tentang penyediaan skim pewaris tanah untuk pengalihan lancar. FELDA sedang melaksanakan program pengemaskinian data pemilikan tanah peneroka yang memuktamadkan maklumat pewarisan di beberapa buah FELDA. Dan projek perintis ini akan diperluaskan ke 314 rancangan FELDA yang lain. Pasir Raja ingin bertanya, apakah perincian sistem Skim Pewarisan Tanah dan bagaimana ia akan memanfaatkan warga FELDA dalam urusan pewarisan tanah? Apakah kayu ukur, bagi memastikan pihak FELDA melaksanakan sistem pewarisan yang adil kepada semua pewaris peneroka? Pasir Raja mohon, langkah penambahbaikan perlu digariskan dengan spesifik. Pasir Raja juga mencadangkan supaya dijalankan kajian yang komprehensif untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi di setiap peringkat serta kemahiran anak-anak peneroka harus digembleng.

Yang Berhormat Puan Speaker, di dalam kertas putih juga menggariskan kerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan yakni GLC dan syarikat swasta menyatakan pelaburan modal insan bagi memastikan akses yang saksama kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti kepada anak-anak peneroka FELDA. Ianya juga memberi tumpuan khusus kepada aspek pendidikan teknikal dan vokasional yakni TVET malah strategi pemulihan akan memberi tumpuan kepada mewujudkan kerjasama strategik dengan syarikat perladangan utama yang lain dan meningkatkan penerima gunaan Teknologi moden. Cadangan yang dikemukakan di dalam Kertas Putih hanya tertumpu kepada anak-anak peneroka yang melanjutkan pelajaran ke universiti atau pendidikan vokasional dan teknikal, TVET. Bagaimana nasib anak-anak peneroka yang lain.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pasir Raja suka mencadangkan supaya :

1. Kerajaan negeri sepatutnya mempunyai usaha untuk memperkasa anak-anak peneroka yang mempunyai kemahiran mengurus ladang.
2. Tubuhkan sebuah pusat latihan di peringkat negeri yang hanya menumpukan kepada latihan dan kursus khas kepada anak-anak peneroka yang di mana ia boleh ditumpukan kepada beberapa industri seperti perladangan, penternakan, perhutanan dan perikanan. Sebagai contoh di China, terdapat sebuah institusi yang dikenali sebagai The Chinese Academy Of Agricultural Sciences adalah sebuah organisasi yang menjalankan penyelidikan saintifik bidang pertanian. CASS bertanggungjawab untuk menyelesaikan cabaran dalam bidang pertanian melalui penyelidikan asas serta membangunkan Teknologi terbaru untuk memajukan ekonomi luar bandar China. Cadangan Menteri untuk menanam buluh dan minum satu sudu minyak sawit sehari bolehlah kita minta pusat latihan penyelidikan ini mengkaji keberkesannya.

Yang Berhormat Puan Speaker, pada 18 Jun 2019, seorang Timbalan Menteri telah membuat pengumuman di laman media sosial peribadi beliau yang mengalu-alukan semua pihak tanpa mengira kaum dan agama untuk memberi pandangan dan idea kepada Pasukan Petugas Khas Pendidikan Islam yakni, PPKPI. Tindakan tersebut adalah sangat tidak wajar dilakukan kerana ianya menyentuh sensitiviti agama dan telah menimbulkan kerisauan dan kegusaran terhadap masyarakat Islam di negara ini. Seharusnya cadangan mengenai pengubahsuaian pendidikan Islam ini dilakukan oleh pakar-pakar yang arif dan bukannya pihak yang tidak berkaitan. Apakah motif utama tindakan individu tersebut? Apakah ini usaha peribadi beliau atau inisiatif rasmi Kementerian? Pasir Raja berharap kerajaan negeri Johor tidak mengambil ringan perkara ini memandangkan agama Johor adalah yang terbaik, pendidikan agama Johor adalah yang terbaik di negara ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, pada PRU 14, rakyat didendangkan dengan penstabilan harga barang dengan memansuhkan GST. Namun, sehingga kini kenaikan harga barang menjadi semakin tinggi walau GST telah pun dimansuhkan. Malah mulai semalam di

perkenalkan pula cukai baru yakni, cukai gula. Apakah tindakan kerajaan bagi memastikan kenaikan harga barang dapat dikawal memandangkan negara sedang mengalami kelembapan ekonomi pada masa sekarang? Dimanakah janji-janji kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat. Mengutamakan wang poket rakyat mencukupi. Bantuan wang dapur sebanyak RM250.00 sebulan bagi rakyat miskin. Semalam YB Skudai melabelkan kami sebagai *team* batu api. Sebenarnya Yang Berhormat kami bukan *team* batu api. Kami di sebelah sini adalah *team* pendesak yang akan sentiasa mengingatkan pihak kerajaan sebagaimana titah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang menghendakkan pihak pembangkang memainkan peranan untuk memastikan segala program kerajaan benar-benar memberi faedah kepada rakyat, kepada masyarakat umum dan dilaksanakan dengan betul dan teratur (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Puan Speaker, Pasir Raja juga ingin membawa isu yang berlaku di dalam kawasan Pasir Raja.

Pertama, Perumahan Generasi Kedua FELDA Pasir Raja telah pun diduduki tetapi kawasan tersebut masih tidak dilengkapi dengan lampu jalan. Hal tersebut merbahaya kepada pemandu terutamanya ketika melalui jalan tersebut di waktu malam. Apakah kerajaan negeri mempunyai peruntukan khas untuk mengatasi masalah tersebut?

Kedua, Pasir Raja telah membuat permohonan membina jalan baru pintasan di antara sekolah menengah ke sekolah rendah FELDA Bukit Besar. Pada sidang yang lepas menyatakan permohonan tersebut masih menunggu keputusan pihak ICU, JPM. Apakah status projek pembinaan ini? Kerana telah banyak berlaku kemalangan yang melibatkan pelajar kerana pelajar menggunakan jalan utama, satu-satunya jalan laluan ke sekolah.

Ketiga, Pasir Raja ingin bertanya tentang projek pembangunan yang dikenali sebagai Johor Eco Entertainment Park (JEEP) yang telah dibangunkan di Bandar Akademik YPJ, Jalan Kulai Kota Tinggi yang berada di dalam DUN Pasir Raja. Apakah perkembangan projek ini yang dinyatakan akan diteruskan oleh kerajaan negeri pada sidang Dewan 16 Ogos 2018 yang lalu?

Keempat, Pasir Raja ingin menyatakan tentang Jalan Kota Tinggi - Kulai yakni Jalan Kota Tinggi, Orchard Golf yang sering kali berlaku kemalangan akibat struktur jalan raya yang bergelombang yakni *bumping*, dengan izin. Apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut?

Lima, kesemua bangunan seperti balai raya, dewan raya, padang dan lain-lain telah pun diambil alih oleh kerajaan PH. Tetapi malangnya kesemua aset tersebut tidak di selenggara dengan baik. Pagar dan balai raya dikelilingi dengan semak samun tanpa penyelenggaraan. Padang ditumbuhi dengan lalang. Di tempat Pasir Raja, padang yang dipenuhi dengan lalang itu dibakar oleh pengerusi MPKK bersama anak buahnya kononnya untuk menyudahkan, menyiapkan secepatnya padang tersebut. Tetapi, itulah masalahnya sepatutnya dipotong, sepatutnya disabit ataupun di mesin, tetapi dibakar. Apakah inisiatif kerajaan PH bagi menangani masalah ini? Kerajaan BN telah menyediakan infrastruktur yang baik dengan belanja beratus ribu ringgit bagi menyediakan kemudahan untuk rakyat tetapi apabila telah diambil alih tolonglah selenggara dengan baik. Benarkan rakyat menggunakannya kerana ada di setengah-setengah tempat rakyat tidak dibenarkan menggunakan balai raya ataupun dewan raya. Dan ada juga tempat yang dikenakan kadar bayaran sewa yang terlalu tinggi.

Yang Berhormat Puan Speaker, akhir kata Pasir Raja mengharap apa yang dibahaskan di Dewan yang mulia ini dapat dilaksanakan dengan baik. Bukanlah sekadar banyak merancang tetapi tidak dilaksanakan. Marilah kita sama-sama menyahut seruan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang mengharap Ahli Dewan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjaga kepentingan negeri ini. Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja. Dijemput Yang Berhormat Buluh Kasap.

**YB Senator Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap)**: Bismillahirrahmaanirrahim. (Bacaan Doa). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dan, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Terima kasih YB Speaker kerana memberikan ruang untuk Buluh Kasap mengambil bahagian dalam sesi perbahasan titah ucapan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Di awal bicara ini Buluh Kasap merafak sembah menjunjung kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, mencemar duli berangkat dan bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Negeri Johor Ke-14 minggu lalu.

YB Speaker, Buluh Kasap juga mengambil peluang ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor serta kerabat istana Johor yang kerap turun mencemar duli bertemu masyarakat dan rakyat Johor termasuk di Segamat dan di kawasan DUN Buluh Kasap. Ia sesuatu yang sangat bermakna bagi rakyat kerana dengan cara ini membolehkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mendekati rakyat serta mendengar dan melihat sendiri apa yang dialami oleh rakyat Johor.

YB Speaker, beberapa hari ini kita Ahli-Ahli Yang Berhormat sedang membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Selain daripada menyampaikan hasrat dan kepentingan rakyat, Buluh Kasap berpendapat daripada penelitian ucapan-ucapan perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat, rata-rata kita menyatakan taat setia serta menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan institusi istana Johor. Sebab itu Yang Berhormat Speaker kita agak terkilan dengan apa yang berlaku di Dewan Rakyat Parlimen Malaysia, apabila ada Ahli Parlimen mempertikai dan tidak menghormati ke bawah Duli Tuanku yang kita sayangi. Dalam perkara ini, sewajarnya kita yang berada di Dewan Negeri mewakili rakyat Johor yang dipayungi oleh institusi kesultanan Johor sejak sekian lama wajar membuat ketetapan, menyatakan taat setia serta membantah usul yang dibangkitkan di Dewan Rakyat tersebut dalam perkara yang berkenaan.

Justeru, Buluh Kasap ingin menyatakan rasa terkilan apabila usul tergepar yang cuba dibawa oleh YB Benut, ketua pembangkang semalam hanya tersekat di meja Speaker atas alasan tidak ada keperluan yang mendesak. Pun begitu, Buluh Kasap berharap agar kerajaan negeri akan menyatakan pendirian kerajaan negeri dalam isu yang berbangkit ini.

YB Speaker, di Dewan yang mulia ini Buluh Kasap ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Bukit Kepong yang telah dilantik sebagai Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru beberapa bulan lalu. Saya hendak sampaikan salam, dari Pengerusi MPKK di kawasan saya kepada Yang Berhormat Menteri Besar. Assalamualaikum. Selain salam dia minta saya sampaikan pertanyaan bilakah agaknya Yang Amat Berhormat Menteri Besar nak tunaikan janji mantan Menteri Besar untuk sampaikan *laptop* kepada mereka. Saya tidak tahu, ni dia kata janji Menteri Besar. Bila saya buka kepada pencapaian setahun kerajaan negeri Johor, saya terbaca di bawah ini insentif RM1,000.00 bantuan diberi secara *one-off* kepada ketua Kampung untuk kemudahan membeli komputer riba. Adakah dimaksudkan ini, saya tidak tahu.

Tetapi saya dah sampaikan salam, dan pesan daripada Pengerusi MPKK kawasan saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tahniah juga kepada barisan jawatankuasa kerajaan negeri yang baru termasuk jiran saya Jementah, yang dilantik sebagai EXCO, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar. Saya percaya pelantikan Jementah adalah atas dasar pengalaman beliau sebagai Wakil Rakyat sebelum ini. Buluh Kasap dan Segamat percaya, Jementah mampu menjalankan tanggungjawab ini termasuk perkara-perkara yang berbangkit di Jementah dan Segamat. Antara yang Buluh Kasap dan masyarakat Segamat harapkan, Jementah laksanakan dan mampu selesaikan ialah isu pembinaan kilang sawit berhampiran pekan Jementah beberapa tahun lalu. Bukankah ketika itu kita sama-sama UMNO dan DAP sama-sama lantang menentang kilang tersebut beroperasi hinggak ada suara-suara menyatakan bahawa jika

PH memerintah kilang tersebut akan ditutup serta merta. Jadi, Buluh Kasap nak tanya, YB EXCO apakah kedudukan sebenar status kilang tersebut hari ini? Ia ada kaitan dengan penulatan gambar dan visual, YB EXCO dan beberapa individu lain, beberapa minggu lepas yang berdiri berhampiran kilang sambil memberikan isyarat menutup hidung dan mulut. Adakah itu tanda protes YB EXCO kepada pembinaan kilang, pengoperasian kilang tersebut? Jadi, kita minta agar YB EXCO menyatakan apakah status terkini kilang sawit yang berada di berhampiran dengan pekan Jementah.

Juga Buluh Kasap ingin penjelasan YB EXCO akan pembinaan sebuah bangunan yang menyerupai sebuah tokong, yang dibina kurang 100 meter dari masjid pekan Jementah. Adakah pembinaan bangunan yang menyerupai sebuah tokong ini telah mendapat kelulusan Majlis Perbandaran Daerah Segamat? Ini juga antara perkara yang dibangkitkan oleh masyarakat di Segamat.

YB Speaker, Buluh Kasap bersimpati dengan apa yang berlaku di Pasir Gudang. Kepada Permas, marilah sama-sama kita berdoa agar musibah ini segera pulih dan kembali seperti asal. Tetapi jangan pula Permas menuding jari kepada kami di sini. Semua kita mengharapkan kebaikan kepada Permas, cuma mungkin cara dan pendekatan kita yang berbeza. Dulu pun negara dan negeri pernah mengalami musibah yang sama. Yang besar, antaranya banjir yang hampir menenggelamkan beberapa daerah di Johor. Kita juga pernah mengalami musibah kehilangan pesawat MAS, kita juga pernah mengalami kes-kes pembunuhan berprofil tinggi. Di manakah pembangkang ketika itu? Malah ada sebilangannya menjadi batu api seperti yang dinyatakan oleh pihak di sana hari ini (Dewan bertepuk).

Tuan Speaker, insya-Allah saya berjanji kepada Permas dalam kes Pasir Gudang ini, kami tidak, kami mengambil kesempatan, kami tidak mengambil kepentingan politik, sebaliknya menyokong penuh tindakan kerajaan buktinya, kami sama-sama menyokong usul yang dibawa oleh Permas tempoh hari.

YB Tuan Speaker, dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor hari ini, Buluh Kasap ingin menarik perhatian Dewan berkaitan pelantikan ketua-ketua kampung atau Pengerusi MPKK dan Ahli Majlis Perbandaran termasuk Majlis Daerah seluruh negeri. Buluh Kasap merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan mereka ini. Kami difahamkan bahawa pelantikan mereka adalah atas dasar merit melalui saringan temu duga dan sebagainya. Yang memberi gambaran pelantikan yang lebih baik dari ketua kampung dan Ahli Majlis sebelum ini. Namun, satu perkara yang saya fikir perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan adalah komitmen yang lebih baik dan serius sepatutnya ditunjukkan oleh mereka yang dilantik ini.

Buluh Kasap mengakui ada ketua kampung yang mempunyai, yang memberikan khidmat yang baik pada masyarakat. Sering berada dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan mampu berperanan sebagai ketua dalam komuniti mereka. Namun saya, Buluh Kasap difahamkan ada ramai ketua kampung yang seolah-olah tidak mengetahui peranan mereka sebagai ketua kampung. Ada di kalangan mereka tidak duduk dalam kampung berkenaan. Tidak melibatkan diri dalam program-program kemasyarakatan. Gagal dihubungi oleh agensi-agensi yang memerlukan maklumat dan khidmat dan yang paling menyusahkan bila penduduk sukar menemui mereka untuk mendapatkan cop dan tandatangan ketua kampung.

Yang menariknya Tuan Speaker, saya ada ditunjukkan satu stiker yang diberikan oleh salah seorang ketua kampung atau MPKK. Dia kata dalam stiker itu, hendak jumpa ketua kampung pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang, tempatnya di sini. Tuan Speaker saya fikir ini bukan peranan sebenar ketua kampung, atau MPKK yang dikehendaki oleh rakyat. Dan saya juga percaya pelantikan mereka bukan ini yang dimaksudkan oleh kerajaan negeri. Kerajaan negeri perlukan perkhidmatan mereka lebih baik lagi. Begitu juga dengan Ahli-Ahli Majlis, Buluh Kasap dimaklumkan ada di kalangan Ahli Majlis ini tidak menerima aduan

penduduk di kawasan mereka. Malah ada insiden pengadu diherdik dan di marah kerana menyampaikan aduan longkang tersumbat dan lampu tidak bernyala kepada mereka. Pengadu diarah pergi sendiri membuat laporan di pejabat dan agensi berkenaan. Buluh Kasap bersetuju bahawa peranan sebenar Ahli Majlis memang bukan sebagai penerima aduan. Pun begitu, Buluh Kasap berharap ia bukan jadi suatu masalah dan bebanan kepada Ahli Majlis untuk menerima aduan daripada pembayar cukai. Apa salahnya mereka melayan ragam pembayar cukai dengan baik. Jika ini pun tak boleh lakukan dengan baik, maka Buluh Kasap bersetuju bahawa kita tidak bersetuju dengan cadangan pihak kerajaan yang disampaikan oleh Wakil Rakyat Mengkibol semalam untuk menaikkan elaun RM800.00 kepada RM1,500.00. Atas dasar mereka tidak menjalankan tanggungjawab yang lebih baik daripada Ahli Majlis sebelum ini. Untuk itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya satu kursus jangka pendek diberikan kepada semua ketua kampung dan Ahli Majlis supaya mereka tahu peranan sebenar mereka sebagai ketua kampung dan Ahli Majlis.

Tuan Speaker, kita akui bahawa ketua kampung yang dipilih telah menjalani temu duga. Tetapi saya fikir mereka kurang faham tanggungjawab yang mereka perlu lakukan. Saya ambil contoh lagi, pagi tadi saya menerima *whatsApp* daripada orang kampung mengadu tentang pengerusi MPKK mereka. Dia hantar gambar kepada saya, seorang pengerusi MPKK hadir satu majlis yang berpakaian Melayu lengkap, tanpa songkok. Puan Speaker, songkok bukan perkara wajib, tetapi biarlah dia menggambarkan dia seorang ketua kampung. Atau pengerusi MPKK, kalau pengerusi MPKK datang majlis rasmi, pakai baju Melayu, sampung, baju Melayu hijau, sampung warna hitam, dia pakai seluar hitam. Tapi tak ada songkok. Bukankah satu perkara yang memalukan bagi ketua kampung atau MPKK. Jadi, kita minta supaya EXCO yang berkenaan ambil perhatian dan kalau boleh menghantar kursus kerana rata-rata di kalangan mereka saya lihat, adalah mereka yang boleh dianggap sebagai tidak berpengalaman bermasyarakat.

Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan berkaitan dengan MPKK ini adalah Buluh Kasap ingin memaklumkan bahawa kami faham dan akur bahawa bangunan-bangunan balai raya, dewan dan sebagainya sudah tidak dibenarkan untuk kami gunakan. Sudah setahun ianya berlalu, namun apa yang menyedihkan ialah penyelenggaraan dan penjagaan bangunan tersebut tidak dilakukan oleh MPKK berkenaan. Saya dimaklumkan ada banyak premis yang sudah mula diselubungi lalang dan belukar, ada balai raya dan dewan yang sudah dipotong air dan bekalan elektrik kerana kegagalan MPKK menjelaskan tunggakan bayaran. Seingat saya, Buluh Kasap sendiri pernah menghulurkan sumbangan beberapa balai raya untuk penyambungan semula air dan elektrik. Sepatutnya bukan tanggungjawab saya Buluh Kasap, Buluh Kasap bukan lagi Wakil Rakyat kerajaan, kami pembangkang. Tetapi, Buluh Kasap bantu ini dengan dua syarat atau dua alasan. Pertama, adalah perjanjian saya dengan MPKK berkenaan, jadi EXCO jangan marahlah. Yang kedua, Buluh Kasap lebih melihat kepada fungsi dan kegunaannya kepada masyarakat berbanding fahaman dan ideologi politik. Justeru, saya minta EXCO yang berkenaan melihat perkara ini dengan serius. Bukankah EXCO yang berkenaan tahu bukan senang untuk kita mendapatkan peruntukan ratusan ribu untuk membina balai raya dan dewan ini. Jadi takkanlah mereka yang mendapat secara percuma nak biarkan ia lapuk, api dipotong, air dipotong, sayang rasanya.

YB Speaker, sejak kebelakangan ini Buluh Kasap mendapati ada banyak lampu jalan dan lampu isyarat rosak dan tidak berfungsi. Malah ianya lambat juga untuk dibaiki. Buluh Kasap tidak mahu menuding jari kepada mana-mana pihak. Cuma pada Buluh Kasap ialah, selepas kami mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak, kami dimaklumkan bahawa ianya berlaku kerana pihak kementerian menyalurkan peruntukan hanya sebanyak RM2 juta kepada setiap daerah dalam negeri Johor ini dari sudut penyelenggaraan elektrik. Jadi kalau saya salah, EXCO Kerja Raya maafkan sayalah, saya dimaklumkan begitu. Maksudnya, untuk penyelenggaraan elektrik bawah JKR ini RM2 juta sahaja diperuntukkan untuk semua daerah. Saya fikir peruntukan RM2 juta tidak mencukupi kerana ada banyak lampu isyarat, lampu jalan yang perlu diselenggara oleh JKR, termasuk juga yang dilanggar

oleh pengguna jalan raya. Saya difahamkan tidak ada klausa, tidak ada, JKR tidak boleh menyaman pengguna untuk *claim* kepada kerosakan yang dilanggar oleh pengguna jalan raya ke atas lampu isyarat dan lampu jalan. Jadi, saya harap agar EXCO berkenaan cuba-cubalah kita berunding dengan pihak kementerian ataupun kerajaan pusat untuk penambahbaikan, penambahan peruntukan ini.

YB Puan Speaker, dalam perbahasan kali ini Buluh Kasap tidak mahu ketinggalan untuk membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kawasan Buluh Kasap yang diwakili serta kawasan-kawasan yang berhampiran. Yang pertama, saya ingin bangkitkan semula cadangan meletakkan Segamat dalam kawasan Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau ECER. Segamat untuk makluman YB Speaker, agak jauh daripada jajaran lebuh raya utara selatan. Sebab itu dia agak ketinggalan dari daerah lain. Sebab itu pemimpin-pemimpin terdahulu, baik di peringkat daerah, negeri dan pusat telah memikirkan dan berbincang bagaimana cara untuk Segamat membangun seperti daerah lain. Dan alhamdulillah, berkat perbincangan itu pemimpin di ketika itu telah bersetuju untuk meletakkan Segamat di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau ECER. Dan selepas PRU yang ke-14 lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyebutkan sekali lagi telah bersetuju dan mengumumkan bahawa Segamat akan diletakkan di dalam Kawasan Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau ECER. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini, Buluh Kasap dan majoriti rakyat di Segamat nak bertanya kepada kerajaan negeri, agaknya sampai mana langkah yang dah dijalankan? Langkah-langkah yang telah dijalankan atas usaha untuk melaksanakan cadangan kerajaan, kelulusan kerajaan, persetujuan kerajaan untuk meletakkan Segamat di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur ini, kerana selagi ianya tidak dijalankan selagi itulah saya fikir Segamat akan jauh ketinggalan daripada daerah-daerah lain.

Dengan meletakkan Segamat dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur ini saya fikir Segamat akan mempunyai banyak peluang pekerjaan atau banyak pelabur akan masuk dan Segamat boleh dibangunkan. Saya fikir bukan Buluh Kasap sahaja yang ingin bersuara hal ini tapi termasuk juga kawasan-kawasan lain dalam daerah Segamat. Yang kedua berkaitan dengan keputusan temu duga tanah umum di kawasan Buluh Kasap. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Buluh Kasap ada beberapa kawasan tanah umum yang telah ditemu duga lebih 10 ke 15 tahun lalu, seperti Tanah Bukit Bujang 1, Bukit Bujang 2, Jelebak dan sebagainya. Sehingga hari ini masih belum ada keputusan dibuat oleh kerajaan negeri. Pada tahun lalu Buluh Kasap pernah membangkitkan perkara ini dan dalam Dewan ini juga Buluh Kasap dimaklumkan bahawa tanah-tanah umum dalam DUN Buluh Kasap ini akan diumumkan tahun depan, maksudnya tahun ini, 2019. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar walaupun dah tukar tahun, dah tukar Menteri Besar, kami nak tanya adakah perkara ini masih sama? Adakah perkara ini masih lagi mempunyai status yang sama iaitu nak umumkan tahun ini? Jadi, Buluh Kasap yang mewakili mereka yang di temu duga sejak 10, 15 tahun dulu sangat berharap agar ianya dapat diselesaikan tahun ini.

Yang ketiganya YB speaker...

**YB Timbalan Speaker** : 5 minit lagi

**YB Senator Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap)** : Ya, sikit lagi.

**YB Timbalan Speaker** : Sikit?

**YB Senator Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap)** : Yang ketiganya YB Speaker, ialah pembinaan Masjid Kampung Sepinang, Segamat. Walaupun soalan lisan saya telah dijawab oleh YB EXCO Agama secara bertulis, tetapi saya fikir ianya ringkas sangat iaitu dia kata dah dihantar ke ICU.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Masjid Kampung Sepinang ini telah 3 tahun terbengkalai, kita tak nak menuding mana-mana pihak kerana selepas berbincang dengan JKR, saya difahamkan bahawa ia kesilapan kontraktor. Jadi, peruntukan sebanyak RM1.4

juta yang diberi dulu tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dan kontraktor dah pulang kepada JKR baki kerja-kerja mereka. Saya difahamkan baki ada lebih kurang RM600,000.00. Selepas berbincang dengan JKR, JKR kata tak cukup RM600,000.00 akan di tender semula dengan nilai lebih kurang RM1.4 ke RM1.6 juta. Jadi, saya harap sangat penduduk Kampung Sepinang yang telah menggunakan balai raya sebagai masjid sementara selama 3 tahun, saya minta YB EXCO dapat selesaikan isu ini. Gunakan kesempatan, ada hubungan baik dengan kerajaan pusat untuk selesaikan perkara ini. Selain daripada Masjid Kampung Sepinang, juga minta supaya YB EXCO lihat juga pembinaan Masjid Gemas Baru, Segamat yang juga ada keperluan kerana penduduk menggunakan surau sebagai masjid. Juga Masjid Makam Lubuk Batu, di mana Masjid Makam Lubuk Batu ini bila banjir besar tenggelam, jadi mereka mempunyai masalah dan cadangan untuk pembinaannya saya difahamkan telah diluluskan sebanyak RM2.6 juta. Jadi adakah cukup, tak cukup, dah buat, bagaimana statusnya saya minta YB EXCO jelaskan?

YB Speaker, akhir sekali saya ingin mengajak rakan-rakan sebelah sini supaya kita muhasabah diri dengan ungkapan yang diberikan oleh rakan-rakan sebelah sana bahawa kita ini batu api. YB Speaker, fikir kalau melihat kepada ucapan-ucapan, cadangan, pandangan, kritikan yang diberikan oleh kami belah sini, saya fikir ia bukan batu api, tetapi pada saya ada satu dua orang wakil sebelah sana yang sebenarnya menjadi batu api. (Dewan bertepuk) EXCO dah ok. EXCO dah ok, dua tiga YB sana ucapan-ucapannya semua dah ok, mengakui kesilapan, akan buat terbaik tapi satu dua orang yang menjadi batu api jadi saya harap sebelah sini muhasabah, sebelah sana muhasabah sambil nasihat rakan-rakan kita satu dua orang tu jangan jadi batu api. YB Speaker, sekian terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Buluh Kasap, Ahli-Ahli yang Berhormat persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 4.10 petang ini.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 4.00 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 4.10 petang.**

**YB Timbalan Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula, dijemput Yang Berhormat Tanjung Surat.

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman (Tanjung Surat):** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Puan Speaker, Tanjung Surat ingin merafak sembah menjunjung kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim berangkat merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-14 pada hari Khamis lalu, 27 Jun 2019, bertempat di Bangunan Sultan Ibrahim, Bukit Timbalan Johor Bahru.

Ini hari 28 Syawal, masih dalam bulan hari raya, saya ingin mengucapkan selamat hari raya kepada semua Ahli-Ahli Dewan khususnya yang beragama Islam dan pegawai-pegawai kerajaan yang hadir sama, Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Sebagai anggota pembangkang, Tanjung Surat menyambut baik titah Tuanku Sultan agar kami di barisan pembangkang memainkan peranan untuk memastikan segala program kerajaan benar-benar memberi faedah kepada rakyat dan dilaksanakan dengan betul dan teratur. Tanjung Surat juga sebagai Ahli Dewan yang mulia ini akan menjaga tingkah laku, tatatertib berpakaian, patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan dan beradab ketika berbahas. Pasti tak ada batu api.

Yang Berhormat Puan Speaker, Tanjung Surat ingin membawa beberapa isu berkaitan dengan kawasan saya. Memandangkan kawasan saya sebuah kawasan yang membangun, pembangunan yang begitu pesat khususnya dalam pembangunan minyak dan gas yang

begitu besar di kawasan saya. Isu pertama, masalah berbangkit daripada penempatan semula penduduk-penduduk dari 6 buah kampung ke suatu kawasan yang telah dibangunkan dinamakan Taman Bayu Damai. Tiap-tiap pemilik tanah dapat rumah banglo satu tingkat dan mereka diberi dengan harga bersubsidi oleh kerajaan untuk memastikan pengorbanan mereka meninggalkan kampung halaman, kampung asal mereka, turun menurun daripada nenek moyang mereka dihargai oleh kerajaan. Semua diambil kira, bayaran pampasan tanah, rumah, pokok-pokok yang berharga yang di kawasannya semua dibayar. Tak cukup itu, tiap-tiap pemilik tanah yang ada di kampung asal dulu diberi dua, dikurniakan dua ekar tanah pertanian. Proses memberi tanah ini kepada, mengurniakan tanah ini kepada 881 pemilik tanah di kampung asal ada 881, dah jalan lancar, cantik, ada yang dah dapat geran, kebanyakannya dah dapat geran. Ada dalam proses bayar premium dan ada juga yang masih dalam proses lewat sedikit kerana masalah-masalah tertentu terutama berkaitan dengan pewarisan. Saya ada *figure* di sini ataupun ada angka di sini, daripada 881, 797 telah selesai. Tak ada lagi isu. Maknanya surat hak milik ada yang dah dapat, ada yang akan dapat tak berapa lama lagi. Tapi, 84 belum dapat *offer* untuk bayar premium pun belum lagi. Makna ada masalah yang patut diatasi seperti saya katakan tadi masalah warisan.

Tiga bulan lalu, pentadbiran PH, Menteri Besar yang dulu telah mengarahkan supaya 84 ini, pengurniaan kepada 84 ini dibatalkan. Melentinglah orang, 84 orang kampung ni. Saya sebagai Wakil Rakyat di sana rasa begitu hiba dan sedih dengan tindakan kerajaan. 84 ini nak ditarik balik tanahnya. Bukan nak diselesaikan pengurniaannya tapi nak ditarik balik. Orang kampung, mereka bermesyuarat yang 84 orang ini telah membuat satu memorandum menghantar kepada Menteri Besar yang baharu sekarang. Saya merayu kepada kerajaan negeri khususnya kepada Menteri Besar supaya batalkan balikkah, pembatalan 84 kurniaan tanah itu. Kasilah orang yang 84 ini seperti yang 797 yang dah dapat geran. Adalah tidak adil rasa saya ya untuk membuat tindakan yang drastik sedemikian rupa kepada orang yang telah berkorban untuk supaya industri minyak dan gas dapat membangun dengan begitu gah di kawasan Tanjung Surat. Itu 6 kampung punya cerita.

Lepas tu ada satu kampung lagi, namanya Kampung Sungai Buntu. Saya harap tak buntulah masalah kampung ni. Alhamdulillah, proses pemindahan dah mula dah. Ya, kerana tanah mereka diambil, di situ ada Sekolah Menengah Tanjung Datuk pun diambil. Jadi, sekarang ada lebih kurang 30 pemilik tanah. Tapi, bila yang 6 kampung pindah, kerajaan negeri sebelum ini bukan masa zaman Dato' Khalid Nordin, tapi zaman Dato' Ghani Othman lagi yang berjanji 2 ekar ini, tidak berjanji kepada Sungai Buntu, Kampung Sungai Buntu. Pasal, ketika itu Kampung Sungai Buntu belum diputuskan untuk diambil. Kerana tak ada rancangan yang telah dipastikan, jadi sekarang kampung ini akhirnya berpindah juga. Jadi, saya merayu kepada kerajaan supaya mengurniakan hanya lebih kurang 30 sahaja pemilikinya. 2 ekar baru 60 ekar. Tanah ada lagi kat kawasan yang orang dapat 2 ekar ni ada lagi tanah. Jadi, saya merayu kepada kerajaan negeri khususnya Menteri Besar supaya memberi kepada Kampung Sungai Buntu ini 2 ekar untuk lebih kurang 30 orang pemilik asal dulu ya, supaya mereka tak buntulah ya.

Berikut, saya ingin membawa isu berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang. PBT Pengerang. Satu PBT yang paling muda dan agak kaya jugalah. Kalau kita dengar semalam caj, caj apa, caj pemajuan, kita yang paling hebat, RM10.1 *million*. Jadi, apa yang saya timbulkan, setahu saya PBT Pengerang ini telah ditubuhkan menurut Seksyen 7 Akta 171, Kerajaan Tempatan yang mana Pihak Berkuasa Tempatan melantik, Pihak Berkuasa Tempatan ini diserahkan kepada pentadbiran JCorp untuk mentadbir PBT Pengerang ini kononnya pada asalnya sekurang-kurangnya untuk 5 tahun. Tapi, malangnya selepas 2 tahun, bertukar kerajaan, kerajaan telah memutuskan supaya kerajaan negeri mengambil balik. Bukan saya kata salah kerajaan negeri ambil balik atau JCorp harus dikekalkan, tidak. Masalahnya sekarang yang saya nampak, PBT Pengerang ni dalam orang putih kata, *neither here nor there*. Sini tidak, sana tidak. Katanya sekarang dalam macam peralihan daripada PBT Pengerang ini dulu ada JPP, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, macam

Ahli Majlis lah, bila kerajaan baru datang itu pun tak ada lagi dah. Jadi sekarang PBT Pengerang tak ada Perwakilan Penduduk atau Ahli Majlis memang tak adalah, Seksyen 7 ni. Jadi, sambil itu, oleh kerana nak mengambil alih kerajaan negeri, saya difahamkan kerajaan negeri telah membuat kertas untuk menaikkan taraf PBT Pengerang kepada Majlis Perbandaran Pengerang. Bagus kalau dapat. Pada saya, saya tak tahulah kabinet akan luluskan atau tidak, kerana pada saya belum lagi masanya PBT Pengerang ini dinaikkan taraf kepada Majlis Perbandaran Pengerang. Sebabnya saya tak jangka penduduknya telah sampai 150,000. Tak ada hospital, tak ada IPD, tak ada pejabat-pejabat kerajaan yang penting, rangkaian jalan pun tak mencukupi, Mahkamah pun ala kadar. Memang pada saya baru dua tahun jagung dah nak naik taraf Majlis Perbandaran Pengerang, rasa saya belum masanya. Tapi kalau kerajaan pusat melalui kelulusan kabinet, meluluskan, Alhamdulillah. Kalau tak diluluskan, macam mana status sekarang? Nak balik semula pada JCorp atau nak jadikan Majlis Daerah Pengerang? Macam mana? Saya tak peduli nak jadi JCorp ke, nak jadi kerajaan negeri ke nak Majlis Daerah ke? Yang saya risau dengan ketidaktentuan ini, pembangunan di bawah PBT Pengerang telah terencat.

Sejak akhir-akhir ini saya tak nampak projek-projek impak tinggi dilaksanakan ataupun di tender. Kononnya nak menunggu Majlis Perbandaran Pengerang ditubuhkan. Jadi, benda-benda ini adalah projek-projek yang untuk kebaikan penduduk. Daripada di lengah-lengahkan rasa saya tidak memberi apa-apa faedah kepada sesiapa. Contohnya Pengerang ini ada masalah rumah sewa. Kakitangan kerajaan, pasangan muda susah nak dapat rumah murah, rumah sewa murah yang bawah RM500.00, tak ada. Semua RM1,000.00 ke atas. Jadi, ada rancangan saya diberitahu oleh PBT dulu ada nak buat macam boleh katakan nak panggil apa panggillah, transit, rumah transit ke. Maknanya orang yang berpendapatan rendah atau baru kerja ni boleh menyewa. Itu semua tak dapat dibuat sekarang. Tak dapat nak laksanakan. Nak buat *waterfront*, Pengerang *Waterfront* semua dah cantik dah, nak dibina lepas tu dalam *waterfront* tu bukan saja nak landskap yang cantik tapi nak menempatkan semula peniaga dan penjaja-penjaja. Dan, banyak lagi nak buat bangunan korporat PBT Pengerang. Sekarang menyewa rumah kedai. Banyak lagi tak boleh kerana statusnya sekarang tak tahu macam mana. Saya harap kerajaan negeri dapat selesaikan masalah ini kerana kita nak tengok PBT Pengerang ini terus maju dan apatah lagi mereka tak ada masalah dari segi kewangan, pelaburan begitu tinggi ataupun mereka mendapat wang cukai pintu dan sebagainya daripada projek-projek yang besar pastinya akan memberi pulangan yang baik ataupun hasil yang baik kepada PBT Pengerang.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin membawa kepada perkara yang ketiga, projek-projek lewat dan terbengkalai di Pengerang. Pengerang banyak projek, maklumlah untuk menyokong industri minyak dan gas, kerajaan pusat telah berbelanja lebih RM2 bilion untuk membuat macam-macam, jalan, itu ini, balai bomba, penempatan apa nelayan, jeti nelayan, dalam dan lebarkan sungai, macam-macam. Tapi kebanyakannya lewat. Contoh, kalau tuan-tuan, Ahli-Ahli Yang Berhormat ke Pengerang, daripada Penawar ke Sungai Rengit, dari dua lorong ke 4 lorong sampai sekarang tak ada penyudahnya. Setahu saya 30 Julai tahun lepas patutnya dah siap. Tapi, kalau lalu sekarang nampak benar tak siap lagi, ya. Jadi, banyak lagi projek-projek yang macam ini boleh katakan semuanya lewat. Projek 3 buah Balai Bomba tak siap-siap. Mungkin ada satu baru dah nak siap agaknya. Dah terbengkalai begitu lama. Yang saya risau pasal bila projek ini, bila Balai Bomba ni tak siap sepenuhnya pasal Petronas dah mula nak beroperasi secara komersil. Saya diberitahu bulan Oktober, sekarang dibuat *commissioning* atau pentauliahian loji-loji dia dan sebagainya. Jadi, baru-baru ini berlaku kebakaran letupan di dalam RAPID. Di bahagian *Atmospheric*, dengan izin *Residue Desulfurization (ARDS)* dalam kawasan RAPID. Dia punya bunyi gegarannya ataupun letupannya kedengaran sampai Pasir Gudang, Penawar. Gegarannya dirasai oleh sampai ke Penawar. Yang sedihnya Kampung Lepau yang bersebelahan, banyak rumah rosak. Bergegar begitu kuat, ya. Jadi, tapi tak apalah itu perkara tidak ada kematian, Alhamdulillah. Cuma ada seorang aje cedera ringan. Tapi akan datang kita tak tahu. Yang dalam, apa yang berlaku dalam RAPID, RAPID dia ada sistem dia, dia ada dia punya *response team* lah dan macam-macam. Yang di luar ni, kalau

melibatkan di luar, kalau Bomba tak lengkap, tak siap, Jabatan Bomba Dan Penyelamat macam mana? Ini saya harap projek-projek yang ni kena disiapkan secepat mungkin supaya kebakaran, letupan berlaku seperti yang atau lebih serius daripada itu, nanti dapat ditangani dengan baik. Kita doa jangan berlakulah. Tapi, kita tak boleh menolak kemungkinan ia takkan berlaku. Kita kena bersedia.

Perkara yang keempat saya nak bawa, pelancongan di kawasan Pengerang. Saya tak nak sentuh sangat di kawasan Penawar. Saya bukan ADUN Penawar. Cuma, Desaru, di Desaru ada pembangunan terbesar, Desaru Coast. Saya dimaklumkan akan dirasmikan oleh Tuanku Sultan pada hari Jumaat ini. Dan, di DUN saya ni *chalet-chalet* je lah. Hotel-hotel kecil aje. Cuma saya minta kerajaan negeri tengokkan. Yang ada hotel, satu Emerald Hotel, baru bukalah, dia hotellah, 2-3 bintang saya tak tahulah, di Punggai. Tapi kebanyakannya *chalet-chalet* oleh orang kampung atau syarikat-syarikatnya di Tanjung Sepang, Batu Layar, di Punggai. Jadi, saya harap pihak kerajaan dapat memberi bantuan infrastruktur dari segi kemudahan asas di kawasan-kawasan ini yang tidak begitu baik dapat ditingkatkan pasal kawasan ini mempunyai potensi menarik pelancong di masa akan datang.

DUN Tanjung Surat hampir 70 kilometer adalah persisiran pantai. Jadi, ramailah nelayan. Selain mendapat elaun sara hidup bulanan yang berkurangan, nelayan ni daripada RM300.00 ke RM200.00, nelayan di kawasan DUN Tanjung Surat menghadapi beberapa masalah lain akibat pembangunan yang pesat di Pengerang. Contohnya, kerja-kerja penambakan mengakibatkan kecilnya kawasan menangkap ikan ya pada nelayan. Kadang kalanya laluan keluar masuk bot-bot nelayan ini terganggu oleh kerja-kerja seperti ini. Jadi saya merayu kepada pelabur-pelabur baik PETRONAS, *Dialog* dan yang akan-akan datang bagi memastikan kepentingan nelayan ini tidak diganggu. Pastikan mereka dapat tempat untuk mendapat tempat jadi pangkalan baru dan sebagainya. Laluan bot mereka tidak diganggu, supaya orang ni nak dapat RM20.00, RM30.00 sehari sahaja, ni *giant* punya *company*, gergasi PETRONAS, *Dialog* ni main bilion punya bisnes, janganlah ganggu orang yang cari RM20.00, RM30.00 ni ya. Kalau dapat, beri kemudahan mereka, bantuan kepada mereka untuk mereka terus dapat hidup dalam kawasan mereka ataupun kawasan berhampiran untuk mereka meneruskan usaha menangkap ikan.

Selain daripada itu, ada APMM, Pegawai APMM, datang kat, jumpa nelayan suruh pergi ke *Middle Rock*. *Middle Rock*, batuan tengah dekat Pulau Batu Putih. Kata dia pergi kat situ, boleh tangkap ikan. Dia galakkan dia kata, itu kawasan kita. Tapi malangnya nelayan mengadu pada saya mereka pergi ke sana APMM halau dia balik. Tak benarkan menangkap ikan. Jadi kalau ada wakil APMM ni, tolong selesaikanlah masalah ini.

Selain daripada itu, di Tanjung Surat ini, DUN Tanjung Surat, seperti biasa masalah perumahan, pertama generasi kedua FELDA, kebanyakan rancangan FELDA di kawasan mana-mana pun ada masalah perumahan untuk generasi kedua. Dalam DUN Tanjung Surat pun tidak berkecuali. Pengarah Besar FELDA, telah datang ke Gugusan Adela kawasan saya untuk meninjau tapak-tapak untuk dibangunkan rumah untuk generasi kedua, khususnya di FELDA Tunggal, yang mempunyai 134 ekar...

**YB Timbalan Speaker :** Sila gulung.

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman (Tanjung Surat) :** ... 134 ekar, dan untuk dibangunkan, untuk generasi kedua dan saya harap dengan lawatan Pengarah Besar ini dapat dicepatkan pelaksanaan rumah orang FELDA ni generasi kedua. Selain daripada itu ada rumah PP1M, kita buang 1 lah ya, sensitif, Perumahan Penjawat Awam Malaysia yang dibina oleh YPJ Holdings. Setakat ini, dia buat *earth work* aje, kerja-kerja tanah aje, dah berhenti. Saya tak tahu apa lagi lepas ni. Selain daripada itu, projek itu 500 unit tu, lepas itu Projek Perumahan Rakyat, PPR 300 unit di Kampung Bungai telah terbengkalai begitu lama. Saya dapat jawapan daripada Yang Berhormat EXCO, kontraktor baru telah mulakan kerja *possession of site* dengan izin, 25 Mac 2019, terima kasih. Siapnya 24 September 2021, saya harap betul-betul ini kononnya kontraktor penyelamat, tak ada masalahlah saya

doakanlah ya, supaya penduduk yang miskin ini dapat duduk di PPR ini. Pasal apa kita tak nak berlaku yang dulu, terbengkalai begitu lama patutnya dah siap bulan Jun tu hari, bulan Jun lepas, bulan Jun ni patutnya, lepaslah 2, 3 minggu lepas patutnya dan siap. Tetapi kerana terbengkalai, macam-macam cerita saya dengar tapi punca dia, dengan izin, kerajaan lantik bukan kontraktor, kerajaan lantik kontraktor ini, terbengkalai projek. Jadi saya harap dengan penyelamat ni, nama pun penyelamat ya, saya harap terus dapat diselamatkan projek ini, mencapai kepada kejayaan untuk menyiapkan rumah PPR ini.

Akhir kata, terima kasih EXCO Agama, Masjid Bayu Damai akhirnya akan dibina, tapi belum tender lagi. Tapi seperti saya terangkan tadi, janganlah kerana RM2 juta tu nanti, terganggu nak panggil tender. Ini RM5 juta memang dari ICU, RM2 juta lebih adalah pampasan kerajaan kepada masjid, 3 buah masjid yang telah diambil kawasannya termasuk masjidnya. Itu pampasan untuk masjid, jadi, saya tak nampak, janganlah kata duit tak ada pulak RM2 juta tu nanti, tahun depan pulak baru tender, saya harapkan benda macam ni tak berlaku. Jadi Yang Berhormat Puan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang saya untuk berucap pada petang ini. Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Dijemput Yang Berhormat Semarang.

**YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Speaker yang memberi peluang kepada saya untuk sama-sama terlibat dalam perbahasan menjunjung tinggi kasih atas titah Diraja oleh DYMM Tuanku Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, pada Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 yang lalu. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini sempena bulan Syawal yang ke-28 Syawal ini, ingin mengucapkan selamat hari raya, maaf zahir dan batin pada semua warga dalam Dewan Negeri ini, dan pada masa yang sama saya juga turut merafak sembah mengucapkan tahniah sempena Hari Keputeraan DYAM Tuanku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor sempena hari keputeraan beliau pada 30 Jun yang lalu.

Yang Berhormat Puan Speaker, kita sekarang berada dalam era Malaysia baru. Sebelum ini kita didengarkan dengan slogan, selamatkan Malaysia. Selamatkan Malaysia dengan antaranya menubuhkan kerajaan negeri Johor. Apa yang berlaku, yang diharapkan, oleh pihak pembangkang pada waktu itu, telah berjaya...

**(Berhenti sebentar kerana memberi laluan laungan azan).**

Yang Berhormat Puan Speaker, slogan Selamatkan Malaysia, yang digambarkan Malaysia pada waktu itu terlalu hodoh, tiada masa depan, berhadapan dengan *bankruptcy* dan sebagainya, telah mendorong rakyat Malaysia menukar kerajaan ini. Kita terima apa yang berlaku dan ia sekarang berada dalam era yang dikatakan Malaysia baru. Kerbau dah beranak, manusia dah bersalin, ayam dah menetas, maka setahun lebih telah berlalu. Realitinya Yang Berhormat Puan Speaker, dinyatakan sendiri oleh rakan-rakan kita di pihak kerajaan bahawa ianya tidaklah seindah sepertimana yang diharapkan. Manifestasi apa yang kita lihat, daripada apa ucapan mereka adalah sebenarnya adalah luahan rasa, realiti yang berlaku dalam masyarakat kita. Kalau dulu di Dewan ini, dinyatakan rakyat dianiaya, rakyat dikejami, kerajaan zalim dan semuanya membawa kesusahan kepada rakyat jelata, hari ini diakui juga sehinggakan Yang Berhormat Parit Yaani mengatakan bahawa antara sebab ponteng sekolah adalah anak-anak yang kerja malam tak bangun pagi nak pergi sekolah. Andaian ini sebenarnya satu perkara yang serius, sejauh mana benarnya? Kalau benar ianya berlaku, apa tindakan kita? Saya tidak mahu membaca senarai panjang kegagalan dan janji-janji yang tidak dilunaskan. Tidak perlu saya menyatakan dalam Dewan ini, di hadapan penjawat-penjawat awam yang ada, kerana rakyat di luar sana telah maklum dan tahu bahawa ini semua adalah pembohongan pembangkang pada waktu itu.

Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan sekarang ini bukan mewarisi sesuatu yang bobrok, yang buruk, yang hodoh, yang teruk. Sebenarnya mereka mewarisi satu kejayaan. Soalnya

bagaimana untuk mengurus kejayaan ini untuk jadi lebih baik dan beri manfaat kepada rakyat jelata? Jangan sekadar ada kerajaan, asal ada. Jawatan, asal ada jawatan, asal ada, tetapi macam tak ada. Prestasi kerajaan sebenarnya bukan sekadar pada yang di hadapan kita ni, barisan pemimpin yang ada. Ianya dilihat dan dinilai terhadap penjawat awam dan juga mereka yang dilantik oleh kerajaan di akar umbi sebelah sana. Tadi dinyatakan MPPKnya, Ahli Majlisnya, jawatankuasa masjid, suraunya dan sebagai Ahli Jawatan kuasa MPPKnya dan sebagainya. Kalau baik mereka, baiklah kerajaan. Untuk menambah baik insya-Allah, Alhamdulillah kita terima baik. Kita dah reda dan kita telah bertekad untuk sama-sama membangun negara ini. Tak kiralah nak dikatakan batu api ke, batu *nonsense* ke, tak apa. Kalau mereka mengkritik kerajaan itu adalah niat yang baik. Kalau kita mengkritik kerajaan, itu batu api pulak.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya juga ingin merujuk apa yang telah dinyatakan oleh Permas, kerajaan telah tak nak dengar pembangkang, dengarlah rintihan Permas kerana ianya selari dengan apa yang kita ketengahkan. Pada masa yang sama terbukti bahawa sebenarnya untuk memerintah adalah tidak mudah seperti yang disangka. Ini adalah realitinya. Dan pada masa yang sama dalam menyambut Malaysia Baru, ulang tahun menubuhkan kerajaan Barisan Nasional yang dikatakan zalim pada waktu itu, yang membawa keburukan dari segi ekonomi dan sosial pada waktu itu, mereka melaungkan dengan izin, *shared prosperity*, perkongsian kemakmuran. Apakah benar-benar kita berkongsi kemakmuran ataupun *scattered*, kemakmuran yang berkecai di hadapan kita. *Shared prosperity* apa, jika segalanya diragut daripada rakyat setelah mandat diberi kepada kerajaan. Usahkan untuk menambah, yang dah sedia pun diragut daripada rakyat. Ketika Khazanah Nasional dijarah melalui pintu depan, pintu belakang, *shared prosperity* apa? Bila petani, pesawah, penoreh, pelajar disuruh mengikat perut dan bajet mereka dipotong. *Shared prosperity* apa bila *rule of law*, dengan izinnya dalam konteks menguntungkan dan melindungi sang penguasa tapi mengancam musuh politik, raja-raja dan mereka yang lemah dan sudah jatuh, manakala mereka dinaungi dan dilindungi.

Yang Berhormat Puan Speaker, kepada rakyat mereka tidak teruja dengan janji-janji seperti menanam tebu di bibir, tapi yang penting adalah apa yang dirasa pada lidah dan yang terisi pada perut seharian mereka sekeluarga. Kaedah perang persepsi dengan sengaja memburuk-burukkan keadaan untuk menghalalkan alasan ketidakupayaan menunaikan janji sudah dihidu oleh rakyat. Kepada saya, saya nak sebut sekali lagi di Dewan ini, orang yang hebat, pihak yang hebat menunjukkan hasil. Pihak yang gagal, yang lemah mencari alasan.

Yang Berhormat Puan Speaker, harus diingat perang persepsi, *cyber troopers* bergaji, naratif songsang dan alasan-alasan yang sudah berjaya di pintas rakyat dan netizen di kala ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya juga ingin merujuk kepada keadaan semasa bahawa dalam hal ini penurunan *Index Islamicity Foundation* yang ternyata Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan negara kita mengikut *Islamicity Foundation* oleh badan analisis indeks tersohor menyatakan realitinya Malaysia telah jatuh 4 indeks. Pertama indeks ekonomi, yang kedua indeks *political ride* dengan izin, yang ketiga indeks *international relation*, dengan izin dan yang keempatnya *Islamic index* dengan izin berbanding di kalangan 152 negara-negara lain yang ada dalam dunia ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya juga ingin juga menyorot, melihat dengan minat tentang Laporan Pencapaian Setahun Pakatan Harapan yang dibentangkan oleh kerajaan negeri khususnya oleh Yang Berhormat daripada Kempas. Saya teruja tapi saya terperanjat tadi apabila dimaklumkan oleh pihak Buluh Kasap menyatakan ada salam untuk disampaikan kepada kepimpinan bahawa komputer riba tak sampai lagi. Ini kira *kantol*, tetapi dalam pencapaian ini mengatakan bahawa hanya memberi insentif RM1,000.00 kepada ketua-ketua kampung, 667 ketua kampung secara *one-off* untuk kemudahan membeli komputer riba. Komputer riba apa yang dapat RM1,000.00 ni (Dewan bertepuk). Kita dapat meriba adalah. Bermakna ini bukan pencapaian, ini satu laporan palsu sama juga dengan sijil palsu, kelayakan palsu, palsu jugalah. (Dewan bertepuk). Jadi Yang Berhormat

Puan Speaker, ini bukan pencapaian. Dan pada masa yang sama juga Yang Berhormat Speaker, Puan Speaker, saya juga teruja tentang Pelan Pembangunan Mampun 2019-2030 yang melibatkan 8 teras. Adakah ini sebagai dianggap sebagai kejayaan? Tak apalah kita terima dia sebagai kejayaan kerana kejayaan merancang. Perkara 2 dan Perkara 3 menyatakan berkenaan Demokrasi Dinamik Dan Kesaksamaan Sosial dan yang ketiganya Urus Tadbir Cekap, Berintegriti dan Demokratik. Saya nak ucapkan tahniah kepada jabatan-jabatan kerajaan negeri yang telah pun mempunyai garis panduan yang lebih baik dan diperbaiki daripada masa ke semasa dalam pengurusan.

Saya nak mengucapkan tahniah kepada Jabatan Agama Islam dan dinyatakan pihak Bukit Permai juga menyatakan, ADUN Bukit Permai menyatakan untuk menyelesaikan liberalisasi sampaikan nak cari pengerusi jawatankuasa masjid pun di *interview* sama ada dia terlibat soal liberalisasi, liberisme ataupun tidak. Itu menyatakan, menunjukkan bahawa kita mementingkan meritokrasi. Berkenaan dengan Jabatan Agama ini saya ucapkan tahniahlah dalam urusan untuk memilih dan mencari jawatan penggerak masjid dan surau dalam peringkat undangan negeri-negeri, dalam negeri Johor sebanyak 56 kawasan dalam negeri Johor ni dibuat *interview* bukan sekali, dua kali, pertama lisan, bertulis, tak lulus bertulis tak boleh pergi ke *interview* lisan. Bagus, bermakna mereka dilantik, melantik hanya akan melantik mereka yang benar-benar layak dan mereka didapati layak untuk menjawat jawatan yang berelau RM900.00 ini. Hebat, tetapi malangnya Yang Berhormat Puan Speaker, saya nak membaca senario ini apa yang berlaku. Surat Tawaran Pelantikan Kontrak Jawatan Penggerak Masjid dan Surau dikeluarkan bertarikh pada 17 Februari 2019, tarikh lantikan 3 Mac, tandatangan perjanjian pegawai kontrak 3 Mac, periksa kesihatan 4 Mac, tetapi malangnya Yang Berhormat Puan Speaker, selepas itu surat penempatan jawatan kepada 16 orang penggerak masjid dan surau dalam DUN-DUN 4 di Batu Pahat telah berlaku dan disampaikan bertarikh surat 2 April 2019 dan berkuat kuasa pada 1 Mei 2019. Ni apa cerita ni? Kenapa harus berlaku? Saya nak nyatakan, anda cerita berkenaan dengan Demokratik, anda cerita berkenaan dengan ketulusan, anda cerita berkenaan urus tadbir yang cekap, berintegriti, kenapa ini harus berlaku? Pemberhentian hanyalah berdasarkan kepada syarat nombor 9, "kerajaan boleh bila-bila masa memberhentikan perkhidmatan pegawai dengan memberi notis secara bertulis seperti yang diperuntukkan dalam jadual kepada perjanjian ini atau dengan membayar kepada pegawai satu bulan gaji sebagai ganti notis ini tanpa memberi apa-apa alasan". Satu institusi agama yang tertinggi dalam negeri Johor yang kita akui bahawa kita lebih bertamadun daripada orang yang lain, kita berbangga dengan apa yang telah kita capai dengan Jabatan Agama Islam kita. Pendidikan agama Islam kita tetapi ada tangan-tangan ghaib yang telah menyebabkan Jabatan Agama Islam mengeluarkan surat pemberhentian 16 orang dalam negeri Johor ini. Kenapa? Berkuat kuasa pada 1 Mei tak kira-kira ke, 5 Mei kita mulai Ramadan, 1 Ramadan tak kira-kira ke? Memang benar tidak ada nampak penglibatan *political hand* dekat sini, dengan izin. Tidak ada tangan-tangan politik, memang tak nampak tapi jangan baling batu sembunyi tangan (Dewan bertepuk). Ini dia, yang memikul beban adalah penjawat-penjawat awam kita. Keluarkan.

Dan Yang Berhormat Puan Speaker, sekarang ni mereka pula menghubungi pula pegawai-pegawai ni buatlah surat rayuan nanti kita kasi balik. Apa yang nak dirayu? Nak apa yang dirayu, salahnya apa? Periksa dah lulus, *interview* dah lulus, doktor kata tak hilang upaya. Saya nak bagi tahu Yang Berhormat Puan Speaker, mungkin Yang Berhormat Puan Speaker tak berapa fahamlah. Antara ujian tulisan, bertulis ni antaranya, antaranya ialah selain daripada hukum hakam biar semua tahu antaranya menulis kembali ayat al-Fatihah daripada *bismillahirrahmaanirrahim* sampai *waladdhollin* dalam bahasa Jawi dan dengan baris-barisnya sekali. Siapa yang boleh angkat tangan? EXCO Agama boleh? Bukan calang-calang. Yang menerima ini bukan kerana kebulur tentang RM900.00 ni (Dewan bertepuk), tetapi mereka minat untuk *served* institusi agama ini dengan baik, mereka dikalangnya ialah bekas-bekas ustaz tidak ada surat sokongan daripada Wakil Rakyat-Wakil Rakyat Barisan Nasional, tak ada, kalau sokong pun kalau tak lulus tulisan penulisan nak buat apa? Tetapi mereka dibuang begitu sahaja. Ini kalau Jabatan Agama Islam pun pulak di buat begini rupa jangan terperanjatlah rakan-rakan Wakil Rakyat yang jabatan

kerajaan telah dipesankan, jangan melibatkan diri berhubung dengan Wakil-Wakil Rakyat pembangkang (Dewan bertepuk). Tak terperanjat, tak terperanjat, mereka pun mengadu dengan kita, minta maaf YB, si anu tu tak bagi kita. Nak pergi majlis hari raya sambutan hari raya pun menyorok-menyorok, kita tak menyorok-nyorok, ketua kampungnya, tok penghulunya. Jangan libatkan politik. Aik? Harus diingat buruk-buruk ahli pembangkang yang ada kat sini ni adalah mereka yang sah dipilih pengundi-pengundi rakyat dalam kawasan masing-masing. Ini transformasi yang nak ditunjukkan? Tak kisah, kita makan tetap makan nasi rasa nasi, makan air rasa air, makan mee bandung rasa mee bandung, tak ada masalah tapi rakyat di luar sana dah tahu dah, dah menyampah, dah meluat dengan apa yang ada, semua nak ambil. Jaga tak mahu, semua nak diisi, kerja tak mahu.

Jadi Yang Berhormat Puan Speaker, inilah, inilah ni penglibatan politik PPK Pertubuhan Peladang Kawasan ni diubahnya, kata nak lebih demokratik. Harus difahami aspirasi apa penubuhan PPK itu, dah sekarang ni dibuatnya, dipilih kalau dah kat PPK hanyalah pilih, di PPK hanya pilih 7, 5 dilantik oleh Menteri. Dekat PPN 4 dipilih oleh perwakilan, 5 dilantik oleh Menteri. Nah, ada kejadian dekat Labis yang dilantik belum jadi ahli pun (Dewan ketawa). Ni macam mana? Macam mana? Nak katakan lebih baik? Memanglah kalau saya tanya pada Yang Berhormat kerajaan memang lebih baik tetapi rakyat kat bawah sana kata yang ada ni lebih tak baik daripada yang dulu. (Dewan bertepuk) Ini realitinya. Yang Berhormat Puan Speaker, dahlah, habislah, habis kat situ. Saya nak menyatakan bahawa perkara ini janganlah diteruskan kerana rakyat melihat dan kita tidak berhasrat untuk menumbangkan kerajaan dengan fitnah-fitnah kerana menumbangkan kerajaan dan siapa sahaja dengan fitnah ia tidak akan bertahan lama insya-Allah.(Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Puan Speaker, saya nak bawa masalah kawasan tempat saya. Banjir kilat di atas bukit, Arena Warna yang telah digerakkan dulu buat dah sekarang diisi, Alhamdulillah berjaya lah memindahkan peniaga-peniaga tu. Dapatlah sewa lebih agaknya, tapi tidak dikira, tidak diselidiki pendapatan peniaga-peniaga yang ada, bagaimana memindahkan begitu rupa, banjir dah 2 kali, banjir Arena Warna Ayer Hitam yang berada atas bukit kemuncak Ayer Hitam tu banjir kilat. Yang terakhir yang baru-baru ini berlaku pada 30 hari bulan. Yang semalam kelmarin ni waktu saya di Dewan Negeri. Banjir. Berduyun-duyun Ahli Majlis datang, berduyun-berduyun bukan Ahli Majlis, penjawat Majlis Daerah datang, tengok, punca mana, punca mana, punca mana. Tetapi pada masa yang sama juga mereka tidak melihat kawasan tempat lain yang berlaku. Khususnya di deretan jalan, Jalan Johor peniaga-peniaga yang lebih awal dulu ada. Bukannya salah mereka, banjir. Itu adalah takdir Allah tetapi lantaran saluran yang tidak betul, mereka ni Yang Berhormat Puan Speaker, kadang kala tak buat, belum buat pun dia orang rasa lega kalau dilawat ditanya apa masalahnya. Lori, *range rover* eh *range rover* tak ada, fortuner datang lalu lalang, dia tengok, apa dia kata orang sana tu, saya tak nak sebutlah seperti mana Kepong sebut, emas ke? Apa hebat sangat ke? Kita ni yang menghadapi perkara ini orang tak tengok pun. Jadi, kita harus berlaku adil dan pada masa yang sama berusaha menangani perkara-perkara dan masalah ini secara tuntas dan telus.

Yang Berhormat Puan Speaker, jangan cerita berkenaan integriti, jangan cerita berkenaan rasuah. Gunakan dengan izin, *rule of finger*, keluar satu tunjuk orang lain, 4 tunjuk ke diri sendiri. Sebab itu dalam hal ini Yang Berhormat Puan Speaker, saya harap perbaikilah apa yang ada. Saya juga ingin menyarankan GLC negeri Johor, tadi kita telah dengar GLC diberi tugas untuk membina rumah sekerat jalan lepas tu tak ada, tak jadi. Saya mencadangkan GLC-GLC negeri ini diberi peranan yang khusus mengikut kepakaran masing-masing. Jangan bertindih kepentingan dan jadi persaingan antara GLC dengan GLC. Agar ianya memberi pulangan yang lebih baik.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam era yang lepas kita telah menggunakan semaksimal mungkin keupayaan GLC-GLC negeri agar ianya memberi pulangan ke kocek kerajaan. Kalau kita mengharap sangat kepada *investor* dari luar semata-mata, kita hanya jadi pekerja.

**YB Timbalan Speaker :** Sila gulung.

**YB Datuk Haji Samsulbari bin Jamali (Semarang) :** Pada masa yang sama Puan Speaker, kita juga mengharap agar dilihat kepada GLC-GLC ini jangan ada rasa prejudis kepada GLC ikuti tentang perkembangan pencapaian dan sumbangannya kepada kerajaan negeri. *Fasilitet* dengan izin mereka, dengan sebaik mungkin agar mereka menjadi satu organisasi yang lebih besar dan menguntungkan bukannya menjadi tempat untuk jadikan kita punya *cash cow* dalam kerajaan negeri. Sebab itu saya mengharap, saya bersetuju saranan untuk saya berbelanja dengan berhemah tetapi jika tidak ada perbelanjaan dibuat kerajaan negeri, kerajaan negeri akan *surplus*. *No problem*. Rekodnya akan *surplus* sebab tak ada buat apa-apa. Asal jaga gaji, orang dapat gaji, orang dapat bonus, orang dapat pencen, lain tak bergeraklah. Sebab itu kita harus bijak mencari pendapatan baru bukan sekadar menaikkan cukai tanah. Harus diingat bila cukai tanah, bila cukai tanah industri ianya kos akan bertambah dan ianya akan di caj kepada barangan keluaran mereka dan akhirnya kita rakyat jelata yang terpaksa menanggungnya.

Yang Berhormat Puan Speaker, terima kasih di atas kesempatan ini. Marilah kita sama-sama untuk membangunkan kerajaan, negeri Johor ini dan tak perlulah kita menuding mana-mana pihak. Dan, terima kasih kepada mereka yang memahami dan selari dengan hasrat pembangkang yang ada ini. Insya-Allah yang baik kita sokong, yang kurang elok kita betulkan.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih kepada YB Semarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari esok, Rabu, 3 Julai 2019, jam 9.30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5.08 petang.**